

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid II Bil. 73 Hari Selasa 3hb. Disember 1996

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan
40)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1997

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B.42

(Ruangan 41)

Maksud B.43

(Ruangan 122)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1997

Jawatankuasa:

Maksud P.42

(Ruangan 41)

Maksud P.43

(Ruangan 122)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat.

(Ruangan 140)

Oktober, 1996.

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

Yang Berhormat Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

Yang Berhormat Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

Yang Berhormat Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

Yang Berhormat Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.
(Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 3hb. Disember, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

ATLET NEGARA TERLIBAT DADAH - KESAN

1. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sejauh manakah atlet-atlet negara kita yang terlibat dengan dadah; dan
- (b) apakah kes Azmi Ibrahim akan menjejaskan imej negara, terutama dalam persiapan menghadapi Sukan Komanwel 1998.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat

binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Amalan penggunaan dadah terlarang oleh atlet negara setakat ini masih lagi di peringkat terkawal dan belum berleluasa. Selain daripada kes pengambilan dadah frusemide oleh Azmi Ibrahim, penyalahgunaan yang lain hanya melibatkan sebilangan atlet bina badan sahaja. Manakala kes-kes yang terdahulu hanyalah

disebabkan oleh pengambilan ubat yang mengandungi bahan-bahan yang terlarang.

- (b) Pada pandangan kementerian, kes Azmi Ibrahim tidak menjejaskan imej negara menjelang Sukan Komanwel 1998 kerana kejadian ini berlaku di pertandingan tempatan (domestic), bukannya di peringkat antarabangsa. Atlet berkenaan juga bukanlah merupakan atlet bertaraf dunia. Di samping itu, kes ini juga jarang berlaku dan negara Malaysia masih belum dikenali dengan amalan pengambilan dadah di kalangan atletnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada maklumat yang terkini, saya ingin tahu apakah keputusan yang terkini ke atas kes Azmi ini daripada pihak IAAF yang telah menimbulkan kontroversi kepada para atlet dan juga pemimpin sukan di negara ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa pihak KOAM telah pun mengambil keputusan bahawa Saudara Azmi Ibrahim digantung selama 2 tahun. Walau bagaimanapun, IAAF telah pun membuat satu keputusan bahawa beliau digantung selama 4 tahun dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di atas budi bicara beliau sebagai Menteri yang mengawasi kejayaan dan perjalanan sukan di negara ini telah pun membuat satu kenyataan bahawa pihak KOAM seharusnya patuh dengan keputusan dan arahan yang dibuat oleh pihak IAAF. Walau bagaimanapun, ini terpulung kepada KOAM oleh kerana Kementerian Belia dan Sukan tidak

mempunyai bidang kuasa untuk memaksa KOAM supaya menerima keputusan yang dibuat oleh IAAF.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagi menangani masalah penggunaan dadah yang terlarang ini, apakah rancangan Kementerian Belia dan Sukan bagi mencegah daripada kes ini berulang pada masa akan datang? Dan apakah kementerian bercadang untuk mengenakan apa-apa tindakan yang lebih berat kepada atlet yang mengambil dadah yang terlarang ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi bahawa kami di Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan apa-apa hukuman. Kami hanya dapat mengadakan dua cara, iaitu pertamanya, melalui pendidikan atlet yang ada melalui persatuan-persatuan yang terbabit. Yang keduanya, mengadakan aktiviti-aktiviti dan kursus-kursus penyedaran bagi semua atlet supaya mereka tidak menceburkan diri di dalam penyalahgunaan dadah.

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA - SAMBUTAN MAJIKAN

2. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) analisa tentang sambutan majikan kecil tiap-tiap negeri terhadap skim subsidi RM20 juta di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSU) setakat ini; dan
- (b) langkah kementerian untuk menggalakkan majikan kecil yang lebih banyak mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia supaya menikmati subsidi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dan analisa tentang

majikan kecil yang sudah mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia mengikut tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Skim subsidi kepada majikan industri kecil yang disediakan melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia telah dilaksanakan mulai 2hb. Ogos, 1996. Skim tersebut pada masa ini hanya meliputi majikan-majikan di sektor perkilangan dan mereka diberikan pilihan untuk mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia atau sebaliknya.
- (b) Sehingga 31hb. Oktober, 1996 sebanyak 76 majikan telah berdaftar dengan MPSM. Perincian pendaftaran mengikut negeri adalah seperti berikut:

| | | |
|-------------------------------------|---|----|
| Selangor | - | 23 |
| Pulau Pinang | - | 11 |
| Johor | - | 11 |
| Perak | - | 9 |
| Kedah | - | 4 |
| Melaka | - | 4 |
| Pahang | - | 4 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | - | 3 |
| Negeri Sembilan | - | 3 |

| | | |
|------------|---|-----------|
| Sabah | - | 2 |
| Kelantan | - | 1 |
| Sarawak | - | 1 |
| Perlis | - | 0 |
| Terengganu | - | <u>0</u> |
| Jumlah | | <u>76</u> |

Dari jumlah itu, 4 majikan telah memohon dan diluluskan geran latihan membabitkan latihan kepada 32 orang pekerja dengan peruntukan kewangan berjumlah RM32,648.

Skim subsidi ini masih baru dan langkah-langkah untuk menggalakkan semua majikan industri kecil supaya berdaftar dengan MPSM dan seterusnya menikmati kemudahan skim masih giat dijalankan. Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil termasuklah:

- (i) mengadakan taklimat di seluruh negara bagi menerangkan skim subsidi tersebut;
- (ii) mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan majikan dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana untuk mencari jalan meningkatkan lagi penyertaan majikan kecil ini dalam latihan semula dan meningkatkan kemahiran pekerja masing-masing; dan

(iii) menjalankan kajian untuk mengenal pasti bidang-bidang kemahiran utama yang diperlukan oleh majikan kecil dan sederhana. Hasil kajian itu akan membantu MPSM memperkenalkan skim latihan baru dan khusus untuk dimanfaatkan oleh golongan majikan ini.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada memberi faedah kepada majikan-majikan, saya juga ingin mendapatkan penjelasan. Berapa ramaikah atau berapa peratuskah pekerja-pekerja bumiputera yang telah dilatih oleh majikan mereka di bawah skim KWPSU ini? Kalau hendak bagi notis, saya minta dapat dibangkitkan juga di dalam mesyuarat peringkat Jawatankuasa.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, jumlah berapa pekerja bumiputera itu, angka itu saya tidak dapat jawab buat ketika ini. Namun demikian, sukacita saya menyatakan sejak tabung ditubuhkan sejumlah 1,091,480 orang telah pun mendapat manfaat dari skim latihan ini.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Apakah kriteria-kriteria bagi membolehkan sesebuah kilang atau industri kecil ini dapat mendaftar kemudiannya mendapat faedah? Apakah kriteria seperti berapa banyak disumbangkan oleh syarikat-syarikat berkenaan bagi mereka mendapat faedah di bawah skim ini? Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, ini skim untuk syarikat kecil, majikan kecil iaitu pekerjaanya mestilah dari 10 ke 49 orang dan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta. Mereka hanya diperlukan membayar setengah peratus dari jumlah gaji mereka dan untuk setiap ringgit yang syarikat membiayai, kerajaan akan subsidi dua ringgit dan mereka boleh menggunakan wang ini untuk melatih pekerja-pekerja mereka.

Namun demikian, bayaran untuk majikan kecil ini seperti yang saya sebutkan bukanlah satu paksaan, ianya adalah satu opsyen yang diberi dan sudah tentulah oleh sebab ada subsidi oleh kerajaan, maka kita berharap majikan-majikan kecil akan berminat untuk berdaftar.

KURSUS BERKEMBAR KOLEJ SWASTA - DAKWAAN SUBSTANDARD

3. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa terdapat banyak kolej swasta yang menawarkan kursus berkembar untuk pelajar Malaysia, jika beliau sedar apakah langkah yang diambil untuk mengadakan peraturan bagi memastikan kursus tersebut adalah yang sebenarnya dan dinilai dengan sewajarnya oleh Kementerian Pendidikan. Sila beri penjelasan tentang langkah yang diambil dan peraturan yang dibuat ke atas kolej swasta yang menawarkan kursus berkembar untuk memastikan kelayakan yang diberi berdasarkan peperiksaan yang sewajarnya dan bukan atas pertimbangan keuntungan; dan
- (b) adakah kementerian sedar bahawa baru-baru ini telah didedahkan oleh akhbar tempatan dan akhbar di England bahawa sebuah sekolah swasta di negara ini yang bernama TL Management telah menawarkan kursus berkembar dari University of Wales dan Swansea Institute of Higher Education di mana kertas jawapan peperiksaan para pelajar

Malaysia diperiksa dengan penuh kelonggaran untuk memastikan kadar kelulusan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan memang telah memberi kelulusan kepada beberapa buah institusi pendidikan tinggi swasta untuk menjalankan kursus-kursus dalam program berkembar dengan universiti-universiti luar negeri. Kementerian ini sentiasa memastikan dan mengawal selia bahawa kursus-kursus ini adalah berkualiti. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:
- (i) mengkaji permohonan-permohonan yang diberi dengan teliti berdasarkan garis-garis panduan yang ditetapkan;
 - (ii) menentukan kelulusan-kelulusan yang ditawarkan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
 - (iii) menentukan sistem 'validation' dan 'moderation quality' terdapat di dalam kursus-kursus itu.
- b) Kementerian Pendidikan memang menyedari perkara tersebut. Kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi mengatasi isu itu. Dalam proses penyiasatan, kedua-dua pihak telah dipanggil untuk memberi keterangan. Tindakan dibuat berdasarkan kepada penyiasatan itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dahulu akhbar luar negeri pernah mengatakan kelulusan UKM rendah kualiti kerana

diturunkan nilai markah. Sekarang pula universiti berkembar ataupun kolej berkembar direndahkan kualiti untuk memudahkan rakyat Malaysia lulus. Apakah langkah-langkah yang tegas, yang hendak diambil oleh Kementerian Pendidikan supaya keyakinan sepenuhnya termasuk institusi pengajian luar negeri, keyakinan sepenuhnya terhadap kelulusan oleh kolej berkembar ini? Langkah-langkah yang tadi terlalu ringkas, apakah langkah-langkah yang detail yang hendak diambil untuk menghadapi masalah ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, semua dakwaan yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian itu adalah tidak berasas. Saya haraplah sebagai seorang wakil rakyat, Ahli Yang Berhormat jangan hendak bayangkan pandangan-pandangan tersebut kerana Kementerian Pendidikan memang ada tetapkan syarat-syarat untuk sebarang kursus yang diluluskan dan dikendalikan. Sekiranya ada apa-apa dakwaan yang dibangkitkan oleh ibu bapa, Kementerian Pendidikan tidak akan tunggu, kita akan ambil tindakan sewajarnya. Tetapi kes seperti ini, berasaskan kepada siasatan kita rasa bahawa langsung tiada asas tentang dakwaan tersebut.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, soalan tambahan. Untuk memastikan 'Bahasa Malaysia' ini tidak dipandang rendah oleh IPTS, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan 'Kepujian' Bahasa Malaysia di peringkat SPM sebagai prasyarat untuk memasuki IPTS seperti mana yang disyaratkan kepada pelajar-pelajar kita untuk memasuki universiti tempatan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat-syarat yang kita luluskan di dalam akta untuk institusi-institusi swasta itu, kita

kenakan sebagai wajib, mata pelajaran-mata pelajaran Bahasa Malaysia dan juga khusus Malaysian Studies untuk semua pelajar di institusi pendidikan swasta dan kita sudah wajibkan setiap pelajar sebelum mereka keluar dari institusi swasta tersebut mestilah mengikuti pelajaran tersebut.

Oleh kerana institusi swasta itu adalah untuk pelajar-pelajar rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia kerana kita juga hendak galakan pelajar-pelajar dari negara asing untuk menceburi bidang pendidikan swasta itu. Jadi, kita rasa syarat itu adalah lebih wajar.

INDUSTRI JUALAN TERUS - BILANGAN TANPA LESEN

4. Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah kawalan jualan terus dijalankan dengan jayanya dan pada masa ini ada berapa syarikat jualan terus berlesen dan tidak berlesen mengikut rekod kementerian.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri jualan langsung telah mengalami pertumbuhan yang pesat sekali iaitu empat kali ganda pertumbuhan jualan borong dan runcit menerusi kedai-kedai dan pasar raya - pasar raya semenjak dua, tiga tahun kebelakangan ini. Di samping pertumbuhan ekonomi negara yang stabil pada paras yang tinggi, prestasi cemerlang industri jualan langsung ini adalah disebabkan oleh usaha kerajaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya dalam menentukan imej industri ini terpelihara dan berada di tahap yang tinggi dari segi etika perniagaan seperti

yang diperuntukkan di bawah Akta Jualan Langsung dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Sehingga 31hb. Oktober 1996, sejumlah 746 syarikat mempunyai lesen yang sah untuk menjalankan perniagaan berbentuk jualan langsung iaitu jualan dari pintu ke pintu, melalui telefon dan pesanan pos. Aduan yang diterima oleh kementerian mengenai syarikat jualan langsung yang tidak berlesen adalah kecil. Salah satu sebabnya ialah denda berat yang ditetapkan oleh Akta Jualan Langsung 1993 bagi sesiapa yang menjalankan aktiviti jualan langsung tanpa lesen yang sah.

Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Adakah tindakan telah atau perlu diambil untuk memastikan bahawa faedah para pengguna dijamin di bidang perniagaan jualan terus? Adakah tindakan diambil untuk menghadkan bilangan syarikat jualan terus pada masa yang akan datang? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, jumlah lesen yang telah ada adalah sebanyak 746 yang telah diluluskan dan berjalan atau yang telah beroperasi di dalam perniagaan masing-masing. Buat masa sekarang, kementerian tidak bercadang untuk menghadkan jumlah lesen. Ini terpulanglah kepada produk atau barang-barang yang ingin dipasarkan secara jualan langsung kepada pengguna sehingga pihak kementerian mendapati barang-barang itu dapat diluluskan oleh kementerian atau agensi-agensi berkenaan, permohonan dapat dipertimbangkan buat masa sekarang.

Peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah Akta Jualan Langsung buat masa sekarang mencukupi bagi melindungi hak pengguna seperti saya katakan, jumlah kes-kes yang telah diambil tidak begitu banyak dan kita fikir keadaan yang sedia wujud adalah memuaskan.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah kementerian mengkaji ubat-ubat yang dijual secara langsung mengandungi steroid?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat yang menjual barang-barang termasuk ubat adalah perlu merujuk permohonan masing-masing kepada pihak Kementerian Kesihatan yang akan menjalankan ujian sebelum memberi pandangan serta kelulusan. Selepas mendapat pandangan dari Kementerian Kesihatan atau ada syor daripada kementerian tersebut, barulah kita menimbang untuk memberi lesen kepada syarikat untuk mengedarkan barang-barang atau ubat itu kepada masyarakat umum. Maka sehingga sekarang, kita tidak dapat apa-apa aduan mengenai hal ini. Ertinya Kementerian Kesihatan dengan pakar-pakar yang ada berpuas hati dengan barang-barang yang dijual di pasaran.

ANAK-ANAK AYAM - CEGAH PEMBUNUHAN

5. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Pertanian menyatakan langkah yang dapat diambil untuk mengatasi sikap buruk para penternak ayam tempatan yang suka membunuh anak-anak ayam setiap kali berlakunya kejatuhan harga ayam yang meruncing dan apabila berlaku kadar kenaikan harga makanan ayam yang melambung tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga ayam pada paras

yang terlalu rendah iaitu kurang daripada kos pengeluaran memberi tekanan kewangan kepada penternak-penternak ayam dan kadang-kadang memaksa mereka menakai anak ayam yang berlebihan supaya tidak menanggung kerugian yang tinggi.

Kenaikan harga makanan ayam biasanya tidak memaksa penternak memusnahkan anak ayam. Walau bagaimanapun, penakaian anak ayam yang cacat, kurang sihat dan tidak sesuai untuk ditenak merupakan satu amalan ternakan yang diterimapakai dalam pengurusan ladang ayam secara kemersial untuk menjamin mutu dan kecekapan pengeluaran.

Untuk memastikan bahawa tidak berlaku lebih dalam pengeluaran anak-anak ayam, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dengan kerjasama pengeluar anak ayam mengambil tindakan untuk mengesan tahap pengeluaran anak ayam dengan tujuan untuk mengimbangkan tahap pengeluaran anak ayam dengan permintaan. Pihak pengeluar dinasihatkan supaya mengurangkan pengeraman telur apabila keadaan lebih pengeluaran ayam diramalkan.

Dalam keadaan ini, pengawasan Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah diperlukan untuk memastikan kekejaman tiak berlaku semasa proses penakaian. Tindakan diambil untuk menentukan proses ini dijalankan secara berperikemanusiaan serta tidak melanggar peruntukan mencegah kekejaman terhadap haiwan di bawah Ordinan Binatang 1953.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat juga tindakan menjual anak-anak ayam kepada para pengguna. Bagaimanakah sambutannya?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan bahawa kita tidak melarang kepada pengeluar-pengeluar anak ayam untuk menjual, tetapi apa yang kita larang ialah dari segi kualiti. Kalau kualitinya tidak begitu diterima, maka adalah menjadi sesuatu yang merugikan kepada sesiapa yang membeli anak ayam.

Jadi, dengan sebab itu Jabatan Perkhidmatan Haiwan bersama-sama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang atau Persatuan-persatuan Peladang akan cuba menasihati penternak-penternak jangan membeli ayam atau anak-anak ayam dari mereka yang tidak bertanggungjawab, tetapi membelilah dari mereka yang telah diberi rekemen oleh pihak jabatan supaya tidak berlaku seperti apa yang Yang Berhormat katakan tadi.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami hanya ada 65 hari lagi menjelang Tahun Baru Cina dan juga Hari Raya Aidil Fitri dan biasanya tempoh untuk menghasilkan daging ayam juga mengambil masa lebih kurang 60 hari. Saya ingin bertanya, untuk memastikan harga ayam yang berpatutan kepada penternak dan juga pengguna, sama ada kementerian telah mengenal pasti bilangan anak ayam yang ditenak oleh penternak-penternak pada hari ini adalah mencukupi atau berkurangan? *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana setiap perayaan, memang kementerian saya menerusi Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan memastikan bahawa ternakan ayam di negara kita mencukupi. Tetapi oleh

kerana tahun lalu perayaan kedua-dua Tahun Baru Cina dan juga Hari Raya Puasa agak tidak berapa jauh iaitu selang satu hari, tahun ini kita sudah beringat. Insya-Allah, perkara yang berlaku pada tahun lalu diharapkan tidak akan berlaku.

KAD PENGENALAN PALSU - RAKYAT ASING MENDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI

6. Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa banyak rakyat asing yang telah didapati bersalah oleh pihak mahkamah kerana memiliki kad-kad pengenalan palsu telah:

- (a) mendaftar sebagai pengundi di Sabah dan mereka telah mengundi dalam beberapa pilihanraya yang lalu dan jika sedar bukankah ini merupakan campur tangan urusan hal ehwal dalam negeri oleh kuasa asing yang patut dipandang serius oleh pihak kementerian; dan
- (b) menggunakan kad pengenalan palsu mereka meminjam wang dari firma-firma kewangan untuk membeli kereta atau telefon bimbit sehingga menyusahkan rakyat tempatan yang memiliki kad pengenalan tulen, tetapi telah dipalsukan dan jika sedar, apakah tindakan kementerian untuk membantu mangsa untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam menyediakan daftar pemilih, saya difahamkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sentiasa memastikan bahawa hanya mereka yang terdiri daripada warganegara sahaja yang akan didaftarkan sebagai pemilih.

Dalam hal ini, sebelum permohonan mendaftar sebagai pemilih diproseskan, butir-butir pemohon akan disemak terlebih dahulu dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memastikan pemohon-pemohon itu benar-benar warganegara.

Begitu juga ketika menyediakan daftar pemilih, SPR sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan di dalam proses yang perlu dipatuhi ialah rang daftar pemilih itu akan dipamerkan kepada orang ramai untuk tujuan tuntutan dan bantahan. Oleh itu, jika ada orang-orang yang tidak berkelayakan cuba mendaftar sebagai pemilih, adalah menjadi tanggungjawab orang ramai membantu SPR dengan mengemukakan bantahan.

- (b) Di dalam kes rakyat asing yang menggunakan kad pengenalan palsu untuk mendapatkan pinjaman wang dari syarikat kewangan, ini memang diakui amat menyukarkan bukan sahaja mangsa, bahkan juga pegawai penyiasat polis untuk mengesan suspect.

Rakyat tempatan yang memegang kad pengenalan yang tulen yang secara kebetulan serupa identitinya dengan suspect, perlu memberi keterangan atau hadir untuk dicam atau dipastikan oleh pihak berkenaan semasa penyiasatan.

Pihak kementerian saya telah berusaha mengambil langkah yang positif seperti mengumpulkan cap jari rakyat asing yang telah melakukan kesalahan dan dimasukkan ke dalam data base, dengan izin.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam proses Jabatan Pendaftaran Negara menyediakan KPT tentunya terdapat kes-kes kad pengenalan palsu yang dikesan. Jadi, saya ingin tahu setakat hari ini berapakah yang telah dikesan dan apakah tindakan yang telah diambil?

Di samping itu, adakah KPT yang terbaru ini juga yang di dalam proses penyediaan telah terdapat kes-kes penipuan yang memalsukan KPT yang dikeluarkan pada hari ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini, hampir kebanyakan kad pengenalan yang dikatakan palsu itu telah dapat ditapis atau ditahan semasa mereka memohon di kaunter. Apabila pihak Jabatan Pendaftaran Negara di kaunter ternampak kad pengenalan itu kalau jelas sekali ia adalah palsu, kita akan terus merampas kad pengenalan itu dan kalau boleh kita hendak menahan orang itu untuk disiasat dan kita akan terus merujuk kepada polis.

Masa kini dapat kita perhatikan ramai di antara mereka yang memegang kad pengenalan palsu itu masih tidak berani atau enggan datang untuk memohon kerana mereka sendiri tahu kad pengenalan itu palsu. Ada juga kad-kad pengenalan yang dibuat dari bahan yang tulen iaitu kad plastik yang betul, menggunakan identiti orang lain, mereka sudah memohon tetapi apabila sampai kepada ibu pejabat JPN di mana semasa kita semak ia lulus telah dapat kita tapis di situ dan tolak dengan

serta-merta. Kes-kes yang ditolak di ibu pejabat itu memang ada satu bilangan tetapi saya tidak ada angka buat masa ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang permohonan untuk mendaftar sebagai pengundi adalah ditapis mengikut undang-undang tetapi di dalam hal ini yang kita persoalkan ialah mereka yang disahkan memegang kad pengenalan palsu oleh pihak mahkamah tidak dapat dipertikaikan lagi nama mereka ini berada di dalam daftar pengundi dan kemungkinan besar mereka telah mengundi di masa-masa yang lalu.

Jadi, soalan tambahan saya ialah adakah kemungkinan bahawa di dalam pendaftaran pengundi ini juga ada sindiket atas sebab-sebab tertentu seperti juga sindiket mengeluarkan kad pengenalan palsu. Oleh yang demikian, kementerian perlu membuat penyelidikan yang lebih menyeluruh di dalam hal ini.

Tuan Ong Ka Ting: Perkara ini telah pun diulangi oleh Yang Berhormat. Saya masih ingat soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menggulung Belanjawan pada peringkat dasar tetapi kerana soalan ini berulang kali dibangkitkan, saya kena berulang kali menyakinkan rakyat bahawa kerajaan tidak bertolak ansur langsung terhadap mana-mana orang yang cuba menggunakan kad pengenalan palsu untuk mendaftar sebagai pemilih tetapi kita perlu kerjasama daripada orang awam. Sekiranya Yang Berhormat ada bukti-bukti, berilah kepada kita secara bertulis yang mana kita akan ambil tindakan. Saya rasa kita sanggup

siasat dan saya rasa rakyat perlulah ada keyakinan bahawa kita memang mahu satu daftar pemilih yang bersih dan neutral.

FELDA - PEMBANGUNAN TANAH SECARA KOMERSIAL

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) bilangan kawasan tanah Felda dan juga keluasannya yang dibangunkan secara komersial oleh pemaju swasta; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan kebajikan peneroka terbabit setelah tanah mereka dibangunkan dan apakah bentuk kawalan dan seliaan yang diambil oleh kementerian.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh

Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya satu kawasan tanah Felda yang sedang dibangunkan secara komersial oleh syarikat swasta iaitu Felda Sungai Buaya, Selangor seluas 1,389 hektar. Bagi yang lain-lain iaitu Felda Cahaya Baru, Johor, Sendayan dan LBJ Negeri Sembilan, Bukit Cerakah, Selangor dan Sungai Behrang, Perak masih lagi dalam peringkat perundingan, perancangan dan mendapat kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang akan dimajukan oleh syarikat swasta ini adalah kawasan yang dimiliki oleh peneroka yang telah menjelaskan sepenuhnya hutang-hutang mereka kepada Felda. Sebagai langkah kawalan untuk memastikan kebajikan peneroka terjamin setelah tanah mereka dibangunkan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menetapkan 30% hasil daripada nilai tanah adalah diwajibkan untuk dijadikan pelaburan kekal peserta dalam mana-mana saham amanah kerajaan.

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi juga akan memastikan kepentingan peserta-peserta terjamin melalui perjanjian-perjanjian khusus di antara peserta dengan syarikat yang mewakilinya, di antara syarikat peserta dengan pemaju, di antara pemaju dengan pakar perunding dan kontraktor, di antara peserta dengan pakar perunding yang dilantik dan di antara pemaju dan pembeli melalui satu garis panduan yang telah dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara baru-baru ini.

Mengikut prosedur yang telah dipersetujui, permohonan daripada peneroka untuk pembatalan gazet Group Settlement Act (GSA) melalui jawatankuasa rancangan akan dipertimbangkan berperingkat-peringkat oleh jawatankuasa negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan jawatankuasa persekutuan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian sebelum ia diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkenaan dengan konsultasi dengan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan syabas kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi khususnya kepada Timbalan Menteri yang memberi jawapan sebentar tadi yang mana beliau ada menyebutkan di mana kepentingan peneroka dalam sesuatu projek yang membangunkan tanah mereka perlu diberi pertimbangan khususnya 30% dalam sesuatu projek yang dijalankan untuk membangunkan tanah tersebut.

Persoalan saya ialah, dengan adanya garis panduan yang telah dibuat oleh Majlis Tanah Negara baru-baru ini, yang begitu cantik, andainya berlaku sesuatu kontrak yang telah termeterai oleh pihak-pihak yang tertentu tidak memberi kontifikasi ataupun peruntukan kepada peneroka-peneroka tadi, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tanah peneroka Felda ini di bawah Group Settlement Act (Akta Berkelompok) dan kawasan itu tidak boleh dimajukan sehingga syarat itu dibatalkan oleh kerajaan negeri dengan konsultasi dengan Menteri Persekutuan. Sekiranya kerajaan negeri bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa kontrak yang dimeterai itu tidak akan membawa faedah kepada peneroka, kerajaan boleh tolak permohonan untuk gazet dibatalkan.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanyakan soalan tambahan lebih kurang macam yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, tetapi saya hendak melihat pandangan kementerian tentang kelicikan ataupun bijaksananya kerajaan negeri walaupun Kerajaan Persekutuan telah mengarahkan jangan mengambil tanah-tanah peneroka tetapi ada kerajaan negeri yang menggunakan anak syarikat atau agensinya mengambil alih tanah peneroka, membeli tanah peneroka dan dimajukan bersama dengan pemaju lain. Apa pandangan kementerian mengenai perkara ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada pandangan bahawa projek yang dicadangkan itu tidak akan membawa faedah, saya harapkan Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain boleh memberitahu bukan sahaja kerajaan negeri tetapi juga Kerajaan Persekutuan supaya kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bertindak bersama untuk menjamin kepentingan peneroka.

SAMPAH SARAP - PERKHIDMATAN PELUPUSAN

8. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timor]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) cara-cara untuk memastikan syarikat-syarikat swasta yang bakal menjalankan pelupusan sampah sarap supaya mereka memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menggunakan sebahagian daripada cukai pintu yang dikutip oleh kerajaan tempatan untuk membayar kepada syarikat swasta tersebut sebagai caj pelupusan sampah sarap, dan bukan membebankan lagi kalangan orang ramai dengan pengenaan caj yang berasingan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi memastikan pihak yang dilantik memberi perkhidmatan pelupusan sampah yang bermutu tinggi, kerajaan akan menetapkan piawai-piawai kerja yang perlu dicapai oleh syarikat berkenaan. Pihak berkuasa tempatan akan bertindak sebagai badan kawal selia di kawasan masing-masing untuk memastikan perkhidmatan yang memuaskan dijalankan oleh syarikat berkenaan. Dalam pada itu, kerajaan berhak melantik syarikat lain sekiranya didapati syarikat asal tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan.
- (b) Buat masa ini, kerajaan sedang berunding cara bayaran dengan pihak yang bakal dilantik sebagai kontraktor.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menamakan tiga syarikat yang diberikan kontraktor ataupun konsesi menjalankan pelupusan

sampah-sarap, dan adakah benar bahawa mereka tidak ada pengalaman langsung dalam pelupusan sampah-sarap, dan mengapa syarikat-syarikat penender yang lain di peringkat antarabangsa yang mempunyai pengalaman tidak dipilih?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, perkara tentang melantik syarikat yang layak untuk mengambil alih tugas ini telah dirundingkan dengan pihak EPU, dengan keputusan itu dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Syarikat tersebut sudah dipastikan melalui cadangan mereka dan lain-lain data yang dibekalkan seperti guna tenaga manusia yang akan menjadi pihak pengurusan syarikat-syarikat. Oleh itu syarikat-syarikat itu dipilih secara merit, dengan izin.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, nama syarikat? Dia tak sebut nama syarikat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jumlah syarikat yang diberi adalah empat. Di sini saya tidak ada nama sepenuhnya, tetapi antaranya ialah HICOM, MMC, KK Konsortium, dan satu lagi saya tidak ingat. *[Ketawa]*

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pihak kementerian telah pun meminta pihak berkuasa tempatan minta pandangan mereka sama ada mereka bersetuju bahawa sebahagian daripada cukai pintu dipindahkan kepada syarikat swasta. Bagaimana sambutan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dengan hal ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Seperti yang saya sudah jawab tadi, perkara ini masih dirundingkan. Kita masih ambil kira pandangan-pandangan daripada pihak berkuasa tempatan dan lain-lain pihak sama ada cara itu sesuai atau tidak. Buat masa sekarang keputusan yang terakhir belum dipastikan.

PEMINDAHAN LADANG KHINZIR DI SEKITAR BANDARAYA IPOH, PERAK

9. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha telah diambil untuk memindahkan (relocate) kawasan peliharaan khinzir di sekitar Bandaraya Ipoh yang menyebabkan bau busuk sepanjang masa. Bau busuk kandang khinzir ini sangat ketara apabila berhenti di tol lebuhraya berhampiran Ipoh.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:

Tuan Yang di-Pertua, usaha sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Perak untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk pemindahan ladang-ladang yang terlibat. Beberapa sesi perbincangan telah diadakan dengan Persatuan Penternak-penternak Khinzir Negeri Perak bagi menjelaskan cadangan pemindahan.

Penternak-penternak yang terlibat sedia memberi kerjasama dan diharap tindakan penyelesaian akan dapat dipercepatkan.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah rancangan atau program telah dilaksanakan atau dicadangkan oleh Kementerian Pertanian untuk membantu penternak-penternak kecil yang terlibat dalam aktiviti peliharaan khinzir supaya mereka dapat modernized ladang ternakan khinzirnya dan supaya cara peliharaan lebih bersih dan bau busuk dapat dikurangkan?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Bantuan yang diberi oleh kementerian saya menerusi Jabatan Perkhidmatan Haiwan ialah dari segi kepakaran, dan juga dari segi teknologi bagaimana bau busuk dan lain-lain dapat digunakan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Perak telah mengenal pasti dua tempat untuk pemindahan ini. Pertama, di Kuala Bikang Mukim Sungkai, Batang Padang seluas 122 hektar, dan yang kedua, Kubat, Mukim Teja, Kinta, seluas 294 hektar. Walau bagaimanapun, pada masa ini ialah di peringkat kajian kemungkinan atas kesesuaian tapak yang berkenaan.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Taiwan terdapat satu teknologi dan kaedah yang mampu menghilangkan bau busuk di ladang-ladang ternakan khinzir. Kaedah ini saya difahamkan diamalkan di Negeri Sembilan. Jadi, untuk menjaga kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan semua ladang-ladang khinzir di negara ini mengamalkan kaedah yang sama?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang sentiasa mengambil berat bagi kesejahteraan rakyat. Sebenarnya ladang-ladang yang berbau busuk ini adalah terdiri daripada ladang-ladang tradisional yang tidak mengamalkan dan telah diusahakan semenjak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Misalnya, kalau di Ipoh kita dapati 54 buah ladang di sekitar berkenaan yang melibatkan 116,500 ekor khinzir, iaitu seluas 448.96 hektar. Jadi, di bawah pemindahan yang baru ini, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, teknologi yang diamalkan di Taiwan dan lain-lain, kita ada teknologi itu dan kita boleh memberi tetapi dengan syarat kawasan itu kawasan yang baru dengan bangunan dan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Insya-Allah, perkara ini akan dijalankan pada masa yang akan datang.

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI SARAWAK

10. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk membangunkan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti lebuhraya, jalan raya, kilang-kilang, bekalan elektrik dan air, pembangunan tanah adat (NCR) secara komersial supaya Sarawak menjadi destinasi pelaburan yang menarik dan berjaya seperti negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak. Ini adalah kerana kerajaan menyedari bahawa tanpa sokongan infrastruktur dan kemudahan awam yang baik, pembangunan yang pesat tidak dapat dilaksanakan. Selaras dengan ini, kerajaan telah menambah peruntukan bagi infrastruktur kemudahan awam kepada RM19.2 bilion berbanding dengan RM15.8 bilion dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Negara Sarawak turut diberi perhatian dengan menerima sebanyak RM1.5 bilion daripada jumlah ini, iaitu pertambahan yang melebihi 25%. Ini meliputi peruntukan bagi jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang dan bekalan air. Selaras dengan matlamat mewujudkan sistem bekalan elektrik yang mencukupi dan terjamin, kira-kira RM1 bilion dijangka dilaburkan untuk memenuhi keperluan sistem bekalan elektrik Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Kapasiti penjana Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) akan meningkat 68% daripada 990 megawatt pada tahun 1995 kepada 990 megawatt pada tahun 2000. Apabila projek kuasa elektrik Hidro Bakun disiapkan sistem bekalan elektrik Sarawak akan bertambah 100 megawatt.

Dalam rangka membangunkan koridor perindustrian di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak, satu Pelan Tindakan Pembangunan Infrastruktur sedang disediakan. Bagi maksud ini Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sarawak telah diminta untuk mengkaji keseluruhan keperluan infrastruktur dan kemudahan awam serta lain-lain keperluan sokongan bagi membolehkan pembangunan koridor industri di Sarawak.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, terdapat lebih kurang 5,000 buah rumah kampung dan rumah panjang di negeri Sarawak

yang ditempatkan di merata-rata tempat. Jadi, saya ingin bertanya, berapa peratuskah yang telah dibekalkan dengan bekalan elektrik dan air?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pusat, menerusi Kementerian Kewangan telah memberi kontrak kepada sebuah syarikat tempatan di negeri Sarawak untuk menguruskan projek-projek luar bandar yang tidak dijalankan oleh SESCO dan ini meliputi kebanyakan rumah-rumah panjang di seluruh negeri Sarawak. Saya tidak mempunyai data-data, oleh kerana soalan asal adalah secara umum.

BAYARAN GANTI RUGI TANAH YANG DIGUNAKAN - POLISI TNB

11. Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada polisi TNB atas bayaran ganti rugi bagi tanah yang digunakan untuk mendirikan tiang bekalan rintangan tinggi yang dianggap sebagai pengambilan tanaman dan bukan pengambilan tanah akan dikaji semula memandangkan tanah tersebut hanya dibenarkan menanam sayur-sayuran sahaja.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong

Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar mengenai bayaran ganti rugi tanah yang digunakan untuk mendirikan tiang bekalan bukan ditetapkan oleh Tenaga Nasional Bhd. Kadar pampasan yang dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat adalah ditaksirkan oleh pentadbir tanah daerah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan reserve TNB telah diusahakan oleh orang perseorangan ataupun pihak-pihak tertentu untuk menanam sayur dan sebagainya. Saya ingin tahu, adakah pendapatan secara kekal yang diterima oleh pihak TNB apabila menyewakan tanah-tanah mereka itu. Kalau ada, berapa jumlah setakat hari ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kebanyakan tanah yang digunakan oleh pihak TNB untuk maksud izin lalu bagi mendirikan 'transmission line' - tanah yang di bawah transmission line ini masih dipunyai oleh pemilik-pemilik tanah yang tertentu, maka pihak TNB tidak mendapat apa-apa juga pendapatan daripada tanah yang disebutkan itu

selain daripada tanah yang digunakan ini adalah kepunyaan pihak TNB, tetapi kebanyakan daripada tanah yang digunakan ini bukan kepunyaan pihak TNB.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah kajian atau keputusan kerajaan tentang kesan microwave, jika ada, daripada kabel 'high tension' kepada orang atau pekebun yang bekerja atau penghuni yang berdekatan dengan high tension cable ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semasa pihak TNB mendirikan ataupun mewujudkan transmission line ini, memang ada standard yang telah pun ditetapkan oleh pihak Jabatan Bekalan Elektrik. Kalau sekiranya standard ini diikuti oleh pihak TNB dengan ketat, pihak Jabatan Bekalan Elektrik memang memastikan bahawa mereka mengikuti semua standard ini, maka ia tidak akan mendatangkan apa-apa kesan kepada pekebun yang menjalankan aktiviti di bawah 'high tension cable' ini.

RANCANGAN TV/RADIO YANG BERCAANGGAH DENGAN NILAI MORAL - TINDAKAN KERAJAAN

12. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] minta Menteri Penerangan menyatakan kepada Dewan tindakan yang diambil oleh kementerian tersebut untuk memastikan semua rancangan yang disiarkan dalam televisyen dan radio dalam negara yang mengandungi kepentingan kebudayaan dan moral positif.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah bagi memastikan rancangan televisyen dan radio mengandungi kepentingan kebudayaan dan moral positif, antara lain ialah, stesen penyiaran haruslah memainkan peranan sebagai pengembang maklumat (gate keeper) untuk menilai kandungan rancangan, terutamanya dari aspek nilai moral dan budaya masyarakat.

Stesen-stesen penyiaran juga haruslah mempunyai set manual atau etika penyiaran, mempunyai falsafah yang khusus dalam bidang pembangunan negara, terutamanya dalam sektor penyebaran maklumat dan tidak terlalu mementingkan 'rating' hingga membelakangi kehendak-kehendak etika penyiaran dan sensitiviti-sensitiviti yang lain.

Kementerian juga sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah panel penasihat penyiaran yang bakal dianggotai oleh pelbagai pihak di kalangan masyarakat dan pihak kerajaan untuk menasihati Menteri Penerangan tentang kandungan bahan-bahan siaran dalam media elektronik.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada kementerian sedar atau tidak, pada hari Sabtu yang baru lalu ini, menjelang rancangan kanak-kanak yang disebut "Along", apabila "compere" itu menyebut rancangan itu akan disiarkan, dengan tiba-tiba keluar satu "kissing scene" - bercumbu-cumbuan. Selepas itu, rancangan itu terus dibatalkan dan juruhebah memaklumkan oleh kerana kesilapan teknik, rancangan Along itu terpaksa dibatalkan. Kira-kira setengah jam kemudian, keluar balik. Jadi, sama ada kementerian sedar? Jikalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil tentang perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa andaian itu tidak boleh dibuat. Hendak jawab Yang Berhormat?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya RTM sentiasa menjalankan pengawasan yang ketat. Jika berlaku sesuatu yang tidak diingini, kita sentiasa membatalkan rancangan tersebut.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya hairan fasal apa soalan seperti ini datang dari Jelutong. Sebab dia bukan ada masa tengok televisyen. Dia cuma duduk dalam court dan Parlimen sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini bahagian penapisan, panel penilaian dan seumpama ini, tidak pernah lihatlah siri “Pop Kuiz” itu? Sebab “Pop Kuiz” itu banyak mempengaruhi anak-anak belia kita sampai rosak. Kadang-kadang, bila dia betul jawab soalan, dia buat jari macam itu, dia kata “Gua Sayang Lu”. *[Ketawa]* Ini sampai di bandar-bandar, di mana-mana pun kita tengok budak lelaki - pop - “Gua Sayang Lu”. Ini mempengaruhi. Dalam perkara ini, panel itu menilai macam mana? Baru hendak ditubuhkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa soalan Yang Berhormat?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Soalannya, setakat ini, panel ini buat apa sehingga perkara-perkara ini boleh timbul dalam televisyen? Itu salah satu contoh sahaja. Contoh-contoh yang lain, boleh tanya Jelutong.

Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, panel penasihat ini masih dalam rangka penubuhannya dan kita pasti ianya akan ditubuh tidak berapa lama lagi. Namun demikian, terdapat juga Lembaga Penapisan Filem, di mana ini merupakan satu syarat kementerian bahawa semua program mestilah ditapis menerusi Lembaga Penapisan Filem (LPF) ini. Di samping itu, RTM juga mempunyai panel penapisnya dan apa yang disebut

oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan kita nilai semula jika pengaruhnya terlalu kuat kepada kanak-kanak, tindakan wajar akan diambil.

PEMBANGUNAN DI LERENG BUKIT - KAWALAN DAN LANGKAH KESELAMATAN

13. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu setakat manakah kawalan yang dibuat bagi pembangunan tinggi di kaki bukit dan seumpamanya sejak runtuhnya Highland Towers yang masih ada dan kosong serta beri sebab-sebab terperinci terjadinya runtuhannya itu dan siapakah yang benar-benar bertanggungjawab.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, semenjak berlakunya kejadian keruntuhan pangsapuri Highland Towers, kerajaan telah mengambil langkah kawalan menetapkan dasar di mana pembangunan di lereng bukit adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, pemaju yang bercadang melaksanakan projek pembangunan di lereng bukit akan dikehendaki membuktikan bahawa pembangunan berkenaan boleh dilakukan secara selamat di mana antara lain dengan mengadakan kajian geoteknikal.

Langkah juga telah diambil meminda kehendak perundangan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 bagi memastikan keselamatan dan kestabilan sebarang pembangunan yang dijalankan di lereng bukit adalah terjamin serta menentukan pembangunan tersebut tidak akan memberikan kesan negatif kepada persekitaran kawasan yang terbabit.

Menurut hasil siasatan di antara faktor yang menyebabkan berlakunya keruntuhan pangsapuri Highland Towers adalah penyediaan sistem perparitan permukaan (surface drainage) yang tidak sempurna dan penyenggaraan yang

tidak mencukupi bagi sistem perparitan berkenaan telah menyebabkan pertambahan pengaliran air permukaan ke bahagian cerun di belakang Blok 1 yang mana telah mempengaruhi kestabilan cerun dan dinding penahan yang terbabit.

Kejadian tanah runtuh di bahagian belakang Blok 1 telah mengenakan tekanan kepada tanah di bahagian bawah bangunan Blok 1 yang menyebabkan dinding penahan di hadapan Blok 1 runtuh dan ini menyebabkan kegagalan kepada cerucuk asas (foundation pile) yang mengakibatkan bangunan Blok 1 bergerak dan tumbang.

Pihak yang dikenal pasti bertanggungjawab di dalam tragedi tersebut antaranya ialah pemaju projek, pelukis pelan yang menyediakan pelan bangunan projek dan jurutera struktur bangunan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sudah begitu lama, tiga tahun tragedi keruntuhan Highland Towers berlaku dan masa itu pihak kerajaan memberi jaminan akan memberi segala pertolongan, tetapi mangsa mereka nampaknya sudah dilupa oleh pihak kerajaan, tidak diberi bantuan untuk menyelesaikan semua masalah, tidak ada orang pun yang didakwa. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa kerajaan sudah lupa mangsa-mangsa dan tidak mahu beri bantuan lagi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah anggapan yang salah. Segala bantuan yang pihak kerajaan ingin berikan kepada pihak mangsa sudah diberikan. Tetapi, buat masa sekarang mangsa

yang berkenaan hendak mendapatkan pampasan atau menyaman pihak yang berkenaan supaya boleh mendapatkan pampasan daripada mereka yang dianggap ada bertanggungjawab terhadap keruntuhan yang berlaku.

Ini adalah satu perkara di antara pihak mangsa dengan pihak yang terlibat dalam perkara ini ataupun pihak yang bertanggungjawab. Oleh sebab itu, pihak kerajaan tidak dapat campur tangan untuk menyelesaikan perkara tersebut, hanya mahkamah yang boleh menentukan apakah pampasan yang mereka layak mendapatkan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.14 hingga 32 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959, 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesepuluh]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.42 [Jadual] -
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42, di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, Butiran 010000.

Tuan Pengerusi, dalam masa perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh tahun ini, masa itu saya ada menyeru Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mengambil tindakan membatalkan semua reservations yang ada dibuat oleh pihak kerajaan apabila mengesahkan, ratify, dengan izin, Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) dan untuk membuat iklim dan suasana supaya boleh mengadakan pelaksanaan sepenuhnya segala peruntukan di bawah CEDAW.

Malaysia adalah ratify CEDAW pada 5hb. Julai, 1995 tetapi ada meletakkan beberapa reservations terhadap perkara 2(f), 5(a), 7(b), 9(1) dan (2) dan lima fasal kecil Perkara 16.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri masa itu, beliau berkata bahawa pihak kerajaan sedang mengkaji reservations terhadap CEDAW, tetapi saya sangat hairan bagaimana dan kenapa sehingga sekarang pihak kementerian tidak boleh memberi satu laporan mengenai perkembangan kajian ini?

Saya difahami bahawa pihak kerajaan ada membuat keputusan untuk menarik balik dan membatalkan beberapa reservations terhadap CEDAW, tetapi memegang pendirian bahawa ada beberapa reservations diteruskan dan Yang Berhormat Menteri perlulah memberi penjelasan yang sepenuhnya mengenai kedudukan dalam perkara ini dan sama ada benar bahawa khasnya dalam dua artikel ialah artikel 5(a) dan 7(b) CEDAW, pihak kerajaan masih memegang pendirian untuk mengadakan reservations terhadap kedua-dua peruntukan ini.

Artikel 5A, CEDAW adalah berbunyi, dengan izin, *'State Parties shall take all appropriate measures to modify the social and cultural patterns of*

conduct men and women, with a view to achieving the elimination of prejudice and customary and all other practices which are based on the idea of the inferiority or the superiority of either of the sexes or on stereotyped roles for men and women'. Perkara ini, artikel ini sangat jelas merujuk kepada perhubungan interpersonal antara kaum wanita dan lelaki dan mengenai keperluan untuk membasmikan amalan-amalan yang berlandas atas idea-idea superioriti atau inferioriti satu seks atau dengan izin, 'sex role stereotyping'.

Ini pun sebabnya kenapa NGO dan pertubuhan-pertubuhan wanita adalah menyeru pihak yang berkenaan untuk mengadakan program-program, dengan izin, gender-sensitive education program dan khususnya mengenai 'Domestic Violence Act', mengenai betapa perlu pihak polis mengadakan gender-sensitising training supaya apabila mereka mengendali kes-kes, complain mengenai domestic violence bahawa mereka lebih peka mengenai masalah ini. Tetapi bukan sahaja kita perlu program gender sensitive, di pasukan polis di semua bidang negara kita, dalam Parlimen pun kita ada dapat complain mengenai peristiwa-peristiwa yang ditunjuk bahawa tidak ada gender sensitive, sikap yang gender sensitive.

Dan satu contoh yang sangat baik ialah pada 19hb. November dalam perbahasan Parlimen ini khususnya apabila masa menggulung peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri di mana Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri ada dipetik daripada *Hansard* ini muka surat 144, apabila beliau berkata, "*Tuan Pengerusi, Marang juga bangkit pada hari ini berkenaan masalah di mana dia mengatakan itu bahawa hari ini merayu*

kepada kita iaitu bahawa apabila berlaku majlis yang dihadiri oleh Sultan dan Raja-raja, ia punya Menteri Besar tidak dijemput, dia terasa dihina, baru rasa. Yang dulu, masa kita Barisan Nasional kena 5, 6 tahun dahulu dia langsung tidak cakap apa-apa dan kita tidak pernah minta rayuan pertolongan daripada mereka. Kita hadapi masalah ini, ini parti jantan. Apabila menghadapi masalah di Kelantan, mari ke Kuala Lumpur dalam Dewan besar minta tolong daripada kita, ini betina punya parti politik Yang Berhormat”.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu ada tarik dalam konteks atau tussle power struggle antara PAS dan UMNO di Kelantan, tetapi isu yang besar di sini ialah mengenai bahasa-bahasa yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menghinakan kaum wanita pada keseluruhannya. Saya sangat terperanjat bahawa dalam dua minggu, saya tunggu-tunggu langsung tidak ada seorang ahli Parlimen Barisan Nasional tidak kira wanita atau lelaki, tidak seorang ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada protes mengenai sikap, mengenai bahasa yang begitu gender-insensitive...

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang:begitu sexist, sehingga boleh disifatkan sebagai MCP...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: ...saya anggap MCP. Apa itu MCP?

Tuan Noh bin Omar: Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada yang bangun ini. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya belum habis lagi. Nanti saya beri. Oleh kerana masa yang terhad, selepas itu saya bagi, ada masa. Dan mungkinlah.....

Seorang Ahli: Berilah penerangan.

Tuan Lim Kit Siang: ..mungkin menteri.... Saya akan beri, sekejap sahaja. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri rasa ia sangat selamat oleh kerana kerajaan tidak 'ractify, artikel 5(a), CEDAW.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat yang hendak dibangkitkan.

Tuan Noh bin Omar: 36(1), Point of Order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of Order, boleh. Kita mengikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang. Yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, 36(1). Tetapi, sebelum itu hendak beritahu apa yang dia cakap, tidak faham.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang tidak faham?

Tuan Noh bin Omar: 36(1), saya hendak cakap 36(1).

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat ...

Tuan Noh bin Omar: 36(1) ini, saya hendak minta pertimbangan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sama ada isi ucapan yang dibahaskan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ini, kena-mengena dengan butiran yang dia ucapkan. Saya hendak minta pertimbangan dari Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baik. Ya, Yang Berhormat Tanjong, tadi butiran yang dibangkitkan itu, butiran yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: 014000, mahu kita baca daripada anggaran.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak payah baca Yang Berhormat. Tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: ...belanjawan program mengenai tugas kementerian? Belum baca?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa kalau Yang Berhormat Tanjong sekadar bagi contoh, saya benarkan. Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya nasihat Yang Berhormat dari Tanjong Karang, bacalah lebih baik semua buku-buku yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan supaya jangan sia-sia. Buang masa di Dewan yang mulia ini dan tunjuk begitu cetek fikirannya.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya tadi bangun bukan tanya dia, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau...kalau....

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, Point of Order!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tunjuk buku peraturan, bukan peraturan!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tunjuk tidak boleh!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Ya, Tanjong Karang.

Tuan Noh bin Omar: Saya tadi minta pertimbangan....

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Saya tadi minta pertimbangan berdasarkan point of order. Minta pertimbangan daripada Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Noh bin Omar: Kenapa dia pula yang pandai-pandai buat keputusan sendiri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan tadi. Tidak dengar ke?

Tuan Noh bin Omar: Tidak, saya setuju dengan Tuan Pengerusi, tetapi....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Noh bin Omar: ...Tanjong ini, tidak faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun atas apa ini? Ada peraturan mesyuarat lagi?

Tuan Noh bin Omar: Tidak ada, saya tidak puas hati dengan cara dia jawab.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa Yang Berhormat itu tidak kena. Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh saya...

Tuan Noh bin Omar: Dia pun buat belek-belek buku, dia pun tidak hafal lagi. Terbelek-belek, cepatlah masa sudah tidak ada lagi ni!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Muka surat 541 ya, baca. Saya haraplah bahawa kita tidak memandang ringan perkara ini dan apabila ada orang yang 'interrupt' yang menunjukkan ia tidak menganggap serius perkara macam ini dan ini sangatlah memalukan dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun bersetuju bahawa ini satu perkara yang serius. Tidak boleh main-main, mana boleh kata parti jantan atau parti betina. Ini menghinakan kaum wanita, bukan! Setuju? Kita boleh beri jalan. *[Ketawa]*

Bukankah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri satu champion hak wanita bukan! *[Disampuk]* Dan saya harap, bukan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan meminta

maaf bukan sahaja Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan ‘champion strike a blow’ bagi pihak kaum wanita tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun mengarahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri minta maaf supaya perkara ini tidak akan berlaku.

Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, baik.

Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, ini saya rasa konteks penggunaan bahasa, kita kena faham. Saya tidak mahu diheret dalam perbincangan ini. Kalau Timbalan Menteri sebut, lelaki perempuan itu menghina wanita. Tetapi kalau jantan betina, itu menghina binatang. *[Ketawa]* Jadi, tidak timbul masalah sangat tetapi kita ambil konteks itulah. Lebih baik, lebih selamat.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, ini macam UMNO satu parti binatang! *[Ketawa]* Saya tidak tahu, ini bukan saya kata, oleh kerana *[Ketawa]* kalau begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bukan sahaja PAS parti binatang, UMNO pun parti binatang, tetapi parti binatang jantan dan parti binatang betina. *[Ketawa] [Tepuk]* .

Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, ini kali akhir saya jelaskan. Konteks kejantanan - binatang, konteks kebetinaan - binatang. Yang ditekankan di situ ialah sifat kejantanan dan kebetinaannya, bukan binatangnya. Sebab itu bahasa ini kena faham konteks ‘of situation’. Kalau tidak faham, sudahlah saya tidak mahu sambung lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, tentulah ciri-ciri, karektor-karektor kejantanan atau kebetinaan, kedua-dua pun baik, bukan satu baik, satu buruk. Tetapi dalam konteks ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentulah satu konteks buruk dan satu konteks baik. Itu bukan ciri-ciri konteks itu.

Tuan Noh bin Omar: Tidak faham bahasa ke?

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi tunjuk.... janganlah. Sama ada dalam dunia.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: ... binatang atau dunia manusia, konteks yang yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri salah!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong....

Tuan Lim Kit Siang: Menghinakan kaum wanita dan saya harap sungguhpun usaha untuk menyelamatkan keadaan ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan memandang serius ini dan mengarah Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meminta maaf oleh kerana apa-apa konteks beliau guna ialah menghinakan kaum wanita! *[Tepuk]*

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, nampaknya ada peminat yang hendak soal atau minta jalan. Yang Berhormat dari Parit bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya sudah.....

Seorang Ahli: Gulung!

Tuan Lim Kit Siang: ... saya mahu gulung dahulu, selepas itu saya akan beri jalan. Oleh kerana ada lagi satu perkara yang saya mahu bangkitkan di sini, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi rasional

sebab kenapa pihak kerajaan masih mahu memegang kepada reservation terhadap Perkara 7(b), yang berbunyi, dengan izin,

‘Required all state to eliminate discrimination against women in the political and public life of the country and in particular to ensure women on equal terms of man, the right to participate in the formulation of government policy and the implimentation thereof and the whole public office and to perform all public functions in all level of the government’.

Saya boleh beri jalan kepada Yang Berhormat tadi, nampaknya mahu membela kaum dan hak wanita, oleh kerana usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri gagal dalam hal ini....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, saya beri jalan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat masa tidak mengizinkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh beri jalan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah suntuk, sorry ya! Sorry.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdang, tetapi sebelum Yang Berhormat berucap, sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat yang lain, walaupun kadangkala ada ulasan ahli yang tertentu, itu tidak disenangi oleh

Yang Berhormat. Jadi, janganlah Yang Berhormat sanggup mencelah tanpa mengikut peraturan mesyuarat. Serdang.

3.53 ptg.

Dato Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh B.42 Program 030300 - Pembangunan Masyarakat dan P.42 Butiran 00400 - Pembinaan/pembesaran Rumah Kebajikan sedia ada.

Tuan Pengerusi, pada tahun lalu kementerian telah mengumumkan di mana kementerian akan menubuhkan Majlis Penasihat Warga Tua Kebangsaan (National Senior Citizen Advisory Council) untuk memberi satu kemudahan dasar atau garis panduan kepada warga tua untuk menyertai semula aktiviti-aktiviti masyarakat.

Saya bangkitkan perkara ini kerana ada kaitan. Tetapi sampai hari ini pihak kementerian masih belum lagi mengumumkan garis panduan, dasar-dasar atau aktiviti-aktiviti terhadap Majlis Penasihat Warga Tua Kebangsaan ini. Warga tua sedang menunggu pengumuman dasar atas majlis ini supaya mereka akan menyertai secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Warga Tua Kebangsaan anjuran kementerian ini.

Tuan Pengerusi, Saya minta penjelasan kementerian lebih lanjut lagi berkaitan dengan dasar majlis ini supaya Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Wakil Rakyat dari Ampang Jaya yang telah dilantik sebagai koordinator untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti warga tua oleh parti MCA baru-baru ini. Kalau dapat garis panduan yang lebih nyata pada masa hadapan, lebih mudah bagi Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Ampang Jaya untuk mengendalikan

aktiviti-aktiviti warga tua pada masa akan datang. Jadi, ini adalah satu perkara penting, di mana pihak kementerian dapat mengumumkan garis panduan dengan lebih lanjut lagi mengenai keadaan Majlis Penasihat Warga Tua Kebangsaan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga meminta kerjasama daripada pihak kementerian untuk menaikkan elaun sara hidup kepada warga tua yang tinggal dalam rumah-rumah orang tua supaya setaraf dengan kehidupan sekarang. Kalau hanya memberikan RM60-RM70 sebulan kepada warga tua di rumah orang tua - ini tidak cukup, jika dibandingkan dengan kehidupan sekarang. Oleh itu, kementerian hendaklah mengkaji semula terhadap bantuan elaun kehidupan kepada warga tua di rumah orang tua.

Saya juga meminta pihak kementerian supaya dapat kerjasama daripada Kementerian Kesihatan menghantar pegawai perubatan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada warga tua di rumah orang tua supaya dapat menjaga kesihatan mereka. Tanpa pegawai perubatan ke rumah orang tua ini, akan terjejas kesihatan mereka.

Tuan Pengerusi, saya suka minta kerjasama dari pihak kementerian supaya memberi bantuan peruntukan untuk membaiki atau menyelenggarakan rumah-rumah orang tua termasuklah Wakil Rakyat Kawasan Ampang Jaya. Jadi, saya minta pertolongan dan perhatian Tuan Pengerusi, kalaulah pihak kementerian boleh memberi pertolongan serta bantuan kepada rumah-rumah orang tua ini supaya menaikkan taraf, di mana bangunan yang sudah uzur,

sudah lapuk dapat diperbaiki supaya dapat meningkatkan kehidupan mereka di rumah-rumah orang tua ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 00200 - Perkhidmatan Pemulihan (Kurang Upaya). Saya difahamkan bahawa kementerian telah memberi layanan dan juga sentiasa memberi jaminan kepada orang-orang yang kurang bernasib terutama sekali orang-orang cacat sentiasa diberi pertolongan untuk menjaga kebajikan mereka. Dengan demikian, saya minta pertolongan dan bantuan kepada Persatuan Cacat Orang China Malaysia, di mana badan kebajikan ini telah memberi aktiviti-aktiviti kepada anggotanya.

Pada masa kini Persatuan Cacat Orang China Malaysia ini telah berniat untuk mendirikan pusat latihan kepada anggotanya di Batu 8, Puchong, di mana kos untuk pembinaan pusat latihan orang cacat ini membelanjakan wang berjuta-juta ringgit. Maka bantuan kewangan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat perlu disalurkan kepada persatuan ini, di mana kerajaan negeri telah memberi sekeping tanah seluas 4 ekar sebagai pusat latihan orang cacat ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 00900 - Hal Ehwal Orang Asli. Saya minta kementerian juga mengambil berat terhadap dua kawasan simpanan Orang Asli di kawasan Puchong. Satu kawasan simpanan Orang Asli Kampung Pulas Puchong. Kawasan ini adalah sebagai kawasan penempatan Orang Asli sejak tahun lima puluhan, tetapi pada tahun 1960, oleh kerana kawasan ini ditenggelami air, mereka telah dipindahkan ke satu kawasan di kampung Orang Ali Sungai Rasah, Puchong. Tetapi sehingga ke hari ini walaupun Jabatan Orang Asli telah memberi pertolongan untuk meminta kerjasama Pejabat Tanah untuk mewartakan sebagai simpanan orang Asli, tetapi sehingga hari ini Pejabat Tanah masih belum lagi mewartakan kedua-dua kawasan sebagai simpanan orang Asli. Jadi, dengan kerjasama pihak kementerian, dengan pertolongan daripada Pejabat Tanah, maka dapatlah mempercepatkan mewartakan kedua-dua kawasan ini sebagai kampung Orang Asli di Puchong

dan juga bantuan kepada peruntukan kewangan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas di kawasan ini perlu juga.

Dengan demikian saya mintalah pihak kementerian akan memberi peruntukan tambahan kepada kedua-dua kawasan ini, di mana kawasan ini memerlukan bantuan untuk meningkatkan kelengkapan bagi menjamin kebajikan Orang Asli di kawasan ini tidak akan terjejas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tambun.

4.01 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Hal Ehwal Orang Asli di bawah tajuk Pembangunan Sosio Ekonomi. Masalah yang di hadapi oleh Orang Asli adalah masalah tahap mentaliti, pemikiran serta sikap.

Orang Asli dalam proses untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan moden, itu sebabnya apabila kita pergi ke kawasan perkampungan Orang Asli walaupun kawasan ini berhampiran dengan kawasan perumahan, gaya hidup mereka adalah gaya hidup yang tidak produktif iaitu tidak suka bekerja. Para pelajarnya tidak suka membaca.

Jadi, inilah merupakan masalah-masalah yang harus kita hadapi untuk menyelesaikan masalah Orang Asli. Jadi, apa yang ingin saya bangkitkan di sini, saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah Orang Asli yang terdapat di negara ini dan pecahan mereka mengikut suku kaum? pecahan mengikut suku kaum. Pecahan ini penting kerana di mana kita sedia maklum bahawa setiap suku kaum Orang Asli mempunyai perbezaan dari segi tahap mentaliti mereka.

Ada suku kaum Orang Asli yang agak lebih mudah menyesuaikan diri dengan perkembangan moden dan ada yang agak susah sedikit. Kemudian dari segi strategi dan rancangan pembangunan Orang Asli ini, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah pihak kementerian menyediakan satu unjuran sehingga tahun 2020 dari segi bilangan Orang Asli mengikut umur mereka daripada tahun ke tahun hingga tahun 2020, dari segi pekerjaan mereka dan juga dari segi pendapatan isi keluarga Orang Asli ini daripada tahun ke tahun yang menjadi asas kepada kita untuk kita merancang pembangunan untuk mereka ini.

Berasaskan kepada dua senario, satu berasaskan kepada tahap atau trend yang ada sekarang. Berdasarkan trend tersebut ke peringkat manakah Orang Asli akan tercapai pembangunannya dan, keduanya, sekiranya kita memperkenalkan faktor-faktor lain, faktor pendidikan dan sebagainya, pindahan ke tingkat manakah yang akan dapat kita capai nanti. Saya menyentuh perkara ini kerana saya berfikiran dalam kita hendak merancang sesuatu kita harus melihat dari segi data dan statistiknya baru kita boleh merancang dengan lebih yakin lagi untuk memastikan kejayaan rancangan-rancangan pembangunan untuk masyarakat tersebut.

Perkara kedua tentang, soal perhubungan dan komunikasi. Saya tidak ingin mengambil contoh yang jauh. Saya ambil kawasan perkampungan Orang Asli dalam lingkungan lima kilometer daripada kampung yang terdekat. Saya dapati masih banyak yang belum ada jalan tar lagi dan ini menjadi masalah yang cukup besar. Dalam keadaan Orang Asli pada zaman kini yang duduk

dekat dengan kawasan-kawasan perumahan, mereka dapat membuat perbandingan di antara kawasan perumahan orang Melayu, Cina dan India dengan masyarakat mereka. Ada beberapa kawasan di kawasan-kawasan saya seumpamanya yang jauhnya hanya dua atau tiga kilometer daripada kawasan kampung tetapi masih lagi tidak mempunyai jalan tar.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian dan bilakah kawasan-kawasan perumahan Orang Asli yang berhampiran dengan kawasan-kawasan kampung yang dalam lingkungan tiga atau lima kilometer ini boleh kita menyelesaikan masalah jalan? Saya ingat dari segi Orang Asli mereka tidak memerlukan jalan yang besar, sekadar untuk dapat motosikal mereka menggunakan jalan tersebut sudah mencukupi. Bermakna jalan setakat tiga kaki lebar sudah mencukupi untuk mereka.

Lagi satu saya lihat, masalah bekalan elektrik. Walaupun dekat dengan kawasan kampung tetapi mereka tidak diberikan bekalan elektrik. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, saya anggap bukan masalah besar, bilakah kementerian akan mengatasi masalah ini?

Lagi satu saya lihat, dari segi perhubungan dan komunikasi. Kawasan-kawasan Orang Asli tidak ada televisyen. Ini membuatkan mereka tidak terbuka fikiran. Seperti mana saya nyatakan awal tadi kalau kita pergi ke kawasan Orang Asli, kita lihat cara hidup mereka adalah cara hidup yang cukup merugikan. Dia duduk di bawah pokok bersembang daripada pagi sampai tengah malam tanpa membuat kerja-kerja yang produktif. Saya percaya jikalau ada televisyen dibekalkan kepada kawasan-kawasan Orang Asli, dengan

mereka melihat kejayaan di kawasan-kawasan lain di seluruh dunia akan mendorong kepada mereka untuk mempunyai keyakinan dan juga memotivasikan mereka untuk menjadi orang-orang berjaya.

Perkara ketiga tentang soal pendidikan. Saya dapati apabila kita meletakkan anak-anak Orang Asli di sekolah bersama dengan masyarakat Melayu, Cina atau India, mereka dalam kedudukan menghadapi masalah inferiority complex dan saya lihat di peringkat UPSR banyak yang gagal. Ada yang tidak mahu meneruskan pendidikan ke Tingkatan Satu.

Saya berpendapat, Orang-orang Asli elok disekolahkan dalam sekolah Orang Asli bersama dengan Orang Asli. Kita boleh mendirikan sekolah khas untuk Orang Asli sahaja tetapi saya percaya untuk mendapat kesan yang paling efektif, sekolah ini jangan diletakkan di kawasan Orang Asli. Jadi, kawasan saya ada rancangan untuk mendirikan sekolah khas di kawasan penempatan Orang Asli sendiri dengan environment sekeliling yang tidak menggalak dan mendorong kepada pembangunan pendidikan. Jikalau mereka di sekolahkan di situ, saya percaya bahawa mereka akan dapat kesan-kesan yang negatif. Adalah lebih baik dibawa keluar terus ke kawasan lain didirikan asrama khas untuk mereka. Dengan adanya komunikasi antara Orang Asli dengan masyarakat biasa saya percaya mereka boleh mendapat pendidikan yang lebih baik.

Untuk tujuan pendidikan adalah lebih baik kita hantar atau kita didik guru-guru kita untuk mempelajari bahasa Orang-orang Asli kerana saya lihat ada satu kawasan di tempat saya, di mana guru besarnya pandai bercakap

menggunakan bahasa Orang Asli, pelajar-pelajarnya begitu berminat untuk belajar.

Perkara yang akhirnya mengenai dengan Orang Asli ini ialah program penempatan semula. Saya ingin bertanya kepada kementerian, saya nampak program ini agak perlahan walaupun rancangan telah dibuat begitu lama, walaupun telah ada perancangan-perancangan tahun bila kampung ini akan dimasukkan dalam rancangan penempatan semula, tetapi sehingga kini saya dapati bahawa kemajuannya agak perlahan. Jadi, saya harap pihak kementerian akan memberi penjelasan tentang perkara ini.

Saya juga ingin menyentuh di bawah tajuk Kebajikan Masyarakat. Saya ingin bertanya kepada kementerian tentang kadar pendapatan bagi mereka yang boleh menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau tidak silap saya dalam lingkungan bawah daripada RM300.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah rasional jumlah sebanyak RM300 ini melihat kepada kos hidup yang begitu tinggi. RM300 bukan lagi jumlah yang besar. RM300 adalah jumlah yang begitu kecil. Saya dapati ramai di antara masyarakat kita yang berpendapatan RM500 hingga RM600 memerlukan bantuan dan jikalau boleh jumlah sebanyak RM300 ini dapat disesuaikan kepada kadar yang lebih tinggi lagi.

Perkara kedua mengenai dengan Bantuan Kebajikan Masyarakat. Saya berharap pihak kementerian dapat mengadakan sistem di mana pemberian ini diberi secara berterusan kerana saya dapati penerima-penerima bantuan kebajikan masyarakat terdiri kebanyakannya daripada orang-orang yang cukup daif terutama orang tua, wanita-wanita janda dan sebagainya.

Mereka tidak tahu prosedur. Apabila bantuan diberhentikan kerana di bawah sistem sekarang diberi setahun sekali, mereka akan diam dan tidak membuat sebarang usaha untuk mendapatkan kembali bantuan kebajikan

masyarakat ini kerana mereka tidak tahu prosedur. Jikalau pihak jabatan dapat beri secara berterusan tidak akan menyusahkan orang-orang ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu.
4.09 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 42 - Hal Ehwal Orang Asli, Butiran 050000. Tuan Pengerusi, Orang Asli ini ialah sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain masih lagi perlu kita berikan perhatian.

Jelebu tidak ketinggalan dengan penduduk Orang Asli ini. Di Jelebu sahaja, lebih kurang 3,000 atau 4,000 Orang Asli didapati di kawasan Parlimen saya dan walaupun banyak usaha yang telah dibuat dan akan dibuat, namun banyak perkara lagi yang perlu dilihat untuk disalurkan kepada mereka.

Pertamanya, mengenai dengan kajian dan penyelidikan ini haruslah dibuat. Saya mahu supaya seluruh kakitangan JHEOA ini yang ditempatkan di daerah dan juga di negeri kalau boleh turun ke padang, selepas itu buat kajian, jumpa Tok Batin, bermesyuarat sebulan sekali dan dapatkan feed back daripada mereka.

Kadang-kadang Orang Asli, Tok Batin ini ada, tetapi tidak dipedulikan. Tidak ada satu usaha untuk menarik minat Tok-Tok Batin ini untuk menunjukkan sikap kerjasama dengan kakitangan dan pegawai-pegawai. Kadang-kadang itu usaha ke arah pembentukan ekonomi untuk masyarakat

Orang Asli ini memang ada dibuat dan ada difikirkan. Tetapi sejauh manakah keberkesannya?

Sebahagian daripada ketua kampung masyarakat Orang Asli agak aktif dan anak-anak buah pun aktif. Ada kolam ikannya, ada ladang tebunya, ada ladang pisanginya, ada ternakan ayam itik dan kerbaunya. Tetapi sebahagian yang lain itu masih dengan kerja-kerja tradisional, mencari damar, rotan dan sebagainya dan bekerja dengan tauke-tauke Cina dan sebagainya. Jadi, selama manakan mungkin mereka menjadi kuli dan tidak pernah berusaha ke atas tanah-tanah yang telah direservakan untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan untuk Orang Asli sendiri.

Jadi, saya perlukan supaya jabatan mengkaji perkara ini. Jangan kita biarkan sahaja kerana masyarakat Orang Asli ini pemikiran mereka itu terkebawah dan terkebelakang. Dia tidak macam kita ini orang-orang Melayu atau bangsa-bangsa yang lain - cara pemikiran dan kemampuan mereka berfikir. Di sekolah umpamanya, walaupun anak-anak Orang Asli ini belajar di sekolah-sekolah biasa bersama orang-orang Melayu dan orang-orang Cina sebahagiannya ataupun di sekolah mereka sendiri, memang kemampuan pemikiran mereka 30% sahaja yang boleh. Yang tahu membaca, yang tahu menulis, yang tahu mengira, yang tahu mencongak dan sebagainya hanya 30%. 70% lagi mereka tidak tahu.

Ini yang harus kita bimbing. Macam di kawasan saya, di kawasan Parlimen Jelebu, kita ada dua sekolah sebagaimana yang saya sebutkan, Sekolah Rendah Orang Asli (berasrama) yang purata jumlah muridnya lebih

kurang 300 lebih di kedua-dua sekolah. Kita ada lebih kurang 24 orang guru. Sekolahnya cantik dan bangunan asramanya ada.

Baru-baru ini Jabatan Pendidikan Negeri melalui pegawai pendidikan daerah telah menghantar alat-alat kelengkapan di asrama dan sebagainya, cukup cantik. Tetapi masalahnya, bilangan pelajar yang duduk di dalam asrama tidak ada dan tidak ramai. Mengapa ini berlaku? Jabatan kena mengkaji dan kena membantu dan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Daerah dan Negeri.

Mengapa? Adakah masalah tambang yang diberikan kepada anak-anak Orang Asli untuk pergi ke sekolah menjadi faktor kenapa mereka tidak mahu tinggal di asrama? Kena kaji. Buat research sedikit. Dalam makluman yang saya terima, mengapa anak-anak Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman tidak mahu masuk ke sekolah yang disediakan dengan asrama iaitu di Sekolah Kebangsaan Kampung Putra Jelebu dan juga Sekolah Kebangsaan Sungai Sampo di daerah Jempol adalah disebabkan oleh kerana kereta yang mengambil anak-anak sekolah ini sampai ke rumah sebab ada konsesi tambang yang diberikan kepada kenderaan yang membawa anak-anak sekolah ini.

Jadi, apa gunanya mereka hendak menempatkan anak-anak mereka ke sekolah yang berasrama walaupun di sekolah yang berasrama itu mempunyai segala benda yang diperlukan? Mereka terkawal. Masa belajarnya disediakan, masa sukannya disediakan dan masa untuk makan dan berekreasinya ada. Tetapi apabila anak-anak Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan duduk di dalam kawasan pedalaman yang rumahnya tidak sempurna, api airnya

tidak sempurna, malah pergi ke sekolah dibawa oleh kenderaan, tetapi tidak membawa beg dan tidak membawa buku apakah ilmu dan pelajaran yang dapat? Tidak dapat apa-apa!

Kadang-kadang kita bimbang, ada sekolah yang hanya untuk mendapatkan bilangan murid-murid di sekolah itu untuk tujuan mendapatkan peruntukan pengurusan di peringkat sekolah. Katalah 20 orang anak murid daripada Orang Asli untuk menggenapkan kuotanya bagi mendapatkan bantuan kewangan, dia perlukan anak murid yang 20 orang itu! Dia tidak kira budak ini belajarkah, tidak belajarkah, datang sekolahkah, pontengkah, dia tidak ambil kisah. Apa yang dia hendak, bilangan murid di sekolah itu sekian-sekian banyak, sekian-sekian ramai. Dia dapat peruntukan untuk pengurusan sekolah dan sebagainya.

Jadi, yang menjadi masalah, anak-anak Orang Asli ini kadang-kadang tidak datang sekolah pun, cikgu tidak pernah kisah. Tidak bawa buku pun cikgu tidak pernah kisah sebab dia tahu pemikiran Orang Asli itu memang begitu terkebelakang dan terdapat juga kes - mungkin ini pihak ibu pejabat Orang Asli tahu atau tidak, saya tidak tahu.

Tetapi di kawasan Parlimen saya memang saya kesan perkara ini berlaku. Ada di antara guru-guru yang menyuruh supaya anak murid itu jangan datang ambil periksa UPSR, diberi RM5 seorang dan perkara ini saya sudah laporkan kepada jabatan yang berkenaan dan guru berkenaan telah pun diambil tindakan. Apakah perkara yang sama berlaku di lain-lain sekolah tanpa pengetahuan saya ataupun pegawai-pegawai yang lain?

Ini dia cara layanan sebahagian daripada guru-guru dan kakitangan ataupun pegawai kerajaan terhadap Orang Asli. Perkara ini dianggap perkara yang serius. Kena lihat perkara ini. Kita tidak mahu oleh kerana budaya mereka yang kolot, oleh kerana cara mereka berpakaian yang tidak senonoh ataupun yang tidak lengkap dan yang tidak kemas, maka kita mengambil kira keadaan itu sebagai keadaan yang biasa tanpa berusaha untuk mempertingkatkan budaya mereka, untuk mempertingkatkan cara kebersihan mereka, untuk mempertingkatkan cara mereka mengolah dan mengurus rumah tangga mereka. Seolah-olah Orang Asli ini dibiarkan begitu sahaja dan pegawai datang sesekali melawat tanpa berbuat apa-apa.

Kita kena susun, sebagaimana yang Yang Berhormat dari Tambun katakan tadi. Saya yakin kalau Orang Asli ini dibentuk mengikut cara orang-orang kita untuk menguruskan rumah tangga untuk berladang dan bercucuk tanam, saya ingat tidak ada masalah. Anak-anak mereka dibimbing ke arah jalan yang betul melalui pendidikan yang normal dan sebagainya. Saya ingat tidak ada masalah sebab di kawasan Parlimen Jelevu terdapat dua tiga orang guru yang datang daripada anak Orang Asli sendiri. Sekarang ini kita ada seorang yang menuntut di ITM Shah Alam, dua orang ada di maktab perguruan. Jadi, benda ini boleh kita bimbing. Cubalah ke arah itu dan jangan kita biarkan dan walaupun kita berikan peruntukan, selepas itu kita biarkan sahaja. Tidak ada usaha untuk membimbing mereka.

Begitu juga dengan masalah di kalangan Orang Asli yang memeluk agama Islam ini. Yang memeluk agama Islam ini, baik melalui perkahwinan dengan Orang Islam ataupun dengan kerelaan mereka sendiri ada yang tidak dipedulikan. Mereka ini hendaklah dibimbing. Jabatan hendaklah bekerjasama dengan Pejabat Agama Islam Daerah ataupun negeri, aturkan program dan

bimbing mereka ini ke jalan yang benar, cara memeluk Islam yang sebenar, beribadat secara yang benar.

Jadi, kena bimbing ini. Jangan biarkan begitu sahaja. Ataupun terpulang kepada suami mereka yang sudah Islam dan sebagainya. Kita kena aturkan program.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Pusat Dalam Komuniti (PDK). Dalam kawasan Parlimen saya ada tiga. Saya mintalah, ada satu itu di kawasan Felcra Air Hitam memang terdapat ramai kanak-kanak yang terencat akal dan kanak-kanak istimewa ini yang didorong oleh Jawatankuasa Kampung untuk meletak dan membimbing mereka dengan bantuan dan peruntukan Ahli Parlimen, wakil rakyat dan sebagainya, tetapi mereka ini tidak mendapat peruntukan yang secukupnya dan tempat mereka ini cuma dibuat di balai raya sahaja.

Jadi, perkara ini memang saya sudah bercakap dahulu. Saya minta perkara ini dilihat dan berilah bantuan dan peruntukan yang sempurna dan secukupnya untuk mereka ini dapat mengendalikan PDK ini dengan baik dan teratur. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cheras.

4.20 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 - Perpaduan Negara dan di bawah butiran ini saya ingin menyentuh mengenai perkara Skim Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, Skim Rukun Tetangga ini mempunyai matlamat dan objektif yang memang tulen dan baik seperti memupuk semangat kejiranan, menggalakkan interaksi di kalangan penduduk dan memberi kesedaran pentingnya perpaduan supaya mewujudkan satu masyarakat setempat yang bersatu padu, kukuh dan hidup harmoni. Tetapi, saya terpaksa menimbulkan perkara-perkara yang saya harus memberitahu Dewan ini pada hari ini kerana saya dapati banyak perkara-perkara yang berlaku, yang bertentangan dengan objektif dan matlamat yang saya sebut tadi yang dilakukan oleh banyak kawasan rukun tetangga di seluruh negara. Penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan juga salah laku oleh pemimpin-pemimpin atau ahli-ahli jawatankuasa rukun tetangga.

Satu misalan ialah pada setiap pilihan raya umum saya nampak banyak pusat rukun tetangga disalah guna oleh parti-parti Barisan Nasional, ia dijadikan bilik gerakan pilihan raya untuk calon-calon Barisan Nasional, di kawasan Cheras pun ada, di mana-mana kawasan pilihan raya pun ada. Saya berpendapat ini adalah satu tingkah laku salah yang tidak boleh diterima kerana pusat rukun tetangga ini bukanlah untuk maksud pilihan raya dan ia disalahgunakan kerana kebanyakan ahli-ahli jawatankuasa yang saya difahamkan mereka juga adalah ahli-ahli Barisan Nasional dan pihak kerajaan memang sedar perkara ini. Tetapi sungguhpun perkara ini pernah ditimbulkan beberapa kali untuk perhatian pihak kerajaan, tetapi tidak langsung diambil tindakan untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini. Saya difahamkan dalam satu laporan bahawa pada tahun yang lepas, tahun 1995

jumlah kawasan rukun tetangga yang diwartakan di seluruh negara adalah hampir 1,500 tetapi jumlah kegiatan yang dianjurkan oleh pusat-pusat rukun tetangga hanya hampir 1,700 sahaja.

Ini menunjukkan sektor-sektor rukun tetangga adalah tidak bergiat dan setiap sektor pada setahun hanya menganjurkan lebih kurang satu kegiatan sahaja. Saya ingin tahu mengapakah kegiatan-kegiatan di kawasan-kawasan rukun tetangga adalah kurang dan memandangkan setiap sektor rukun tetangga menerima subsidi daripada kerajaan setiap bulan dan juga mereka berhak membuat tuntutan kepada kementerian untuk mendapat tabung untuk membelanjakan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan, mengapakah kegiatan begitu kurang? Dan sungguhpun mereka tidak bergiat pada masa biasa, tetapi mengapakah kebanyakan pusat rukun tetangga begitu bergiat apabila pilihan raya umum diadakan?

Dan banyak pondok atau pejabat rukun tetangga paling bergiat pada masa pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Saya menyoalkan perkara ini kerana ini tidak berpatutan dan kalau memandangkan kewujudan rukun tetangga melibatkan tabung awam juga saya ingin menyeru kementerian supaya mengkaji semula peranan yang dimainkan oleh Skim Rukun Tetangga ini kerana kalau ia tidak dapat memenuhi hasrat rakyat Malaysia lebih baik memansuhkannya supaya ia tidak disalahgunakan, tidak dijadikan alat oleh parti-parti Barisan Nasional. Saya difahamkan juga ramai ahli jawatankuasa rukun tetangga menyertai skim ini kerana mereka berhasrat untuk mendapat pangkat daripada sultan-sultan atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong dan kebanyakan mereka berjaya mendapat pangkat. Adakah ini tujuan dan matlamat ahli-ahli jawatankuasa yang menyertai skim ini? Kalau mereka benar-benar hendak berkhidmat di bawah skim ini, mengapakah kegiatannya begitu kurang?

Saya ingin memberikan satu misalan yang paling buruk di kawasan saya, di Jalan Peel - Sektor Jalan Peel, Cheras. Saya difahamkan jawatankuasanya tidak bergiat, pejabatnya pun diroboh lebih daripada setahun yang lalu kerana terlibat dalam projek pembesaran jalan tetapi jawatankuasa ini masih wujud. Saya difahamkan jawatankuasanya tidak dipilih secara yang demokratik kerana saya ada mengadakan satu pertemuan dengan bekas Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Wilayah Persekutuan, Encik Woon pada bulan Julai yang lalu dan saya difahamkan Jawatankuasa Rukun Tetangga Kawasan Jalan Peel itu tidak menubuhkan jawatankuasanya dengan cara yang baik kerana tidak melibatkan ramai penduduk, hanya pengerusi memanggil saudara mara dan sahabat karibnya berkumpul di satu tempat dan seorang pegawai JPN dijemput menyaksikan mesyuarat yang berbentuk 'main-main' sahaja dan senarai ini dapat diterima oleh JPN negeri. Apabila saya meneliti senarai itu, saya dapati hampir separuh dari ahli jawatankuasa adalah saudara mara kepada pengerusi. Alamat mereka pun sama juga di rumahnya. Apakah pertubuhan ini? Dan mengapakah setiap kali jawatankuasa rukun tetangga kawasan itu ditubuh tetapi tidak ada penduduk-penduduk yang dimaklumkan melalui notis yang wajar? Tidak ada surat menyurat, tidak ada notis meeting, hanya pengerusi panggil saudara maranya, kawan-kawannya tubuhkan satu jawatankuasa dan

mengapakah JPN negeri sudi menerima senarai itu? Saya juga diberitahu oleh bekas pengarah itu, ada banyak tuntutan perbelanjaan yang dibuat oleh pengerusi itu didapati bukan yang tulen. Nasib baik JPN peringkat negeri setelah menyiasat, tidak meluluskan subsidi kepada jawatankuasa itu dan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Saya menggulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Dan satu kelakuan yang buruk juga dilakukan oleh jawatankuasa ini baru-baru ini. Di Jalan Peel ada satu kawasan setinggan yang sangat besar yang melibatkan lebih daripada 500 keluarga yang akan diusir oleh pemaju kerana projek pembangunan perumahan, satu jawatankuasa penduduk ditubuhkan selepas satu mesyuarat agung penduduk-penduduk diadakan dan pemilihan jawatankuasa itu adalah selaras dengan mandat majoriti penduduk-penduduk.

Tetapi Jawatankuasa Rukun Tetangga itu, pengerusinya didapati berusaha bertentangan dengan jawatankuasa penduduk, dan beliau sekarang sudah berkhidmat dengan pemaju itu dan memainkan peranan jurucakap pemaju. Ini adalah satu tingkah laku yang sangat buruk yang bertentangan dengan matlamat asal dan objektif tulen penubuhan Rukun Tetangga. Saya harap perkara ini

dapat disiasat oleh kementerian supaya nama baik Jabatan Perpaduan Negara dapat diselamatkan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Wangsa Maju.

4.31 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.42, Butiran 070000 - Dasar Baru, mencakup beberapa perkara 07100, 70400, 70700 dan juga P.42, Butiran 00601.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang dalam belanjawan kali ini telah mengambil inisiatif mengkaji dan juga membuat langkah-langkah yang merupakan pembaharuan menumpukan kepada masalah-masalah berkaitan dengan kekeluargaan, kegiatan-kegiatan kebajikan berasaskan komuniti dan juga berkaitan dengan Rukun Tetangga dalam konteks aktiviti sosial.

Saya tidak dapat mengelak daripada bersetuju dengan Yang Berhormat dari Cheras tadi bahawa khusus tentang Rukun Tetangga ini. Ada baiknya jika satu kajian semula dibuat mengenai Rukun Tetangga ini yang sudah hampir 20 tahun, mungkin lebih 20 tahun berjalan. Saya tidaklah percaya bahawa penyelewengan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi begitu besar dan menyeluruh ke seluruh kawasan Rukun Tetangga. Di kawasan saya sendiri, Wangsa Maju, Rukun Tetangga bergiat bukan untuk menjadikan tapak untuk

sewaktu pilihan raya yang lepas ataupun disalahgunakan oleh segelintir penduduk di kawasan-kawasan tersebut yang mengambil alih jawatankuasa untuk kepentingan masing-masing ataupun sendiri.

Tetapi saya rasa Rukun Tetangga adalah satu langkah kerajaan yang pada mula hingga sekarang bertujuan untuk merapatkan hubungan antara jiran-jiran dalam sesuatu kawasan setempat. Maka ini amat penting, dan mungkin dalam masa 20 tahun ia telah bertukar corak daripada khusus menjadi peronda untuk keselamatan kawasan setempat dalam tahun 1970-an kepada pusat kegiatan masyarakat sekarang. Jadi, itulah sebabnya saya merasakan cadangan-cadangan baru dalam butiran-butiran berkaitan dengan dasar baru ini, iaitu pemantapan kekeluargaan dan kegiatan dalam masyarakat yang bercorak komuniti dan sebagainya, termasuk Rukun Tetangga harus dirangkum dalam konteks kajian semula Rukun Tetangga ini.

Satu cara ialah supaya satu kajian penilaian keberkesanan dalam konteks tercapaiah atau tidak matlamat Rukun Tetangga ini dalam konteks program yang setiap tahun kita beri pembiayaannya, walaupun tidak besar dalam konteks pembiayaan dan peruntukan untuk program-program dalam kementerian ini. Namun peruntukan itu diberi tiap-tiap tahun. Tetapi kalau sudah dikaji tidak berkesan dan juga dari segi pentadbirannya didapati kekurangan dan berkurangan, maka haruslah ia dikaji dan dicari jalan yang boleh meningkatkan keberkesanan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan dan juga kementerian bahawa ada baiknya memandangkan Rukun Tetangga ini dan

program-program di mana buat selama 20 tahun tertubuhnya dan terbina begitu banyak pusat-pusat Rukun Tetangga di seluruh negara, terutama di kawasan bandar, adalah baiknya jika pusat-pusat ini dijadikan pusat tumpuan dalam program-program baru seperti pengukuhan kekeluargaan melalui kegiatan sosial, kaunseling, masalah belia dan remaja-remaja. Maknanya, memperluaskan Rukun Tetangga ini dengan menggunakan tapak fizikalnya itu, dan juga mungkin jawatankuasa penduduk yang ada di situ supaya dapat menyatukan keseluruhan daripada program-program ini kerajaan. Dengan demikian, wang yang telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui Rukun Tetangga dan juga program-program baru ini dapatlah lebih dituju kepada apa yang sekarang ini menjadi masalah besar di kawasan-kawasan penduduk, terutamanya di kawasan bandar, untuk hal-hal berkaitan dengan gejala remaja, masalah-masalah penderaan anak, masalah-masalah perpecahan keluarga, masalah-masalah berkaitan dengan HIV dan sebagainya.

Jadi, dalam soal ini mungkinkah kementerian memikirkan hasil daripada kajian penilaian ini yang harus diadakan, mungkin diadakan oleh jabatan tiap-tiap tahun apabila ingin membuat belanjawan baru, membuat penilaian tentang cadangan ini. Saya kurang pasti dari segi perincian tentang dasar-dasar baru ataupun kegiatan-kegiatan baru mengikut program di bawah Butiran 07000 ini untuk saya memberi cadangan lebih mantap untuk perubahan dan penyesuaian Rukun Tetangga ini.

Bagaimana pun, saya perhatikan bahawa bukan sahaja dari segi kementerian ini, tetapi banyak lagi peruntukan-peruntukan, katalah

Kementerian Dalam Negeri untuk Rela, Kementerian Kesihatan untuk projek kesihatan wanita dan peruntukan kepada NGO. Dalam konteks peruntukan dan projek-projek ini, kita dalam menyelaraskan kerja dan program kerajaan yang kini terlalu fragmented, terlalu berpecah-pecah sehinggakan tidak ada penyatuan di mana keberkesanan yang lebih dapat kita perolehi jika ada koordinasi antara program-program ini dalam sesuatu kawasan.

Saya rasakan kalau dapat akan membuat peruntukan kepada program-program baru ini dan dengan kerjasama mungkin dengan jabatan-jabatan lain menumpukan peruntukan itu kepada pusat-pusat Rukun Tetangga ini sebagai tempat untuk, sebagai contoh, kegiatan-kegiatan “family counseling” ataupun kaunseling bagi keluarga, “crisis centre” bagi kaum wanita, masalah-masalah berkaitan dengan legal aid ataupun bantuan guaman, bironya, galakan NGO yang bergiat termasuk persatuan di kawasan-kawasan tersebut. Kerana pernah di kawasan saya banyak menanyakan sama ada boleh mendapat dalam kawasan saya itu peruntukan untuk mengadakan pejabat bagi persatuan-persatuan NGO ini. Jadi, kalaulah pusat Rukun Tetangga itu dijadikan tumpuan masyarakat setempat, sama ada melibatkan kaum dewasa ataupun muda-mudi melalui peruntukan NGO ataupun gerakan-gerakan lain, bukankah ini satu cara kita merapatkan hubungan dan cari penyelesaian masalah-masalah antara yang dihadapi oleh masyarakat terutama di bandar ini?

Jadi, saya cadangkan supaya pihak jabatan mengkaji perkara ini dan kalau peruntukan itu dapat disalurkan ke kawasan-kawasan di mana terdapat pusat-pusat Rukun Tetangga ini dengan juga bantuan sokongan daripada

peruntukan-peruntukan wakil rakyat, tentu sekali projek-projek termasuk Rukun Tetangga dapat dikemaskinikan dalam konteks keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

4.40 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040000 - Hal Ehwal Wanita.

Tuan Pengerusi, seperti yang sedia dimaklumkan oleh semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, peranan yang dimainkan oleh wanita adalah sangat penting dan di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan penghargaan dan juga sanjungan ke atas peranan besar yang dimainkan oleh mereka. Sungguhpun begitu adalah sungguh malang sekali bahawa pihak kerajaan tidak mengakui atau memberikan tempat yang sesuai kepada peranan wanita di negara kita.

Seperti yang saya katakan tadi, wanita merupakan rakan kongsi yang paling penting dalam satu keluarga. Dari semua pihak, dari segala aspek dan bidang adalah jelas di lihat bahawa kaum wanita menghadapi banyak diskriminasi. Contohnya, kalau kita lihat dari segi tradisi, biasanya pendidikan untuk kaum wanita tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Tetapi baru-baru ini dengan penekanan kepada pendidikan secara umum, sekarang kaum wanita mendapat peluang yang lebih. Tetapi sungguhpun begitu, kalau kita lihat dari segi jumlah kaum wanita di peringkat pusat pengajian tinggi, bolehlah

dilihat bahawa jumlah mereka tidaklah setanding dengan proportion, dengan izin, penduduk dari kaum mereka.

Saya rasa di sini, sungguhpun pendidikan di peringkat universiti atau pengajian tinggi adalah penting, tetapi adalah lebih penting bahawa semua ibu adalah berpendidikan atau sekurang-kurangnya berpendidikan atau mempunyai penguasaan dalam aspek ini, kerana pernah dikatakan kalau kita mendidik seorang lelaki, kita mendidik seorang individu, tetapi kalau kita mendidik seorang wanita, kita mendidik, bukan sahaja satu keluarga, kita mendidik sebuah negara. Dengan izin, “if you teach a man, you teach a person or individual, but if you teach a woman, you teach a nation”, kerana wanitalah yang memberikan asuhan dan pendidikan kepada anak-anak mereka.

Oleh sebab itu, saya harap, dalam aspek ini, kalau kita hendak memupuk dan memastikan nilai-nilai bersih dan suci dapat diteruskan supaya dapat mengelakkan masalah-masalah sosial, kita haruslah bermula daripada akar umbi dan akar umbi ini ialah memberikan penekanan yang secukupnya dan sewajarnya kepada kaum wanita. Dan langkah pertama, di dalam memastikan semua undang-undang yang mendiskriminasikan terhadap kaum wanita, mestilah dimansuhkan sama sekali. Tidak boleh dinafikan bahawa kejayaan yang dikecapi dalam negara kita, sedikit sebanyak disebabkan oleh kaum wanita, sungguhpun semua pemimpin kita adalah terdiri dari kaum lelaki.

Kita melihat komposisi Kabinet, juga Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen - kebanyakan kaum lelaki. Tetapi, dengan izin, behind the success of

every man, there is always a woman behind him. Kalau kita benar-benar menginsafi atau menghayati.....

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan perkara kontroversi, mengapa hendak hentam saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak beri atau tidak?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Tuan Lim Guan Eng: Sila, sila.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Oleh sebab Ahli Yang Berhormat banyak sangat 'champion cause' kaum wanita ini, saya hendak tahu berapakah jumlah wanita dalam Majlis Tertinggi DAP atau menjadi Wakil Rakyat atau diberi peluang untuk bertanding di atas tiket DAP?

Tuan Lim Guan Eng: Kita ada ramai, tetapi malangnya calon-calon yang kita tempatkan di kawasan kubu kuat kita tidak berjaya, termasuk juga di Ipoh Barat dan di beberapa tempat. Tetapi kita ada dua ADUN, sungguhpun kita kalah teruk dalam pilihan raya besar 1995, kita masih ada dua ADUN wanita iaitu satu ADUN tunggal di Pulau Pinang. Ia adalah terdiri dari kaum

wanita dan juga seorang lagi iaitu Ketua Wanita DAP iaitu Dr. Ng Hong Giok di Selangor. Saudari Chong Eng di Pulau Pinang. Ada dua orang kerana kebanyakan yang lain kalah. Tetapi sekurang-kurangnya kita ada meletakkan calon dan ada Wakil Rakyat dari wanita bukan seperti parti komponen Barisan seperti SUPP dari Sarawak tidak pernah meletakkan seorang pun calon wanita sejak sejarahnya ia ditubuhkan, tidak pernah ada seorang wakil rakyat wanita. Saya rasa kalau hendak buat kritikan, lihat keluarga dan diri sendiri terlebih dahulu dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ambil berat tentang perkara ini bolehlah menasihatkan SUPP supaya membetulkan keadaan sedemikian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Timbalan Menteri bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Okaylah, baiklah. Kasihan sedikit, tadi kena hentam.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu sebab Tanjong betina - hentam masa orang tidak ada. Tunggu masa saya adalah. Saya hendak bertanya. Bercakap tentang keluarga, keluarga BN tidak ada, saya hendak bertanya, keluarga pembangkang - PAS, ada atau tidak MP perempuan?

Tuan Lim Guan Eng: Keluarga apa?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: PAS. PAS keluarga pembangkang bukan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa itu berlainan. Saya hanya berhak bercakap bagi pihak DAP. Dengan PAS kita tidak ada hubung-kait langsung, hanya duduk sama sahaja. Bukan seperti Barisan, satu keluarga. Saya hendak balik kepada pokok.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada masa. Nanti-nanti, duduk sekejap.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak ada masa untuk balik kepada perkara pokok yang saya hendak bawa. Itu saya rasa yang penting.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay, okay.

Tuan Lim Guan Eng: Bahawa ada banyak undang-undang yang tidak adil. Saya rasa, kalau kita lihat peranan yang dimainkan oleh kaum wanita sama ada dalam tradisi Barat atau Timor. Dalam tradisi Barat “the hands that rock the cradle rules the world”, sungguhpun tidak secara langsung, tetapi secara tidak langsung itu memang benar “the hands that rock the cradle rules the world”.

Dalam tradisi Timor, mengikut negarawan Cina, Mao Tze Tung [*bercakap dalam bahasa Cina*], dengan izin, “*woman holds half the sky*”, begitu juga dengan Mahatma Ghandi dan semua pemimpin-pemimpin, sama ada dari budaya tradisi Barat atau Timur, mengakui peranan penting yang dimainkan oleh wanita. Tetapi di sini adalah malang sekali masih terdapat

banyak undang-undang yang mendiskriminasi terhadap wanita. Contohnya, kalau seseorang ibu hendak memohon pasport untuk anaknya, dia mesti mendapat kelulusan daripada suaminya. Mengapa ini berlaku? Sedangkan kalau kita lihat daripada hak penjagaan ibu bapa, yang bersalin atau melahirkan anak itu ialah ibu, tetapi ia tidak berhak untuk mendapat kelulusan untuk mendapatkan pasport anaknya. Saya rasa itu adalah satu kepincangan dan kecacatan yang mesti dibetulkan.

Satu lagi perkara ialah apabila seorang wanita berkahwin dengan lelaki asing, lelaki asing ini tidak boleh masuk ke Malaysia, tetapi kalau seorang lelaki berkahwin dengan seorang wanita asing - boleh, tidak mendapat masalah yang begitu sukar dan sulit.

Ketiga, ialah tentang warisan harta benda pun merupakan satu masalah. Warisan harta benda di mana.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Baiklah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat dari Kota Melaka mencadangkan juga, dalam masyarakat Cina bila perempuan itu berkahwin dengan lelaki, biar lelaki itu memakai nama keluarga isteri. Boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya tidak buat cadangan seperti itu - tentang nama keluarga, itu dipakai di seluruh negara, di semua

negara sama ada negara Barat atau Timur masih mengikut nama keluarga kaum lelaki. Tetapi di sini, saya menyebut tentang undang-undang yang harus mengakui peranan wanita sebagai, dengan izin, an equal partner, itu sangat penting. An equal partner, bukan a subservient partner seperti

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup, Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup!

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya gulung? Banyak yang kacaulah. *[Ketawa]* Orang ini banyak kacau. Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba hendak mempertahankan diri. Tidak mengapa, tetapi, yang penting ialah semua undang-undang yang tidak adil ini, saya harap bolehlah dibetulkan. Seperti yang saya katakan tentang warisan hartanah, hak adil kepada kaum wanita. Kalau diwariskan tanpa will, tanpa surat will, what is will?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Wasiat!

Tuan Lim Guan Eng: Ha! Wasiat. Tidak mendapat layanan yang sama seperti kaum lelaki. Oleh sebab itu, saya harap semua undang-undang, ini adalah penting supaya kita mengakui peranan yang dimainkan oleh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan anak perempuannya, ini sangat penting, sekurang-kurangnya kerana anak perempuan Marina Mahathir kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekurang-kurangnya Perdana Menteri sekarang memberi perhatian kepada masalah AIDS dan sekarang pun gunakan

istilah kondom. Kalau bukan anak perempuannya, saya rasa susah sedikit untuk memahami tentang masalah yang dihadapi oleh pesakit AIDS.

Oleh itu, peranan kaum wanita tidak boleh dinafikan dan saya harap peranan mereka sebagai equal partner bolehlah diterapkan dengan mengangkat mereka ke tahap yang sama dengan kaum lelaki kerana mereka adalah ibu, adik, isteri dan anak perempuan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

4.52 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Tuan Pengerusi, saya ingin pertamanya bercakap tentang Butiran 020000 - Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan sehingga hari ini pihak kementerian hanya membayar sebanyak RM70 wang untuk orang yang tua dan juga tidak berkemampuan untuk mencari nafkah sendiri. Saya kira peruntukan RM70 ini tak cukup.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang mereka ini hidup sebatang kara, bukan ada apa, ada rumah buruk satu, kemudian duduklah seorang. Di belah-belah kampung saya, mereka buat kuih untuk dijual, kadang-kadang kalau kuih itu laku, lakulah, kalau tak laku, tak adalah, terpaksa makan modal balik.

Jadi, adakah kalau di pihak kementerian tanya diri sendiri atau menteri pun tanya diri sendiri, cukup atau tidak cukup hendak hidup dengan RM70? Kalau orang-orang tua, mereka hendak beli minyak angin dan sebagainya, hendakurut lutut, pinggang dan sebagainya, pun sudah berapa ringgit harga sebotol? Hak itu pun sahaja. Jadi, saya cukup berasa kecil hati dahulu bila

menteri kata: *“Kita jangan tanamkan semangat subsidi kepada orang-orang ini.”*

Tuan Pengerusi, sebenarnya, bukan subsidi, ini hak mereka. Mereka adalah pejuang kemerdekaan setengahnya itu. Orang yang telah banyak berjasa, tetapi kerana anak tiada, pendidikan tidak tinggi, nasib mereka malang sedikit.

Tuan Pengerusi, bila umur sudah begitu, kita hendak ubah mentaliti depa macam mana? Umur sudah 70 tahun, 80 tahun ini, hendak suruh ubah mentaliti ke zaman Internet - tak boleh dah! Kubur pun dah panggil dah!

Jadi, kita kena rasionallah sedikit tentang isu ini dan saya mencadangkan pihak kementerian naikkan sedikit elaun depa ini. Kita ada bonus, ada itu, ada ini, depa bukan ada apa. Kadang-kadang sebatang kara, sebelum depa hendak hembuskan nafas yang terakhir. Kang-kadang hidup tak sempurna.

Jadi, saya berharap pihak kementerian pandang jauh sedikit, bukannya banyak sangat orang yang susah ini, tak banyak sangat. Kalau ada pun yang betul-betul daif ini, kita bantulah mereka, jangan bantu sekerat jalan. Bantulah mereka sepenuhnya supaya mereka ini sebagai juga rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik, mendapat sedikit sebanyak hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara ini, kesenangan negara kita hari ini. Itulah yang saya harapkan dan saya ingin mengulangi lagi ini bukan subsidi, ini bukan welfare, ini adalah hak kita untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik di dalam negara kita. Dalam Islam dia suruh kita bantu membantu di antara satu sama lain,

sebab itulah dia suruh kutip bayar zakat. Zakat itulah untuk kita hendak bantu orang yang kurang bernasib baik. Hak yang kaya bantu hak yang miskin.

Begitulah saya harap kementerian pun akan dapat membantu orang-orang yang kurang bernasib baik, yang buta huruf, yang kadang-kadang tak tahu tempat hendak mengadu nasib mereka. Inilah saya harap, tolong naikkanlah sedikit daripada RM70 sebulan itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan asrama PPRT ataupun asrama untuk anak-anak yang miskin di luar bandar ataupun di dalam bandar. Bukan saya hendak kata di luar bandar sahaja yang ada orang miskin, di dalam bandar pun banyak orang yang duduk setinggan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, cara kita membela nasib orang susah ini adalah dengan memberi pendidikan yang baik. Itu caranya, kita bekal dia dengan pendidikan yang baik, insya-Allah, dia akan menjadi anak yang bertanggungjawab. Jadi, kalau orang miskin sudahlah mak pak mereka miskin, nasib anak pun tidak menentu, maka generasi keluarga itu akan jadi generasi yang kurang bernasib baik dan kementerian terpaksa membantu pula generasi yang akan datang dengan bantuan itu dan ini.

Tetapi, kalau hari ini kita cuba bantukan anak-anak miskin yang berada di luar bandar ini dengan kita wujudkan asrama PPRT, kita beri sedikit pendidikan yang sewajarnya, letak mereka di bawah pengawasan yang sebaiknya, kerana hari ini anak-anak yatim memang banyak. Kita ada rumah anak yatim itu, anak yatim ini dan anak-anak yatim ini kadang-kadang bernasib

baik lebih dari anak-anak yang tak yatim. Dekat hari raya, syarikat itu sponsor beli kasut, boleh pilih kasut, boleh rasa Kentucky Fried Chicken, ini hak yang miskin ini chicken pun tak tahu apa dia? Ayam pun dia tak tahu! Tambahlah sebut kentucky, lagi dia tak tahu.

Jadi, saya harap hak yang bukan yatim piatu, Alhamdulillah! Hari ini kita bantu yatim piatu, di kawasan saya pun ada Rumah Budi tetapi bila minta peruntukan kepada kementerian sudah beberapa kali tak dapat. Kalau pi tengok dapur yang kita dok masak untuk anak-anak yatim itu, Tuan Pengerusi, cukup sedih!

Jadi, saya harap pihak kementerian ambil catatan sedikit, Rumah Budi di Yan, dapur masak untuk budak-budak teruk sangat! Sudah dua, tiga kali dah kita tulis surat pi! Hak bantu itu terima kasihlah, hak yang tak bantu lagi itu kenalah tolong, kalau tidak kesihan budak-budak itu. Satni keracunan makanan pula, sudah kacau pula budak-budak itu! Jadi, saya haraplah kalau boleh pihak kementerian tolong tengok sedikit dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada perkara tadi, kita adakan kelas pendidikan bagi anak-anak miskin ini. Mereka hendak tuition tak mampu, di rumah tak selesa untuk belajar. Jadi, banyak masalah yang mereka hadapi. Bagi saya kalau kita boleh bantu generasi anak mereka ini, insya-Allah, ke depan ini kita akan dapat masyarakat yang faham, masyarakat yang boleh berdikari. Jadi, kurang beban kementerian.

Tuan Pengerusi, lagi satu, rumah-rumah anak yatim ini juga saya ingat kita perlu adakan kelas-kelas pendidikan tambahan. Anak-anak yatim piatu ini

kadang-kadang depa pelik, fasal mak pak tidak ada, hak yang buas itu buas sungguh, hak yang nakal itu nakal sungguh! Jadi, susah, fasal maklumlah mak pak tidak ada, mak pak mati dan sebagainya.

Jadi, depa ini kita kena beri perhatian yang lebih sedikit. Jadi, la ini voluntary organisation, badan-badan kebajikan membantu. Tetapi, kadang-kadang mereka hanya ke sekolah tetapi tidak dapat pendidikan tambahan. Jadi, saya rasa kalau boleh di rumah tempat mereka duduk itu, wujudkan kelas-kelas tuition tambahan untuk UPSR, untuk sebagainya, supaya mereka ini berjaya dan bila mereka berjaya dalam hidup, tidak lama lagi depa akan membantu balik Rumah Budi ini ataupun rumah anak-anak yatim ini kerana mereka sedar, mereka berasal dari situ dan mereka berjaya dalam hidup, insya-Allah, mereka akan bantu balik rumah-rumah di mana mereka berasal.

Tuan Pengerusi, kalau tidak, setakat kita membesarkan mereka, lepas itu bila habis Tingkatan V, depa keluar pi, nasib mereka itu tidak terjamin. Jadi, kalau kita hendak tolong ini, tolong betul-betul. Jangan tolong sekerat jalan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, lagi satu, Program 020800 - Ehwat Pemulihan.

Tuan Pengerusi, saya berharap kalau boleh tempat pemulihan ini, kita perkuatkan lagi, sungguhpun hari ini Alhamdulillah! Kita beri mereka latihan belajar dan sebagainya, tetapi kita perlu mempertingkatkan lagi pendidikan agama kepada mereka. Kita beri asuhan agama kepada mereka supaya mereka insaf dan mereka keluar dari tempat pemulihan ini, mereka akan menjadi seorang yang betul-betul insaf, seorang yang betul-betul sedar dan mereka akan balik kepada pangkal jalan.

Tuan Pengerusi, orang Islam mereka ini mudah sahaja. Dan dia sedar bahawa dia bedosa tak apa dah! Masalah hari ini, dia tak sedar yang dia buat dia berdosa, jadi, dia go ahead. Tetapi bila dia sedar perbuatan ini berdosa, perbuatan ini salah, dia sedar ada syurga neraka, insya-Allah, dia akan balik kepada jalan yang paling baik. Begitu juga hak yang dok hisap ganja, dadah

dan sebagainya. Masalahnya mereka tidak tahu ada syurga dan neraka di akhirat, dia dok ingat setakat di dunia ini sahaja. Dia kena dua, tiga kali, dia high itu, habislah! Dia tak tahu yang dia hendak “masuk”, tak lama lagi malaikat hendak soal dia dan sebagainya. Jadi, kita banyakkann lagi tentang pendidikan agama ini, insya-Allah, mereka akan menjadi baik dan bila depa baik, depa insaf itu, insaf - okay dahlah, tak payah dok ambil masuk balik dalam pusat tahanan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya tidak cukup kalau saya tidak bercakap tentang hal-hwal wanita. Tuan Pengerusi, saya bersetuju wanita ini tangan yang menghayun buaian, dia boleh goncang dunia. Bukan setakat dunia, orang lelaki pun dia boleh goncang. Kalau tidak kena, dia boleh goncang. Tidak, sungguhpun. Dia buat yang pelik-pelik sedikit, dia goncang kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap kita dapati banyak, ibu-ibu tunggal ini menghadapi masalah dalam hidup setelah rumahtangga mereka jadi huru-hara ataupun perpisahan. Kadang-kadang, bukanlah kata semua suami tetapi ada juga suami-suami ini Tuan Pengerusi, bila mereka hendak tinggal, mereka angkat kaki pergi macam itu sahaja. Dia kata ‘good bye, I want to go’ dia pergilah, dengan izin, Tuan Pengerusi. Tetapi hak yang good bye, yang kena tinggal ini, apa akan jadi nasib mereka?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak kementerian ambil satu lagi tanggungjawab iaitu mendaftar ibu-ibu tunggal yang mempunyai masalah dan kita selesaikan masalah mereka mengikut perundangan yang sewajarnya. Kadang-kadang kes mereka ini begitu lama, dan bila begitu lama ibu-ibu ini akan menderita. Itu kadang-kadang yang kita

tengok dalam surat khabar, Tuan Pengerusi, anak sampai lapan. Bayangkanlah kalau anak sampai lapan, hak yang tidak reti apa lagi tu, dia tahu lapar, hendak makan. Tidak ada baju, hendak baju. Bila raya, orang pakai baju raya, dia hendak. Macam mana emak itu hendak cari duit, hendak kerja. Sebab itulah, kadang-kadang anak tidak cukup umur pun dia suruh pergi kerja, tidak cukup umur pun, dia suruh pergi menoreh getah untuk hendak bantu keluarga.

Jadi, di sini daftarkan. Jadi, kalau ibu-ibu tunggal yang mempunyai masalah, dia boleh daftar di kementerian dan pihak kementerian pastikan, bagaimana hendak mengatasi masalah mereka ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Masa sudah cukup, saya boleh gulung. Terima kasih. Ini pasal masalah ibu tunggal, Tuan Pengerusi, kalau kita tidak bela, siapa lagi hendak bela. Tadi, mereka lupa hendak cakap, jadi saya kena bercakap pasal ibu tunggal ini. Kita pun bukanlah pembela, maknanya ini tugas kita. Kadang-kadang mereka datang kepada wakil rakyat ini, hak yang tunggal, dua kali tunggal pun ada Tuan Pengerusi, jadi ..
[Ketawa] masalah. [Disampuk] Hendak pergi ikut itu pun. [Ketawa]

Jadi, Tuan Pengerusi, pastikan bahawa anak-anak mereka ini, kalau yang belajar boleh cerdas sedikit kita hantar ke maktab dan sebagainya, untuk

kita selesaikan masalah-masalah ini. Ini, Tuan Pengerusi, ibu kadang-kadang hak yang kita nampak masalah dalam bandar, satu-satu kes itu sampai 4, 5 tahun. Dan kadang-kadang ibu yang iman yang tidak kuat itu Tuan Pengerusi, dia menyelewenglah, dia pergilah. GRO ke, apa 'O' ke, macam-macam. Dia masuk pergi jadi macam-macam 'O' Jadi, kita naik pening balik lepas itu. Bila jadi 'O' macam itu, anak-anak dia pun huru-hara, bila tengok emak dia pun, balik pukul 3 pagi, 4 pagi [*Ketawa*] yang kita dalam baca buku-buku kajian, kita buat kajian. Kita wakil rakyat kena buat kajian.

Jadi, Tuan Pengerusi, apakah tindakan? Kita boleh pergi tangkap, mana-mana kita hantar orang pergi tangkap kemudian jatuh hukum, dia lepas balik. Kemudian dia kata, macam mana siapa hendak bela anak-anak aku, 7,8 orang. Anda tahu tangkap sahaja, yang hendak bela siapa? Jadi, ini persoalan dia.

Jadi, wanita ini saya setuju, Tuan Pengerusi, kalau saya sendiri hendak suruh jadi perempuan, saya tidak mahu. [*Ketawa*] Tidak, sungguhpun. Mana dengan hendak masak, mana dengan hendak pantang 44 hari, macam-macam karenah wanita. Yang ini kenyataan, kita kena bela nasib mereka. Memang jadi seorang wanita itu, Tuhan cipta ini bukan benda yang mudah, dia kena banyak bersabar. Kena banyak bersabar, barulah dia boleh jadi wanita. Kita orang lelaki tahu balik, buka tudung tengok lauk, kalau lauk tidak ada, good bye. Kadang-kadang balik, tanya apa pasal anak, tidak ambil tahu. Bukan semualah, kalau macam saya, saya ambil tahu. Wakil-wakil rakyat ini semua ambil tahu, ini hak yang tidak ambil tahu.

Jadi, saya harap peruntukan untuk hal-ehwal wanita ini kena pertingkatkan. Tuan Pengerusi, jadi saya harap pihak kementerian kaji balik pasal apa banyak sangat kita nampak hari ini, dalam surat khabar hari-hari, ibu tunggal yang di kampung merana, tidak ada kerja. Ibu tunggal yang dibiarkan oleh suami di bandar, kes mahkamah yang begitu lama tidak dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak gulung Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi? Masa Yang Berhormat sudah lebih dari 3 minit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong.

5.05 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, muka surat 329 Butiran 020000, muka surat 331 Butiran 040000, muka surat 332 Butiran 050000 dan muka surat 333 Butiran 060000.

Tuan Pengerusi, saya nampak ada peruntukan RM50 juta untuk institusi keluarga dan juga RM280.7 juta untuk bantuan kebajikan dan kemudahan institusi kebajikan untuk warga tua, kanak-kanak, belia dan orang-orang yang kurang upaya.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menekankan bahawa bukan sahaja kita mesti menumpukan perhatian kepada belia dan wanita bahkan juga kepada warga tua kerana dengan perkembangan kemajuan ekonomi negara ini maka bilangan warga tua akan bertambah. Justeru itu, masalah pemeliharaan warga tua timbul di negara ini. Sebab itulah, saya menyeru supaya pihak kementerian mengadakan satu siasatan yang menyeluruh mengenai keadaan di seluruh negara pusat-pusat dan kediaman untuk warga tua, sama ada pusat-pusat kerajaan ataupun swasta. Kerana setakat ini, saya tidak pernah membaca maklumat mengenai bilangan pusat-pusat warga tua ataupun pusat-pusat kebajikan warga tua yang diwujudkan oleh pihak swasta. Sebab kita hendak mengetahui bagaimana semua pusat ini melayan warga tua sama ada mengikut cara-cara yang betul ataupun mewujudkan penganiayaan ke atas warga tua.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan mengenai keperluan kepada pihak kementerian dengan segera meminda semua undang-undang yang mendiskriminasikan wanita di negara ini. Saya akan sambung

kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Kota Melaka mengenai pengiktirafan dan pengesahan Convention CEDAW.

Walaupun ada satu, dua syarat yang dikenakan oleh pengesahan ke atas Program Convention CEDAW, nampaknya kebanyakan diakui oleh pihak kerajaan, pihak kementerian untuk menerima semua cadangan, semua perakuan CEDAW. Justeru itu, mengapa semua undang-undang yang mendiskriminasikan wanita tidak dipinda dengan serta-merta?

Misalnya, 'Guardianship of Infant Act' dan Akta Imigresen perlu dipinda dengan segera walaupun Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tidak begitu gemar, tidak begitu prihatin kepada masalah seperti ini sebab dia senyap sahaja mengenai isu wanita, kita perlu bertanya pihak kementerian mengapa kita boleh membentangkan semua pindaan ke atas undang-undang yang mendiskriminasikan wanita dengan serta-merta. Sebab pihak kementerian sudah membincangkan hal ini untuk bertahun-tahun tetapi malangnya cuma tahun lepas ada satu rang undang-undang mengenai keganasan ke atas kanak-kanak, ke atas keluarga dibentangkan. Cuma satu sahaja tetapi seterusnya tidak ada. Kita tidak ada, inilah satu perkara yang perlu diperbetulkan, kalau boleh diperbetulkan.

Kita nampak dalam Perlembagaan Persekutuan memang peluang yang sama diberikan kepada wanita tetapi di dalam pelaksanaan di dalam penguatkuasaan undang-undang prosedur dan semua kaedah untuk melaksanakan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sangat kurang, sangat tidak berkesan. Sebab itulah saya menyeru supaya pihak

kementerian bukan sahaja melaungkan untuk memperbaiki keadaan bahkan juga langkah-langkah yang konkrit mesti diambil untuk memastikan bilangan wanita dalam pemimpin politik, pembuat keputusan ataupun penggubal dasar, bilangannya ditambahkan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, mengenai Orang Asli. Di sini saya hendak menekankan walaupun lebih satu dekad saya sentiasa ada membangkitkan masalah Orang Asli, tetapi nampaknya bilangan yang masuk ke universiti ada bertambah sedikit - tidak ramai.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tambun ada betul juga wujudnya inferiority complex dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi yang penting sekali di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak ada peruntukan untuk memelihara hak-hak dan privilege Orang Asli dan juga di dalam undang-undang seperti Aboriginal People's Act 1954, pihak Orang Asli tidak dibenarkan memiliki tanah, memiliki geran. Ini adalah penting sebab di Sabah dan Sarawak, memang ada undang-undang yang memelihara hak-hak dan privilege-privilege orang Hulu, tetapi di sini tidak ada. Daripada hampir 100,000 ataupun 95,000 Orang Asli ini, kita perlu mengkaji semula semua undang-undang yang relevan untuk memastikan mereka mempunyai hak-hak dan privilege-privilege yang diperlukan, kerana orang Aslilah maha bumiputera.

Tuan Pengerusi, dikirakan hampir 68,200 hektar rizab untuk Orang Asli, tetapi menurut Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, dari tahun 1990 hingga 1994 ada 21,000 ekar tanah Orang Asli yang digazet atau bakal

digazetkan, dibatalkan dan ditarik balik tanpa pampasan. Ini merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh kaum orang Asli. Sebab itulah kita mesti menyelidik dan juga memastikan bagaimana kita dapat memelihara orang Asli bukan sahaja dari segi pemilikan tanah, bahkan juga di aspek-aspek yang lain.

Sebab itu saya bercadang supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk memasukkan peruntukan bagi memelihara hak-hak dan privilege-privilege Orang Asli dan juga Aboriginal People's Act 1954 perlu dipinda untuk memberi peluang kepada orang Asli memiliki tanah.

Saya sedar bahawa ada setengah-setengah orang Asli yang menjadi nomad yang tidak tentu tempat tinggal dan sebagainya. Ini merupakan salah satu masalah bagi pemberian hak milik tanah kepada mereka, tetapi perkembangan kemajuan ekonomi negara ini, bilangan orang Asli yang tinggal tetap telah bertambah.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun minta jalan.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya ingin penjelasan. Adakah Yang Berhormat hendakkan Orang Asli ini tinggal seperti Orang Asli hinggakan mengasingkan mereka dengan orang 'tiruan' kerana kebanyakan orang 'tiruan' bila sebut Orang Asli lawannya tiruan. Jadi, maksud saya kita jangan jadikan 'asli', kita jadikan semua rakyat kita ini orang 'tiruan'.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sama ada ‘tiruan’ atau ‘asli’ kita mesti memelihara orang yang kurang berupaya, orang yang ketinggalan sama sekali di dalam semua aspek, pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa cukup, sebab itu, walaupun 95,000 Orang Asli yang mempunyai 777 kampung di seluruh negara terutamanya di Kelantan, di Pahang dan di Perak, bukan di Negeri Sembilan hanya ada satu dua kampung sahaja. Tetapi di ketiga-tiga negeri ini memang kita memberi perhatian yang lebih, lebih prihatin kepada masalah Orang Asli. Sekian. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

5.16 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bangkitkan satu isu iaitu mengenai dengan syarat rumah kebajikan yang dikendalikan oleh kementerian untuk menerima warga tua dan juga orang cacat untuk memasuki rumah orang cacat.

Amalan sekarang seperti saya difahamkan ialah rumah kebajikan tidak akan menerima warga tua yang tidak dapat menjaga diri sendiri langsung. Maksud saya, jika orang tua itu tidak dapat menjaga diri sendiri dari segi hendak ‘membuang air’ pun tidak tahu, jadi, macam mana hendak menjaga diri sendiri? Oleh itu, rumah kebajikan yang dikendali oleh kementerian sekarang

tidak akan menerima mereka, atas alasan bahawa mereka tidak mempunyai kakitangan yang terlatih untuk menjalankan kerja menjaga mereka.

Apabila kita merujuk kes-kes ini kepada hospital untuk mendapatkan bantuan, pihak hospital akan memberitahu kita bahawa mereka tidak dianggap sebagai orang sakit dan pihak hospital juga enggan menerima mereka. Begitu juga apabila kita mengharapkan bahawa pihak rumah kebajikan swasta akan memberi bantuan, kita juga diberitahu bahawa mereka juga tidak mempunyai kakitangan yang sesuai untuk menjalankan kerja menjaga orang tua tersebut.

Maka di sini saya ingin bertanya, kalau semua pihak enggan menerima mereka, siapa yang akan menjaga orang-orang tua tersebut? Saya berpendapat bahawa kementerian perlu mengkaji dasar tersebut kalau memerlukan kakitangan yang terlatih atau khas untuk menjaga golongan tersebut. Kita perlu membuat persiapan, kalau tidak, kita selalu menghadapi kes-kes di mana kita langsung tidak dapat memberi bantuan terhadap golongan tersebut.

Itu sahaja, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kinabalu.

5.18 ptg.

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Program 030200 - Promosi Perpaduan dan Integrasi dan juga Butiran 00100 - Perkhidmatan Perlindungan; Rumah Pesakit Melarat dan Rumah Kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan adalah teras bagi kestabilan politik dan juga kemakmuran negara. Saya berbangga bahawa

perpaduan merupakan satu perkara yang dianggap penting di negara ini dan kita merasakan bahawa apa yang kita telah capai setakat ini sangat membanggakan di mana semua rakyat Malaysia tidak kira dari segi latar belakang keturunan ataupun agama hidup dalam keadaan aman dan damai. Namun demikian, dari segi proses integrasi nasional iaitu di kalangan Sabah, Sarawak dan Semenanjung, kita merasakan masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan untuk memperkukuhkan proses tersebut.

Saya ingin mengulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini suatu ketika dahulu, kalau saya tidak silap, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan pernah mengatakan bahawa proses integrasi nasional itu bukan lagi keutamaan bagi Kerajaan Barisan Nasional, kerana kerajaan di Sabah kini diperintah oleh Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya proses integrasi nasional adalah satu proses yang berterusan, ianya tidak berhenti apabila Barisan Nasional sudah mengambil alih Kerajaan Negeri Sabah. Saya percaya bahawa bukan sahaja Ahli Parlimen dari PBS, tetapi saya percaya juga Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional sendiri dari Sabah memikirkan bahawa proses integrasi nasional itu sangat penting dan tumpuan kerajaan haruslah ke arah untuk mengukuhkan proses tersebut, pencapaian tersebut supaya dalam Wawasan 2020 kita akan dapat mencapai keseimbangan masyarakat bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Tuan Pengerusi, adalah amat diharapkan bahawa kerajaan memberi tumpuan kepada perkara ini, apabila melihat dari segi keperluan-keperluan,

keluhan-keluhan ataupun rayuan-rayuan daripada rakyat di Sabah, Sarawak yang masih ketinggalan jika dibandingkan dengan saudara-mara kita ataupun kawan-kawan kita daripada Semenanjung Malaysia.

Apa yang kita tidak mahu seperti mana sikap setengah pemimpin apabila Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah menyuarakan masalah mengenai negeri Sabah, mereka tuduh seolah-olah kita ini 'parochial' atau kedaerahan sedangkan Tuan Pengerusi, kita menyuarakan masalah-masalah tertentu dengan tujuan supaya kita dapat merasakan bahawa proses integrasi nasional itu dapat dijalankan dengan lancar, dapat dicapai matlamatnya.

Saya dapati di Dewan ini, apabila Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional sendiri memulakan ucapan sebagai Ahli Parlimen dari Sabah dan rata-rata semua Ahli Parlimen dari Sabah bila hendak berucap memang menyuarakan hal-hal masalah di Sabah - kemiskinan, kemunduran, keperluan itu dan ini. Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, saya telah bercakap dengan salah seorang Ahli Parlimen, mengatakan bahawa kenapa integrasi nasional itu sangat penting? Oleh kerana apabila kita menghadapi satu-satu masalah, mungkin kawan-kawan kita dari Semenanjung apabila menggubal satu undang-undang untuk menyelesaikan satu masalah, tidak dapat melihat di sudut pandangan kami di Sabah dan Sarawak, misalnya dalam bidang pendidikan, apabila Ahli-ahli Parlimen berdebat di Dewan ini mengatakan bahawa sekolah memerlukan komputer, 'smart school', dengan izin, sedangkan di Sabah dan Sarawak kami belum sampai ke tahap itu, Tuan Pengerusi. Kami masih memikirkan tentang sama ada kita mempunyai bangunan sekolah, sama ada

kita ada bangku atau meja, ada guru dan lain-lain lagi. Kami masih bergelut dengan masalah bahawa pelajar-pelajar hampir kesemua dalam sekolah tidak lulus dalam UPSR.

Tuan Pengerusi, dalam Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak khususnya PBS yang sering menyuarakan masalah-masalah di negeri Sabah, ini adalah dengan niat yang baik oleh kerana kami juga menyedari betapa penting proses integrasi nasional itu dapat kita perkukuhkan.

Tuan Pengerusi, integrasi secara politik kita sudah capai apabila Sabah menyertai gagasan Malaysia dan membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat, bersatu padu dan makmur. Integrasi ekonomi juga kita sudah capai dan semakin hari semakin mantap memandangkan permohonan-permohonan yang kita lakukan di seluruh negara. Tetapi integrasi nasional, Tuan Pengerusi, adalah soal sikap, soal minda, soal pembentukan satu wawasan bagi seluruh rakyat di Malaysia. Membentuk satu wawasan yang satu supaya masyarakat di Sabah dan Sarawak juga mempunyai wawasan yang seiring dengan di Semenanjung ini dan itu hanya berlaku sekiranya kita dapat melihat bahawa ada keseimbangan dari segi pembangunan, pencapaian dari segi ekonomi, dari segi pendidikan dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, dalam kesempatan ini saya merayulah kepada kementerian ini supaya menggubal program-program yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan integrasi nasional bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Kita mintalah supaya menteri-menteri berkenaan tidak menganggap bahawa integrasi nasional itu harus dilupakan atau tidak diutamakan. Kalaulah kita

minta supaya tambang dimurahkan, kita minta harga diturunkan, kita minta permohonan yang lebih, kita haraplah supaya menteri tidak menjawab bahawa integrasi nasional tidak lagi diutamakan. Oleh kerana ini satu perkara yang sensitif dan saya tidak nafikan ini menyinggung perasaan bagi ahli-ahli Parlimen yang berasal daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi terus kepada Butiran 00100 iaitu program untuk kemudahan bagi pesakit-pesakit. Perkara ini sangat berkaitan dengan kawasan saya sendiri, luar bandar yang terlalu banyak orang miskin, apabila ada orang sakit yang datang ke hospital sama ada di kawasan saya di Pekan Ranau atau di Kota Kinabalu. Mereka sebenarnya memerlukan rumah tumpangan untuk tempat tinggal. Apa yang saya dapati bahawa walaupun kemudahan ini telah disediakan tetapi kemudahan ini tidak cukup. Oleh yang demikian tidak kurang yang datang kepada Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat minta bantuan untuk tempat tinggal, makanan, belanja dan lain-lain lagi.

Saya memikirkan bahawa peruntukan sebanyak RM5,560,050 tidak cukup. Saya mencadangkan supaya kementerian ini bagi Sabah dan Sarawak khususnya, di mana masalah ini sangat tenat, memberi kemudahan-kemudahan ataupun peruntukan yang lebih supaya kemudahan perumahan bagi pesakit-pesakit yang datang ke bandar-bandar untuk mengiringi saudara-mara yang sakit dapat disediakan. Ini untuk mengurangkan beban, beban bukan sahaja para pesakit dan keluarga mereka tetapi juga beban Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat yang terpaksa dibebankan dengan masalah seperti ini.

Tuan Pengerusi, salah satu juga masalah yang dihadapi mengenai dengan orang-orang sakit yang memerlukan kebajikan ialah apabila pesakit itu menghadapi masalah dalam keluarga misalnya, ada yang meninggal, mereka memerlukan banyak bantuan dari segi mengurus urusan yang perlu dilaksanakan dan biasanya mereka akan jumpa beberapa Jabatan Kebajikan untuk minta bantuan. Saya difahamkan bahawa Sabah memang mempunyai kementeriannya sendiri mengenai dengan Kementerian Kebajikan tetapi saya tahu juga bahawa soal kebajikan ini ialah satu soal yang bukan sahaja tersenarai bagi Kerajaan Negeri tetapi juga Kerajaan Persekutuan.

Jadi, kita mencadangkanlah supaya kementerian ini memberi perhatian bukan sahaja di Semenanjung tetapi terutamanya di Sabah dan Sarawak untuk melihat bagaimana kementerian ini dapat membantu Kementerian Kebajikan ataupun Jabatan Kebajikan di Sabah dan Sarawak. Untuk dapat membantu orang-orang yang sakit mempunyai beban masalah dan perlukan bantuan kewangan. Ini adalah untuk orang-orang kampung, Tuan Pengerusi, orang-orang miskin, orang-orang yang susah, di mana Ahli-ahli Parlimen terpaksa memberi perhatian yang lebih. Tuan Pengerusi, sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

5.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan kementerian ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat dari Tanjong yang berbahas tentang CEDAW, sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan baru-baru ini telah bersetuju untuk menarik balik semua reservasi yang dibuat

kecuali Artikel 5(a) , 7(b) dan 16(a). Bagi Artikel 5(a) dan 7(b) reservasi khusus akan dibuat kerana terdapat bertentangan dengan hukum syarak di mana wanita tidak boleh memegang jawatan sebagai imam, kadi dan mufti.

Bagi Artikel 16(a) kerajaan akan membuat reservasi khusus mengenai had umur. Dengan persetujuan kerajaan menarik balik semua reservasi-reservasi, kecuali reservasi-reservasi ini, kita setuju dengan konvensyen ini untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita.

Dan juga untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kerajaan khasnya kementerian ini dalam proses mengkaji semula semua akta yang sekarang mendiskriminasi terhadap wanita.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tahap wanita di negara ini bukanlah di tahap yang rendah, tetapi di tahap yang memuaskan dan kalau lelaki tidak menjaga, lama-lama kita mesti ada satu jabatan untuk menjaga hak-hak lelaki. Ramai wanita di negara ini sudah maju dan kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka yang membangkitkan mengenai hak-hak wanita dan juga kedudukan mereka.

Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa apabila kita membina seorang ibu, kita membina sebuah keluarga, tetapi apabila kita membina seorang lelaki, kita juga membina seorang individu. Saya memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa hak penjagaan dan Akta Penjagaan dan mengenai harta-benda dikaji semula dan walaupun kita tidak

boleh membawa perubahan dengan serta-merta, tetapi kita sentiasa bekerja untuk membawa perubahan kepada semua diskriminasi yang ada sekarang.

Dengan itu.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan G. Palanivel: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilakah agaknya undang-undang yang bersifat diskriminasi kepada kaum wanita ini boleh dimansuhkan atau dibetulkan supaya wanita dapat menganggap mereka mendapat tempat yang sama di dalam negara kita dan yang lebih penting lagi ialah dari segi tanggapan atau perception. Inilah yang paling penting bila the final battle to be won is when we feel bukan undang-undang, dengan izin, tetapi kita rasa dan kita menganggap bahawa kita benar-benar an equal partner in every respect, dengan izin.

Tuan G. Palanivel: Tuan Pengerusi, seperti yang saya beritahu Dewan yang mulia ini baru-baru ini, kementerian ini bekerja dengan tepat dan cekap untuk mengkaji semula semua akta mengenai diskriminasi, tetapi kita tidak boleh melakukan perkara ini dengan serta-merta sebab akta ini kadang-kadang bertentangan dengan hukum syarak dan kita berbincang dengan pihak-pihak lain.

Saya menyeru dan merayu kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya bersabar sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Kota Melaka bangun. Yang Berhormat sudah habiskah?

Tuan G. Palanivel: Cukup.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan G. Palanivel: Dan dengan itu, saya suka beralih kepada Yang Berhormat dari Serdang yang membangkitkan mengenai orang-orang cacat di dalam Persatuan Orang-orang Cacat Cina. Kalau ada permohonan, kementerian ini boleh menimbang permohonan itu. Ahli Yang Berhormat dari Serdang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan mengenai wargatua. Sukacita saya mengumumkan bahawa Dasar Wargatua Negara pun sudah perkenalkan pada 29hb. Oktober 1995 bersempena dengan sambutan Hari Wargatua Kebangsaan. Dasar ini diumumkan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Dasar Wargatua Negara berhasrat untuk mewujudkan masyarakat wargatua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara.

Mengenai ucapan Yang Berhormat mengenai Orang Asli, Yang Berhormat dari Tambun, Kepong dan Jelevu juga berucap mengenai perkara

ini, sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa dalam tahun 1997, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan meneruskan dengan program-program untuk membawa perubahan kepada masyarakat Orang Asli dan isu-isu seperti taraf hidup yang masih rendah, masalah-masalah penempatan dan pemilikan tanah, sikap golongan dewasa.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila anjak sedikit supaya berada di hadapan microphone itu.

Tuan G. Palanivel: Ya, terima kasih.....penempatan dan pemilikan tanah, sikap golongan dewasa, penglibatan dalam perusahaan dan perniagaan, kelemahan infrastruktur dan berbagai lagi di dalam persekitaran yang pesat berubah.

Teras kepada langkah-langkah dan penekanan yang di atas ialah perubahan sikap dan perubahan minda. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu mengenai perkara ini. Perubahan minda kumpulan sasar untuk bersama mengejar pembaharuan, penekanan akan turut diberi kepada isu-isu berkaitan dengan hak dan kepentingan Orang Asli di mana berkaitan dengan pengekalan penempatan, menghindarkan pencerobohon kawasan dan hak-hak orang luar, eksploitasi oleh orang-orang luar, peluang-peluang latihan dan pekerjaan, identiti kumpulan kaum dan kumpulan bangsa, peluang-peluang dari industri pelancongan, pelaburan dan penglibatan dalam sistem ekonomi moden dan kumpulan penyusun kampung bagi pembangunan in situ dan lain-lain.

Mengenai kesihatan, langkah.....

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tambun bangun, ya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya nampak berbagai-bagai program yang akan dilaksanakan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen fasal masalah yang kita hadapi adalah masalah tahap pemikiran dan sikap Orang Asli yang didapati tidak sesuai dengan kemajuan pembangunan moden.

Jadi soalan saya, adakah program-program seperti yang diberitahu akan dilaksanakan pada tahun ini telah dilaksanakan pada tahun-tahun sebelum ini dan bagaimanakah pencapaiannya pada masa-masa lalu dan adakah dengan mengadakan program itu pada tahun 1997 ini kita boleh yakin ia akan berjaya?

Tuan G. Palanivel: Tuan Pengerusi, program-program ini kita sudah laksanakan pada tahun-tahun kebelakangan ini, tetapi pada tahun akan datang kita akan memberi tumpuan kepada usaha menukar sikap dan minda mereka dan meningkatkan motivasi mereka untuk menerima program-program pembaharuan dan program-program kemajuan.

Dari.....

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Serdang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya sudah membangkitkan kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong dan juga kawasan Orang Asli Kampung Pulas, Puchong masih belum diwartakan.

Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau pihak kementerian mempercepatkan supaya kawasan itu diwartakan?

Tuan G. Palanivel: Saya boleh ambil perhatian sekarang dan memberitahu kepada Yang Berhormat kemudian. Saya tidak boleh memberi jaminan bahawa kita boleh mempercepatkan perkara ini.

Mengenai bekalan elektrik dan jalan tar yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tambun, sila berikan butir-butir. Semua masalah ini kita boleh selesaikan kalau ini bukan masalah besar, tetapi kalau electricity, kita akan berhubung dengan Tenaga Nasional.

Tua Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Pengerusi, saya sangat tertarik dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tetapi saya ingin meminta penjelasan di sini iaitu mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Orang Asli khusus di Semenanjung. Kalau kita bandingkan dengan negeri Sarawak iaitu jumlah penduduk Orang Asli di sini mungkin dalam lingkungan 90,000 lebih dan masyarakat kita di Sarawak khususnya kaum Orang Ulu pun, jumlah penduduk dalam lingkungan 90,000 lebih juga termasuk kaum Penan dan saya sebagai masyarakat Orang Ulu sangat tertarik di sini, ya.

Banyak program yang kerajaan telah rancang untuk kaum Orang Asli di sini dan yang saya ingin minta penjelasan terus terang, ada kemungkinan melibatkan pegawai tertinggi dalam Kementerian Perpaduan

Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kenapakah program-program seperti ini dirancang tidak dapat memanfaatkan kaum Orang Asli oleh kerana kalau banding dengan negeri Sarawak, ada kaum yang mundur sekali tetapi kemajuan yang kita capai, misal kata dalam Dewan ini, Orang Ulu ada tiga orang termasuk saya sendiri, Orang Asli langsung tidak ada? Saya minta penjelasan.

Tuan G. Palanivel: Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau hendak kata Orang Asli tidak maju sekali pun salah juga. Ada ramai Orang Asli yang maju, ada yang tidak maju. Sebab itu kementerian ini beri tumpuan untuk menukar sikap dan minda mereka dan terus mencari jalan untuk menjayakan program-program Jabatan Orang Asli untuk membangunkan Orang Asli di kawasan-kawasan di Semenanjung, dan di Semenanjung bukan 50,000, 95,000 jumlah Orang Asli, sungguh pun saya tidak boleh beri berapa jumlah di sesuatu negeri itu, berapa jumlah Senoi, tetapi bertulis bolehlah.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu juga membahaskan berkenaan dengan Program PDK dan orang-orang yang kurang upaya dan juga meningkatkan bantuan yang diberi kepada kumpulan ini. Sukacita saya umumkan di Dewan yang mulia ini bahawa satu proses kajian semula sedang dijalankan untuk mengkaji semula segala bentuk bantuan yang diberi kepada kumpulan-kumpulan sasaran dan kita tunggu keputusan dan saya harap kita boleh dapat meningkatkan bantuan yang diberi kepada kumpulan-kumpulan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras membuat beberapa tuduhan mengenai peranan Rukun Tetangga disalahgunakan semasa pilihan raya. Saya menyeru Ahli Yang Berhormat dari Cheras membuat aduan-aduan yang spesifik kepada

kementerian dan juga kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Pada pendapat saya tidak ada mana-mana sektor Rukun Tetangga yang disalahgunakan. Kalau ada, kita suka menerima bukti dari Ahli Yang Berhormat dari Cheras, tanpa bukti tanpa siasatan saya tidak boleh mengumumkan apa-apa berkenaan dengan tuduhan-tuduhan yang diberi di Dewan yang mulia ini oleh Ahli Yang Berhormat.

Rukun Tetangga pada asalnya diwujudkan untuk rondaan dan menjamin keamanan dan keselamatan. Pada tahun akan datang Rukun Tetangga akan mengadakan satu dasar baru. Kita akan memberikan peranan yang baru kepada rukun tetangga dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Mangsa untuk memusatkan NGO dan pelbagai aktiviti di pusat-pusat Rukun Tetangga boleh diambil kira dalam peranan Rukun Tetangga.

Ahli Yang Berhormat dari Yan juga menyentuh mengenai bantuan dan berpendapat bahawa bantuan ini tidak cukup. Seperti yang dikatakan tadi, segala bentuk bantuan yang diuruskan oleh kementerian ini dikaji semula dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Yan boleh tunggu dengan sabar untuk kajian ini dan sudah tentu kita akan meningkatkan bantuan dari RM50 kepada RM70 bantuan orang tua.

Ahli Yang Berhormat dari Yan juga berucap mengenai asrama untuk pelajar-pelajar miskin. Kementerian ini tidak ada asrama khas untuk pelajar-pelajar miskin tetapi ada asrama untuk anak-anak yang kurang bernasib baik dan bermasalah dan ada saluran lain untuk membantu pelajar-pelajar miskin dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Yan boleh berhubung dengan

Pegawai Kebajikan Daerah Yan mengenai pelajar-pelajar miskin dan bantuan yang mereka perlu. Ahli Yang Berhormat dari Yan juga membuat kenyataan untuk daftar semua wanita yang bermasalah. Ini sedang dijalankan oleh pegawai kebajikan daerah dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Yan ada lain-lain cadangan boleh berhubung dengan Pegawai Kebajikan Daerah Yan untuk membantu dalam hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu berucap mengenai integrasi nasional, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu bahawa integrasi nasional ialah satu proses yang berterusan. Saya harap melalui Yang Berhormat dan lain-lain Ahli Yang Berhormat dari PBS, kita dapat banyak kerjasama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dari Barisan Nasional dan ini akan membantu integrasi nasional dan akan menyegerakan proses ini.

Dan dengan kata-kata itu saya mengakhiri ucapan saya dan kalau apa-apa butir saya belum beri dalam Dewan yang mulia ini kalau perlu saya boleh beri secara bertulis.

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Mentakab bangun hendak tanya apa-apa. Sila Mentakab.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan mengenai dengan soalan saya iaitu syarat untuk menerima warga tua yang tidak dapat menjaga diri sendiri yang mungkin ada sedikit nyanyuk dan rumah kebajikan enggan terima mereka. Adakah itu satu amalan dan adakah kementerian akan ubah amalan tersebut?

Tuan G. Palanivel: Yang Berhormat dari Mentakab. Rumah-rumah Kebajikan yang dikendalikan oleh kementerian ada syarat-syarat tertentu dan kalau ada kes spesifik boleh rujuk kepada kementerian atau Jabatan Kebajikan. Kita cuba lihat kes itu, kalau boleh kita masukkan dia ke dalam rumah melarat. Beri butir-butir spesifiklah. Saya tidak tahu apa kes yang Yang Berhormat berucap di sini.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, kes yang saya rujuk ialah kes-kes di mana orang tua itu mungkin ada sedikit nyanyuk dan langsung tidak dapat menjaga diri sendiri. Saya pernah merujuk beberapa kes kepada rumah kebajikan dan saya diberitahu rumah kebajikan tidak akan menerima mereka. Begitu juga untuk anak yang 100% cacat, di mana mereka tidak boleh dilatih langsung, rumah cacat pun enggan menerima mereka. Adakah itu satu dasar kementerian, saya hendak minta penjelasan.

Tuan G. Palanivel: Rumah-rumah kebajikan yang diurus oleh kementerian ini ada syarat-syarat tertentu kalau kes-kes ini, penyakit-penyakit ini atau orang-orang tua ini warga tua ada saudara mara mereka mungkin tak boleh diterima di rumah-rumah ini.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM 234,227,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM234,227,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM46,461,970 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM46,461,970 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.43 [Jadual] -
Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 1997] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas. Serdang.

5.53 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Butiran 020000 - Pengurusan Dan Perundangan Tanah dan Butiran 020100 - Pentadbiran Tanah.

Tuan Pengerusi, pada bulan April ini Dewan ini telah meluluskan pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata tahun 1985, di mana beberapa seksyen telah diubah supaya memberi kemudahan memproses permohonan terhadap hakmilik strata supaya rakyat ataupun penduduk di rumah pangsa dan di pangsapuri akan cepat menerima hakmilik strata itu. Tetapi sehingga hari ini

masih ada rayuan dan sungutan daripada penduduk-penduduk dari rumah pangsa dan pangsapuri terhadap masalah ini.

Ada juga setengah-setengah pemaju masih lambat mengemukakan permohonan hakmilik strata ini kepada pihak Pejabat Tanah supaya mengikut akta yang sedia ada jadikan surat hakmilik ini untuk memberi kepada penghuni-penghuni tersebut. Tetapi apa sebab pemaju masih enggan buat demikian, walaupun kita ada akta atau peraturan tertentu yang dilulus oleh Dewan yang mulia ini, masih ada rayuan daripada penghuni, mereka masih tidak terima surat hakmilik strata sehingga hari ini.

Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian apa sebab berlaku demikian? Apa tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian mengikut peraturan yang tertentu supaya pemaju-pemaju atau pemilik-pemilik tanah boleh cepat untuk mengemukakan permohonan mereka? Kalau mereka enggan buat demikian, apa tindakan akan diambil? Jadi, masalah ini hendaklah dapat diselesaikan dan dapat memberi jaminan kepada penghuni-penghuni atau penduduk-penduduk rumah pangsa yang sentiasa menyuarakan masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan bahawa dan sentiasa terdapat berita dalam surat khabar sungutan-sungutan daripada penghuni-penghuni rumah pangsa terhadap pihak pemaju mengutip bayaran perkhidmatan lebih tinggi, service charge yang lebih tinggi dan juga ada pihak pemaju enggan memberi penyelenggaraan. Ada juga oleh kerana penduduk-penduduk enggan membayar, masalah timbul, sampai hari ini tiada satu rumusan untuk atasi masalah ini.

Ada juga setengah-setengah pemaju langsung biar bangunan untuk menyelenggarakan kerana walaupun permohonan atau surat hakmilik strata masih belum diselesaikan, tetapi tidak dipedulikan dan menjadikan kawasan rumah pangsa itu kotor, tidak ada orang kutip sampah sarap. Saya sentiasa menyaksikan dan juga dapat gambaran nyata. Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin juga dapat tahu keadaan sebenarnya berlaku pada ketika ini. Jadi, macam mana caranya pihak kementerian akan mengatasi masalah demikian ini.

Tuan Pengerusi, saya juga minta pihak kementerian sama ada di bawah Akta Hakmilik Strata ini boleh melantik satu badan khas untuk menguruskan masalah yang saya sebut tadi itu sebagai badan koordinasi untuk memberi satu koordinasi antara pemaju dengan penduduk-penduduk rumah pangsa. Dan juga boleh dicepatkan untuk ditubuhkan management corporation, dengan izin. Dengan adanya management corporation ini diwujudkan, maka masalah seperti perkhidmatan kutipan ini akan dapat diselesaikan.

Buat waktu ini, oleh kerana setengah-setengah pemaju enggan membuat perkhidmatan kepada bangunan tersebut dan juga tidak dapat mewujudkan management corporation, maka kawasan ini kelam-kabut. Jadi, masalah harian telah dihadapi oleh penduduk di situ. Maka inilah satu masalah penting di mana pindaan telah diadakan, di mana kuasa telah diberi oleh kementerian, maka pihak kementerian memberi jaminan kepada Dewan ini cara mana untuk selesai masalah ini dengan secepat mungkin, dan juga boleh mengambil tindakan kepada pemaju-pemaju supaya mereka mempercepatkan mengemukakan permohonan hakmilik strata kepada Pejabat Tanah untuk cepat mengeluarkan strata title kepada penduduk-penduduk ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 030000 - Ukur Tanah. Saya rasa kecewa sedikit terhadap 452 kampung-kampung baru yang wujud lebih kurang 50 tahun lamanya, sampai hari ini masih banyak ukuran sempadan masih belum dijalankan oleh Jabatan Ukur terhadap rumah-rumah kediaman mereka. Tanpa ada ukuran, maka semasa mereka mendirikan semula rumah mereka, oleh kerana sempadan tidak ada dengan tepat, maka mereka jadikan masalah besar, sentiasa bergaduh dengan jirannya. Jadi, masalah ini sepatutnya diselesaikan 50 tahun lalu, termasuk kampung saya. Walau bagaimanapun, maka di dalam perkara ini penduduk-penduduk kampung-kampung baru ini hanya memerlukan surat geran sementara tanpa ukuran. Dalam surat hakmilik itu memang nyata sempadan itu tidak diukur. Ertinya, masih perlu tentukan sempadan mereka. Apa sebab hingga 50 tahun rumah kediaman di tanah kampung-kampung masih tidak diukur oleh Jabatan Ukur buat waktu ini. Maka saya minta pihak kementerian supaya memberi kerjasama dan pertolongan kepada orang-orang kampung yang mereka dalam keadaan yang memang dalam masalah.

Buat waktu ini negara kita telah merdeka dan Kerajaan Barisan Nasional telah memberi banyak perkhidmatan dan juga menaikkan taraf di kawasan ini, hanya ini sahaja belum lagi. Tapak-tapak rumah di kampung-kampung baru sepatutnya diukur supaya mereka tentukan sempadan mereka dan juga mereka dapat membina rumah dengan betul kawasannya mengikut Building By-law, dengan izin.

Jadi, saya mintalah pihak kementerian memberi penjelasan apa sebab lambat berbuat demikian terhadap tapak-tapak rumah di dalam kampung-kampung baru ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 04400 - Jabatan Pembangunan Koperasi.

Pada tahun 1986 beberapa buah koperasi telah dibekukan oleh Bank Negara dan sehingga hari ini hanya satu koperasi iaitu KSM telah diperintah pulih semula supaya menjalankan mesyuarat agung untuk memilih Lembaga Pengarah mereka. Tetapi sehingga hari ini, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian, berapa jumlah koperasi telah dibubarkan selepas pembekuan itu, berapa lagi akan dijalankan semula atau aktif semula supaya kegiatan koperasi dapat di pertingkatkan di negara kita ini dan sebab apa di sepanjang masa ini kerajaan telah membekukan koperasi-koperasi yang telah ditubuhkan pada tahun 1986 itu? Apa sebab berlaku sedemikian?

Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri? Dan juga memberitahu kegiatan untuk waktu ini dan cara mana untuk memberi pertolongan kepada koperasi-koperasi supaya boleh dipulihkan semula dan aktif semula selepas pembekuan yang lama ini dan langkah-langkah yang akan diberi oleh kementerian supaya koperasi ini dapat memberi faedah kepada ahli-ahli mreka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

6.02 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 43, Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah.

Tuan Pengerusi, saya ingin membawa satu perkara di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini dalam satu sesi soal-jawab

pada 19hb November, 1996 telah pun menyatakan bahawa kerajaan bercadang meminda Akta Pengambilan Tanah tetapi tidak akan dibuat dalam sesi ini. Sebelum pindaan ini dibuat, beliau berkata pihak Kabinet telah membuat keputusan bahawa tidak ada sebarang pengambilan tanah akan dibenarkan oleh mana-mana pihak dan keputusan demikian telah pun dihantarkan secara bertulis kepada semua kerajaan negeri dan saya difahamkan bahawa keputusan bertulis ini dibuat dalam bulan April tahun ini dan telah disampaikan kepada semua pihak kerajaan negeri.

Tetapi dalam satu jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Dato' Mohd. Zin bin Abdul Ghani dalam Dewan Undangan Negeri Melaka yang baru habis baru-baru ini, beliau menyatakan bahawa surat demikian telah pun diterima oleh pihak kerajaan pada tahun lepas.

Memandangkan jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa pihak kerajaan tidak bercadang meminda seksyen 3(a) dan 3(b), Akta Pengambilan Tanah supaya ia lebih adil dan tidak merugikan pemilik dan juga bersikap adil kepada publik. Buat sementara itu beliau menyatakan bahawa kementerian tidak menyedari sebarang keingkaran oleh pihak kerajaan negeri dalam pengambilan tanah dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Tanah Negara telah pun mengeluarkan arahan kepada semua kerajaan negeri supaya tidak mengambil tanah di bawah seksyen 3(b), iaitu untuk maksud ekonomi di mana tanah boleh diambil alih daripada pemilik tanah swasta untuk menjalankan projek swasta, bukan untuk kepentingan umum, iaitu sama ada membina jalan raya, hospital dan sekolah

tetapi untuk membolehkan pihak-pihak tertentu meraih keuntungan besar, membina padang golf, kondominium dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan yang akan dibuat oleh kerajaan kalau ada mana-mana negeri yang ingkar atau enggan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kabinet. Adakah pihak kerajaan akan meminta atau mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri tersebut supaya menarik balik pengambilan tanah atau kalau tanah itu sudah pun diambil alih mengikut proses undang-undang, Akta Pengambilan Tanah, tanah ini akan dikembalikan kepada pemilik tanah. Ini adalah satu perkara penting, memandangkan satu arahan telah dikeluarkan oleh Kabinet dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa dalam satu, dua negeri, kementerian sedang menyiasat sama ada perkara ini adalah benar, iaitu perkara kerajaan-kerajaan negeri yang ingkar mematuhi arahan Kabinet tidak mengambil alih tanah di bawah seksyen 3(a) dan 3(b) Akta Pengambilan Tanah.

Saya harap Yang Berhormat boleh memberitahu, mana negeri tersebut dan di sini saya boleh menyatakan dengan jelas sekali bahawa kerajaan negeri Melaka telah melanggar arahan Kabinet kerana bulan lepas ada satu pengwartaan atau satu notis (Borang E) di bawah Kanun Tanah Negara telah dikeluarkan kepada pemilik tanah di tengah-tengah bandar Melaka untuk menjalankan satu projek komersial - ditengah-tengah Bandaraya Melaka Bersejarah. Kalau begitu, ini dengan jelas sekali, oleh kerana Borang E telah dikeluarkan dan mereka diminta menghadiri siasatan oleh Pejabat Tanah, kalau

begitu, saya harap pihak kerajaan atau pihak kementerian boleh mengambil tindakan tentang perkara ini dan ini bukanlah satu, dua peristiwa, ini telah berlaku sepanjang tahun ini dan tahun lepas juga.

Selain daripada contoh yang telah saya berikan, saya boleh berikan banyak contoh lagi. Saya harap, yang penting sekali ialah, apakah tindakan yang akan diambil kalau wujudnya peristiwa seperti yang saya nyatakan ini. Adakah kementerian akan menyatakan dengan jelas, tanpa ragu-ragu bahawa tindakan akan diambil terhadap kerajaan negeri dan juga tanah akan dipulangkan kepada tuan punya tanah dan pemilik tanah supaya mereka mendapat pampasan yang lebih adil apabila rang undang-undang ini dipinda seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akta Pengambilan Tanah telah disalahgunakan oleh banyak kerajaan negeri kerana harga pampasan yang mereka bayar adalah terlalu rendah - itu yang pertama.

Kedua, tanah diambil bukan untuk kepentingan awam, untuk swasta, di mana tuan punya tanah tidak ada peluang untuk membangunkan secara komersial tanah mereka sendiri sungguhpun mereka bermohon untuk berbuat demikian. Oleh kerana kepincangan seperti ini, di mana tanah dibangunkan oleh pihak ketiga, yang biasanya rapat dengan pemimpin tertinggi Barisan Nasional dan biasanya penyalahgunaan kuasa berlaku dan biasanya bila rasuah dan duit kopi telah dihulurkan kepada pegawai-pegawai Pejabat Tanah atau kerajaan negeri. Ini biasanya yang berlaku. Saya bercakap di sini secara terbuka bahawa memang benar Pejabat Tanah merupakan salah satu agensi kerajaan yang paling rasuah sekali.

Kalau tak percaya, itu bermakna semua hidup, 'seperti katak di bawah tempurung'.

Seorang Ahli: Tunjukkan bukti!

Tuan Lim Guan Eng: Ada banyak bukti! Ada buat aduan kepada pihak BPR tetapi BPR tidak mengambil tindakan, apa boleh buat? Tetapi ini memang berlaku, kalau kita hendak tutup mata - tutup mata! Tetapi di sini, ini merupakan satu alat penyalahgunaan oleh pihak kerajaan dan kalau begitu memandangkan kerajaan hendak meminda supaya ia lebih adil kepada tuan punya tanah dan untuk memastikan ia tidak disalahgunakan, untuk memastikan amalan rasuah tidak berlaku. Dan yang penting sekali, satu bayaran pampasan yang adil kalau mereka terpaksa menyerahkan tanah kepunyaan mereka, ini tak kira, apa jenis tanah. Malahan tanah adat Melayu pun tak terlepas seperti mana yang berlaku di Melaka, kes pengambilan tanah di Kampung Pantai Kundur dan Tanah Merah untuk projek penapis minyak Petronas di mana tanah adat Melayu diambil alih secara paksa, sungguhpun ia tidak digunakan untuk projek penapis minyak Petronas. Ini pun berlaku!

Oleh sebab itu, saya rasa adalah patut bahawa kerajaan membekukan dengan serius, dengan benar-benar membekukannya dan tidak seperti yang berlaku sekarang, sungguhpun arahan telah dikeluarkan, dia masih melanggar arahan itu dan masih mengambil tanah secara paksa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup!

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak gulung sedikit!

Tuan Pengerusi: Hmm!

Tuan Lim Guan Eng: Dan saya harap pihak kerajaan pun tentang jabatan koperasi akan memberikan status kedudukan Kobena Berhad dan juga siasatan ke atas National Land Finance Cooperative Society Limited di atas penjualan saham matured. Apakah kedudukan sekarang tentang siasatan ini dan juga tentang kerugian yang dihadapi oleh Koperasi Kobena dan cadangan oleh kerajaan untuk mengatasi kerugian beratus-ratus juta ringgit ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya. Ada berapa orang yang hendak berucap? Kalau tidak ramai, kita tak payah sambung malam ini! Ya, lima orang ya, Bukit Mas.

6.02 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan dua perkara di dalam Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, pertama sekali di dalam tajuk Jabatan Pembangunan Koperasi dan Program 040000 iaitu Jabatan Pembangunan Koperasi.

Tuan Pengerusi, kita merasa amat gembira sekali oleh kerana jabatan ataupun Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi adalah satu kementerian yang begitu penting khusus untuk membantu masyarakat pedalaman, rakyat yang miskin untuk membangun aset-aset seperti tanah dan cara-cara yang lain untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka masing-masing.

Tetapi, di dalam lingkungan ini, saya ingin bertanya kepada kementerian, ada peruntukan untuk tahun 1997 sebanyak RM3,680,000, berapakah peruntukan yang diagihkan untuk negeri Sarawak? Tujuan saya bertanya soalan ini, oleh kerana saya pernah dua kali datang ke pejabat Pengarah Pembangunan Koperasi Negeri Sarawak, iaitu mengutarakan cadangan untuk membantu rakyat khususnya di kawasan pedalaman.

Di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa, saya pernah mengutarakan masalah yang dihadapi di kawasan pedalaman, kawasan saya Bukit Mas, di kawasan Hulu Rajang, Baram, di mana kos barang-barang yang dijual begitu tinggi. Misal kata yang saya tegaskan tempoh hari, di Bario satu beg simen RM100 dan kita bayangkan bagaimanakah kita dapat membantu masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman? Cara yang baik iaitu untuk menubuhkan koperasi di tempat yang sesuai, supaya melalui koperasi ini dapat mengawal harga barang-barang yang dijual di kampung ataupun di rumah-rumah panjang.

Tuan Pengerusi, tetapi malangnya, apabila saya mengutarakan cadangan seperti ini untuk kawasan saya Bukit Mas, yang saya dapati ada satu masalah yang dihadapi oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Sarawak iaitu tidak ada peruntukan yang cukup dari segi kewangan supaya pegawai dapat melawat ke kawasan tertentu ataupun menubuh koperasi yang baru.

Permintaan spesifik saya iaitu kalau boleh, saya memang tahu di kawasan saya misal kata di Bario, Ba' Kelalan, di Long Semado, memang ada koperasi sekarang. Tetapi cara koperasi ini untuk mencapai matlamat yang ia

ditubuhkan setakat ini tidak memuaskan dan memerlukan lawatan dari pihak ataupun pegawai daripada kementerian ataupun Jabatan Pembangunan Koperasi. Dan sekiranya tidak ada kewangan yang mencukupi untuk jabatan, bagaimana mereka dapat melawat koperasi tersebut?

Kalau boleh, saya minta tolong tambahlah peruntukan untuk negeri Sarawak kerana negeri itu besar luasnya dan kawasan pedalaman memakan kos yang tinggi untuk melawat dan saya juga ingin minta kalau boleh tubuhkan satu atau dua koperasi baru di kawasan Bukit Mas, khususnya di kawasan berdekatan Batu Danau di kawasan Limbang bersempadan dengan Brunei dan kalau boleh tubuh lagi satu badan kopeasi di sebelah Sabah dengan Sarawak, di Merapok.

Tuan Pengerusi, saya memberi jaminan kalau Jabatan Pembangunan Koperasi datang melawat, saya akan ada bersama-sama mereka untuk membantu.

Yang kedua, saya ingin bangkitkan di sini iaitu mengenai Butiran 04800 iaitu Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SALCRA). Di sini untuk tahun depan, ada anggaran ataupun peruntukan sejumlah RM20 juta untuk SALCRA di Sarawak.

Saya ingin bertanya di sini, apakah peruntukan ini diagihkan untuk membuka tanah baru ataupun untuk membangun beberapa bangunan ataupun membeli kenderaan untuk SALCRA.

Tuan Pengerusi, tujuan saya bertanya iaitu saya difahamkan SALCRA ini ditubuh di Sarawak untuk membuka tanah-tanah adat, dengan izin, Native

Customary Right Land dan terbukti di negeri Sarawak sekarang ini, Native Customary Right Land ini dimiliki oleh kaum Dayak berketurunan Iban, Bidayuh dan kaum Orang Ulu.

Dan sejumlah kira-kira 1.2 juta hektar, dengan izin 1.2 million hectares of Native Customary Right Land in Sarawak. Yang saya ingin bertanya di sini mungkin soalan begitu spesifik, bagaimanakah pencapaian SALCRA untuk membangun tanah adat ataupun tanah pesaka kaum Dayak di Sarawak? Kiranya, kalau kita ingin membantu kaum Dayak untuk menurunkan kadar kemiskinan ataupun untuk membantu kaum Dayak meningkatkan taraf kehidupan mereka dari segi ekonomi, saya rasa tidak ada lain dan tidak bukan untuk membangun tanah Native Customary Right Land ini, Tuan Pengerusi, iaitu tanah adat ataupun tanah pesaka yang dimiliki oleh kaum Dayak secara keseluruhan.

Sekarang ini, saya difahamkan SALCRA berpusat hanya di kawasan Bahagian Pertama dan Kedua. Adakah pendekatan baru yang akan diambil kira oleh SALCRA untuk berkembang sampai ke hujung negeri Sarawak di kawasan saya, di Limbang, Lawas, Bukit Mas? Jauh sekali! Tetapi yang penting, yang saya ingin terangkan di sini, sekiranya pendekatan SALCRA iaitu untuk membantu masyarakat bumiputera di kawasan pedalaman harus kita cari cara yang baru sekiranya SALCRA dalam satu tahun dapat memajukan hanya 10,000 ekar tanah. Bayangkan 1.2 million hectares, Tuan Pengerusi, berapa tahun SALCRA akan menggunakannya untuk memajukan tanah itu. Adakah cadangan misal kata di dalam kawasan tertentu, oleh kerana infrastruktur tidak ada dan jauh daripada kawasan bandar ibu kota ataupun bandar-bandar yang dekat dengan tanah-tanah adat ini? Adakah SALCRA bercadang untuk mengajak misal kata, public listed company dari Kuala Lumpur datang untuk membuka kawasan-kawasan tanah NCR ini?

Tuan Pengerusi, misal kata, di dalam kawasan saya Bukit Mas, saya berterima kasihlah, selama ini kita mengajak public listed company datang

untuk membuka tanah, sekarang ini ada tiga, lima public listed company bergabung dengan LCDA, satu agensi kerajaan. Ini adalah satu cara yang baik untuk memanfaatkan penduduk di kawasan pedalaman khususnya kaum bumiputera 100% orang yang diam di kawasan pedalaman di Sarawak adalah kaum bumiputera.

Tuan Pengerusi, kalau kita ingin maju dalam Wawasan 2020 tidak ada cara yang lain, majukan dari segi ekonomi, kemudian baru dalam pendidikan, dari segi sosial pun kita tidak akan ketinggalan.

Soalan saya memang sangat terperinci, saya berharaplah pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, kalau pendekatan untuk membangun tanah adat itu melalui SALCRA, kemungkinan RM20 juta tidak mencukupi, kerana RM20 juta ini mungkin tidak cukup untuk membina satu kilang kelapa sawit. Kalau

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup!

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Pengerusi, saya gulung!

Tuan Pengerusi: Hmmm!

Tuan Michael Lisa Kaya: Dengan saranan seperti begini, saya berharap Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi khususnya di dalam pembangunan tanah adat di negeri Sarawak dapat membantu negeri Sarawak untuk mencari pendekatan baru. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Parit Sulong.

6.21 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, dengan ringkas saya akan merujuk kepada Butiran 020000 dengan Program 020100 dan 020200 dan sekaligus iaitu mengenai Pentadbiran Tanah.

Tuan Pengerusi, kita amat memahami bahawa salah satu daripada objektif pengurusan dan perundangan tanah ini adalah mewujudkan pembaharuan dalam pentadbiran tanah supaya dapat menyampaikan perkhidmatan yang cekap, berkesan, produktif dan juga berkualiti. Pada waktu yang sama, ia berobjektif mewujudkan perundangan dan dasar tanah yang sesuai bagi mencapai kehendak Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini, dengan ringkas, saya ingin bertanya jumlah tanah yang dikategorikan di bawah rizab Melayu? Dan pada waktu yang sama, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, adakah pada masa ini kita telah mempunyai satu perundangan yang jelas mengenai tanah rizab Melayu?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini, terdapat beberapa kenyataan yang mencerminkan perkembangan baru terhadap pemikiran kita, terhadap tanah rizab Melayu. Contohnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu menggulung perbahasan di dalam Perhimpunan Agung UMNO pada bulan lalu, telah pun membuat satu kenyataan yang mencerminkan pembaharuan sikap kita terhadap tanah rizab Melayu. Menteri sendiri pun telah membuat kenyataan lebih kurang dua, tiga minggu yang lalu mengenai tanah rizab Melayu.

Pada waktu yang sama, kita mempunyai satu lagi sikap yang conventional mengenai tanah rizab Melayu di mana tanah rizab Melayu yang

telah pun diambil oleh kerajaan untuk sesuatu pembangunan hendaklah diganti dan tanah rizab Melayu hendaklah diberi perlindungan. Nilai komersial tanah rizab Melayu tidak sama dengan tanah yang freehold ataupun yang tanah berstatus bebas.

Jadi, dengan itu, saya dengan ringkas minta satu guideline ataupun satu penjelasan dari pihak kementerian supaya wujud satu penyelarasan sama ada dari segi perundangan ataupun dari segi garis panduan mengenai tanah rizab Melayu khususnya mengenai masa depannya dan juga nilai komersialnya sama ada boleh juga diterima oleh pihak institusi kewangan supaya tanah rizab Melayu ini tanpa sebarang prejudis boleh dijadikan satu colateral kepada mana-mana pinjaman perniagaan untuk memajukan lagi masyarakat bumiputera.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Nampaknya, kita hendak kena sambung sedikitlah, ya! Ada Usul tadi Yang Berhormat. Ya!

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul yang berbunyi iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam,

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Perbahasan disambung semula

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.43 [Jadual] -

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yan. Empat orang ya!

6.25 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Butiran 020000 - Pentadbiran Tanah.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini memang banyak kita bercakap tentang tanah dan saya ingin bercakap tentang Tanah Simpanan Melayu.

Tuan Pengerusi, hari ini kita dapat lihat bahawa tanah menjadi masalah kepada negara kita di mana kadang-kadang sesuatu bangunan yang kita hendak buat itu masalah kita adalah tanah. Kos sesuatu bangunan ataupun kos sesuatu projek itu akan meningkat.

Tuan Pengerusi, macam kita hendak membina rumah kos rendah, rumah mungkin kita boleh buat dengan harga yang murah, tetapi tanah itu menjadi masalah sehinggakan akhir-akhir ini kita bercadang untuk menambak laut dan

saya ucap tahniah kepada Menteri Besar Kedah yang telah mengambil inisiatif yang awal iaitu untuk menambak laut di seluruh pantai di negeri Kedah supaya tanah-tanah baru dapat kita wujud di samping kita mempertingkatkan lagi pendapatan nelayan yang hidup di tepi-tepi laut.

Tuan Pengerusi, tanah-tanah Melayu ini, terutama sekali di kawasan bendang, walaupun kerajaan berura-ura hendak mengadakan pajakan, tetapi sebenarnya, la ni orang belah kampung itu pajak sudah bertahun dah. Hak buat bendang itu dia biasa pajak sampai 10 musim dan kadang-kadang tanah itu dimiliki walaupun secara di dalam gerannya milik orang Melayu, tetapi tanah Melayu itu telah dimiliki oleh orang bukan Melayu. Apatah lagi kalau kita bercadang pula untuk hendak memberi pajakan.

Tuan Pengerusi, saya percaya bahawa usahawan Melayu hari ini mampu untuk hendak membangun tanah-tanah Melayu ini. Bukan tak mampu, dah mampu! Kalau kita sudah mampu pergi sampai keluar negara kita, pergi sampai ke merata tempat, dok melabur itu, ini, bangunkan tanah-tanah di Afrika, bangunkan di Vietnam, di Korea, di Cambodia dan sebagainya, fasal apa kita tidak boleh bangunkan yang dok ada dalam negara kita ini? Yang sebenarnya, muafakat itu kena ada!

Jadi, saya menyeru kepada tokoh-tokoh korporat Melayu, tokoh-tokoh usahawan Melayu dan juga syarikat Melayu yang ada daya ketahanan kewangan mereka yang kuat, bangunkan tanah-tanah ini. Kita mampu lakukan perkara yang sebegini, bukan tak mampu, bukan lekeh sangat!

Tuan Pengerusi, tetapi, masalah kadang-kadang kita merasakan bila orang Melayu hendak memiliki tanah, kita letakkan kelasnya di bawah sangat. Sampai kadang-kadang pihak bank, bank itu undang-undang kita yang buat, peraturan banking itu. Sebelah menyebelah - kalau tanah Melayu dan sebelahnyanya tanah freehold, fasal apa yang hendak beza? Apakah malangnya nasib orang Melayu ini, sampai harga tanah dia sendiri pun tidak berharga? Kalau tanah tak berharga, apatah lagi orangnya?

Tuan Pengerusi, jadi, kementerian kena fikirilah hak ini sat. Saya bukan hendak kata tak bersetuju hendak pajak itu. Fasal apa hendak pajak, bukan orang tidak boleh buat. Banyak orang Melayu kita boleh buat dan usahakan tanah-tanah itu, tetapi dia kena muafakat elok. Tuan tanah kena pakat elok, pemaju pun kena duduk berunding elok-elok supaya hak kita ini takkan terlepas.

Tuan Pengerusi, tanah bukan mudah hendak beli. La ini kadang-kadang, tengok tanah FELDA ini, dengan sekelip mata orang-orang itu jadi jutawan. Dia dapat sepuluh relung atau sepuluh ekar, la ni jadi jutawan. Duit, Tuan Pengerusi, kalau tidak betul-betul habis begitu, tanah pun tidak ada. Misalnya, ada orang di Langkawi dahulu ada tanah, hari ini dia bawa teksi, fasal apa? Dia dapat duit; dia jual tanah, dia dapat berjuta; kemudian dia jadi tidak ketahuan, daripada jutawan jadi tak ketahuan, akhir sekali dia bawa teksi. Jadi, di sini pengurusan itu kena elok.

Saya mengharapkan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya pastikan, cari satu formula baru. Formula kita untuk memajak tanah

untuk pembangunan ini bagi saya adalah formula yang tidak pandang jauh ke hadapan, sedangkan saya kira boleh lagi kerana banyak tokoh usahawan-usahawan Melayu yang begitu berjaya hari ini. Cuma mungkin mereka ini tidak ada masa hendak berunding dengan tuan tanah. Tetapi kalau kita ada satu muafakat supaya tanah-tanah ini dirundingkan secara baik, dibangunkan dengan usaha sama sudah tentu mereka akan bersetuju.

Jadi, saya mencadangkan kalau boleh kementerian mengadakan satu unit khas iaitu unit sebagai tempat kita memastikan berapa banyak tanah-tanah Melayu yang ada, berapa banyak tanah-tanah Melayu yang telah tergadai supaya tanah-tanah ini akan diselamatkan balik dan diuruskan dengan lebih tersusun. Walaupun pihak kementerian nanti memberi alasan, ini hak kuasa kerajaan negeri, tetapi saya percaya penuh kalaulah kerajaan mengarah kerajaan-kerajaan negeri supaya lebih prihatin tentang tanah-tanah ini, maka mereka akan turut. Macam sekarang ini apabila Kerajaan Persekutuan memberi arahan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak boleh lagi dibuat pengambilan tanah sehingga pindaan Akta Tanah ini diluluskan oleh Dewan Rakyat yang akan dikemukakan kelak, boleh dikatakan semua kerajaan negeri turut, dia tidak buat, kalau buat juga pihak kementerian 'black list'lah mereka semua. Mana-mana Exco ataupun wakil-wakil rakyat yang duduk dalam negeri itu melanggar arahan daripada pusat, maka kita ambillah tindakan.

Tuan Pengerusi, saya bimbangkan satu hari nanti orang kita tidak ada tanah. Macam orang tua-tua pesan jangan jual tanah ini, kalau habis duit tidak ada pun, pergi mencangkul, boleh juga hampa makan. Kalau susah, ada juga

tanah pergilah tanam kacang atau sebagainya. Itu pesan orang tua-tua pada anak-anak cucu dia. Betapa susahnya sebab orang tua-tua dahulu dia pugah tanah ini bukan mudah, mana ada bulldozer menjalar, dia pugah pakai tulang empat kerat sahaja.

Di masa orang tua-tua kita dahulu dia pugah hutan belantara, tanam pokok durian, sekarang ini buah durian anak cucu bukan makan, pajak dusun durian tidak apa, Tuan Pengerusi, tetapi jangan pajak tanah. Pajak dusun durian, tahun depan kita boleh ambil balik, tetapi bila pajak tanah, saya takut dia 'teralit-teralit', lama-lama akhirnya habis. Sebab yang ini kawasan bendang, jadi saya tahu sangat. Dahulu bila anak-anak dia hendak pergi universiti tidak ada duit, dia pajak tanah itu, pajak sampai kadang-kadang 5 tahun, kemudian hendak kenduri anak pula, tambah lagi 5 tahun sudah 10 tahun, selepas itu hendak perbesar rumah pula pajak lagi 5 tahun jadi 15 tahun. Akhirnya dia itu seorang petani, tetapi tidak pernah buat bendang. Dia ada buku subsidi, tetapi bukan hak dia. Itu adalah pajak secara yang tidak diiktiraf oleh kerajaan, pajak secara 'soksek-soksek' orang Kedah kata, dia berunding sama-sama mereka.

Tuan Pengerusi, saya haraplah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini supaya mencari satu formula baru macam baru-baru ini dalam Perhimpunan Agung, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyuarakan terkilan beliau hendak bangunkan Kampung Bahru. Memanglah Kampung Bahru berada di tengah-tengah Wilayah Persekutuan dan perlu dibangunkan.

Saya berharaplah orang Kampung Bahru dapat muafakat, berpakat elok-elok, carilah tokoh-tokoh korporat Melayu kita duduk semeja berunding. Dia kata 'win-win situation' dengan izin, maknanya pakat untung seorang sedikit, kita bangunkan tanah-tanah itu. Tidak apalah mungkin Tuan Pengerusi, hari ini kita tidak boleh bangunkan tanah itu, kita tidak mampu, tetapi tunggulah tidak lama anak-anak kita, cucu-cucu kita dia mampu, dia buatlah. Macam orang-orang tua kita dahulu dia tidak boleh pergi ke universiti, dia tidak boleh pergi sekolah, dia buta huruf, tetapi sampai kepada anaknya dia celik sedikit, boleh baca sepatah dua, dan bila sampai cucu dia boleh masuk universiti, boleh kerja besar dan sebagainya. Jadi, perlahan-lahan, 'tatih' perlahan-perlahan, kita kelam-kabut hendak pergi mana.

Oleh itu, saya harap sangat-sangatlah bahawa kementerian pastikan bahawa tanah-tanah ini dikawal, bukan bermaknanya kita tidak mahu bangun, tetapi biarlah dia bangun dengan tersusun dan pembangunan itu dapat dinikmati oleh pemilik tanah itu sendiri, dengan usaha sama atau dengan apa cara. Tetapi janganlah kita lepaskan benda-benda macam itu. Maklumlah kalau kita pajak sampai 30 tahun ini, bukan masa yang pendek, bila tanah itu sudah bangun, tidak lama kita hendak ambil balik, dia sambung itu, sambung ini, macam-macam boleh buat. Akhir-akhirnya tidak ada apa juga. Kita ini daripada duduk di pekan kadang-kadang kita lari pergi kampung, pergi sampai kaki bukit, buka tanah, selepas itu pula bangunkan tanah itu, lama-lama kita hendak duduk atas mana? Duduk atas bukit? Tidak patut sangat, atas bukit pula orang buat kawasan peranginan, kawasan relax dan sebagainya. Jadi,

akhir-akhirnya mana kita hendak pergi. Setakat sekarang ini pun kita terpaksa tambun laut untuk hendak buat pembangunan, jadi ke hadapan-ke hadapan ini kita hendak buat apa, kalau tanah itu tidak ada? Jadi, saya pegang balik kepada kata-kata orang tua-tua dahulu, 'walaupun sekangkang kera, hang jagalah elok-elok' dia kata, ini orang Kedahlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi baru masuk sekejap.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tetap 10 minit, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya rasa baru 5 minit - saya cakap baru 5 minit.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya gulung.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya hendak mintalah kerajaan-kerajaan negeri ini, hendak pastikan dia ada satu unit khas di pejabat menteri-menteri besar untuk hendak mengkaji balik banyak mana Tanah Simpanan Melayu ini hilang dan bila mereka boleh cover balik, ganti balik tanah-tanah ini. Sebab saya tengok kadang-kadang kita mahu pembangunan itu, saya pun mahu pembangunan, bukan saya tidak mahu, di kawasan saya pun hendak pembangunan, tetapi carilah alternatifnya supaya pembangunan berjalan, tetapi hak kita tidak hilang. Ini ada setengah-setengah kerajaan negeri di Tanah

Simpanan Melayu, di rumah-rumah yang sepatutnya kuota itu kuota bumiputera pun tidak dicop milik simpanan Melayu, ada berlaku ini sehinggakan developer boleh jual tanah itu. Jadi yang freehold kita boleh dapat 30%, kadang-kadang terlepas, hak Malay Reserve kita patut ada 70% pun tidak boleh kekal 70%, akhir-akhirnya hak itu terlepas, hak ini pun terlepas, lama-lama kita tidak ada apa.

Lagi satu tanah-tanah Melayu yang ada dalam kawasan-kawasan bandar-bandar besar ini, saya harap agensi-agensi besar seperti UDA dan sebagainya, yang ditubuhkan dahulu adalah untuk memastikan orang-orang Melayu bumiputera dapat tempat di dalam bandar-bandar besar ini. Tetapi minta maaf UDA ini pun dia hendak kira 'bottom line', dia kira hendak untung sahaja. Apa erti keuntungan kalau hak kita tidak ada? Mungkin hujung tahun pengerusi dia atau ketua pengarahnya berasa bangga untung sekian-sekian juta, untung atas duit. Duit kita boleh cari, tetapi hendak cari seinci tanah ini pun bukan mudah - bukannya mudah. Jadi, saya berharap agensi-agensi kerajaan, perbadanan-perbadanan kerajaan yang ditubuhkan ini dia kena memainkan peranannya. Kalau tidak untung tidak apa, asalkan benda-benda itu terselamat.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap cuba kita ketatkan pembelian-pembelian orang-orang asing ini hendak memberi property sama ada tanah atau harta-harta dalam negara kita. Saya difahamkan di Johor ini boleh dikatakan hendak dibeli orang. Saya takut satu hari nanti Menteri Besar itu Menteri Besarlah, tetapi tanah itu semuanya hak orang, hendak jadi Menteri Besar buat

apa. Jadi, yang ini kita kena jaga, kita kena kawal. Oleh itu, saya mintalah termasuk negeri-negeri lain, kerana saya biasa tengok iklan dalam surat khabar hendak jual tanah kepada orang-orang luar daripada negara kita. Setengah negara lain, Tuan Pengerusi, hendak beli seinci tanah pun tidak boleh. Kita bernikah dengan rakyat negeri dia pun tidak boleh, anak kita pun tidak boleh, sebab anak campuran - Malaysia dengan negeri itu - tidak boleh, dia kena anak genuine negeri itu baru boleh beli tanah itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat masa sudah suntuk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Suntuk.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak perhabis mukadimah gulung boleh? Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sudah beri peluang, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak beri peluang kepada kawan-kawan, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sudah beri peluang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau buat tidak perhabis ini tidak bagus, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Habiskan ayat itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya perhabislah, saya perhabis.

Jadi, begitulah saya harap kerajaan ketatkan balik sungguhpun kita kata depa hendak beli tanah itu, hendak beli rumah, kos pembelian mereka itu lebih tinggi. Itupun, Tuan Pengerusi, duit macam orang Singapura dia beli di sini, duit kita kecil, duit dia besar. Jadi, tenggelam macam itulah. Jadi, akhirnya kita gigit jari. Saya takutlah kita gigit jari dan bila kita gigit jari tidak lama anak-anak cucu-cucu kita tidak ada tempat hendak berteduh, pada masa itu kita merasa sedih dan saya takut satu hari nanti tanah-tanah kubur pun depa swasta. Pada masa itu bukan hak hidup, hak mati pun susah.

Jadi, inilah saya harap kementerian perbetulkan balik dan saya hendak minta sungguh berkenaan tanah Melayu ini, saya minta sungguh-sungguh kepongla di samping kita hendak bangunkan tapi bangunkanlah secara yang tertib, cara yang tersusun dan cara yang kedua-dua pihak mendapat manfaat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mentakab.

6.41 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah dan juga Program 020100 - Pentadbiran Tanah, khususnya mengenai pengeluaran hak milik strata.

Walaupun perkara ini sering dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, saya dapati bahawa sejak pemindahan akta tersebut, perkembangan pengeluaran hak milik title masih tidak memuaskan. Saya berpendapat masalah yang biasa

dihadapi oleh pemilik-pemilik dan pemaju yang dalam kelambatan pengeluaran hak milik strata itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor.

Faktor pertama, pemaju sebenarnya sengaja melambat-lambatkan permohonan untuk mendapat hak milik strata tersebut walaupun di bawah peruntukan akta itu mereka mesti mengemukakan permohonan dalam tempoh 6 bulan selepas CF dikeluarkan. Pemaju enggan membuat apa-apa permohonan untuk mendapat hak milik strata (title) disebabkan beberapa sebab:-

- (i) ada kemungkinan hak milik tanah tersebut telah digadai oleh pemaju untuk mendapat bridging finance, dengan izin, dan jika pemaju tidak menjelaskan hutang tersebut kepada institusi bank atau institusi kewangan maka pemaju akan sengaja melambatkan permohonan kepada pihak tertentu;
- (ii) ada juga pemaju-pemaju yang sentiasa menggunakan ruang bersama iaitu common area untuk mendapat keuntungan sebab ramai pemilik mungkin tidak sedar bahawa ruang bersama adalah milik bersama oleh semua pemilik tetapi pemaju telah pun mengambil kesempatan menggunakan ruang bersama untuk mengadakan berbagai aktiviti seperti pameran dan sebagainya untuk terus mendapat keuntungan;
- (iii) ada kemungkinan juga pemaju-pemaju walaupun telah terima caj untuk ukuran-ukuran tanah dan juga caj untuk memohon hak milik strata tetapi jika pemaju telah menggunakan wang tersebut,

jadi pemaju akan mengambil berbagai alasan untuk melambatkan permohonan kepada pejabat tanah;

- (iv) pemaju dengan caj yang dikutip dari perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada pembeli, pemaju sedikit sebanyak akan dapat keuntungan dari caj tersebut. Jadi, pemaju biasanya enggan mempercepatkan permohonan kepada pejabat tanah; dan
- (v) ketiadaan penguatkuasaan oleh pihak kementerian terhadap pemaju-pemaju yang melambatkan permohonan tersebut dan ketidaksedaran hak-hak pembeli-pembeli bahawa pemaju boleh dijatuhkan hukuman jika mereka lambat membuat permohonan untuk mendapatkan hak milik strata. Jadi, sebab-sebab tersebut biasanya telah memberi alasan dan telah menyebabkan pemaju lambat mengemukakan permohonan.

Faktor kedua, salah satu syarat untuk pengeluaran hak milik strata ialah mesti adanya satu management corporation untuk mengendali atau menguruskan kerja penyelenggaraan bangunan yang berkenaan dan masalah sentiasa timbul sehubungan ini ialah antara pihak pemaju dan pemilik tanah tersebut.

Biasanya pemilik-pemilik akan menuduh bahawa mereka tidak puas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh pemaju. Oleh sebab itu, mereka enggan membayar caj perkhidmatan kepada pemaju dan bagi pihak pemaju pula, pemaju sentiasa menuduh oleh sebab mereka tidak dapat kutip caj perkhidmatan maka mereka tidak dapat menjalankan perkhidmatan yang diwajibkan. Jadi, ini sentiasa timbul masalah antara pihak pemaju dan pemilik dan sehingga menjejaskan keselamatan penduduk mengenai penggunaan lif dan juga biasanya kebersihan persekitaran tidak dijaga dengan baik.

Di sini saya ingin cadangkan bahawa jika kita hendak betul-betul menyelesaikan masalah management corporation, saya mencadangkan management corporation mesti diberi kuasa untuk mengambil tindakan

terhadap pemilik-pemilik yang tidak membayar caj perkhidmatan, termasuk tindakan kompaun atau tindakan mengenakan faedah terhadap tunggakan caj perkhidmatan yang tidak bayar. Tanpa tindakan dan kuasa tersebut, saya berpendapat masalah 'chicken and egg', dengan izin, Tuan Pengerusi, sukar diselesaikan.

Faktor ketiga, Tuan Pengerusi, ialah kelambatan pihak pejabat ukur menjalankan kerja ukuran yang biasanya mengambil masa tiga hingga lima tahun untuk menghabiskan kerja mereka. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Serdang, bahawa ini nampaknya satu aspek yang perlu dikaji dengan lebih teliti. Sama ada kerja ukur yang perlu untuk pengeluaran hak milik strata atau kerja ukur tanah yang perlu di kampung-kampung termasuk kampung baru, kita dapati bahawa masa dan tempoh yang perlu diambil oleh Jabatan Ukur memang amat panjang. Di sini saya ingin bercadang untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pejabat ukur mungkin masa sudah sampai untuk kementerian mengkaji kemungkinan menswastakan pejabat ukur demi meningkatkan keberkesanan kerja mereka. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah.

6.50 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya juga mengambil bahagian membahaskan Maksud Bekalan B.43 khususnya di bawah Program 020100 - Pentadbiran Tanah dan juga Program 020200 - Kemajuan Pengurusan dan Perundangan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita semua sedia maklum, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita semua masih menunggu suatu pindaan khas yang akan dibuat kepada Akta Pengambilan Tanah 1960. Saya percaya ramai daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bersetuju dan juga

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun memberi pengakuan betapa perlunya pindaan undang-undang ini dibuat seberapa segera.

Saya juga mengucapkan syabas kepada kerajaan, khususnya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kerana telah mengarahkan pembekuan segala tindakan untuk mengambil semula tanah yang ada berkaitan atau bertujuan untuk kepentingan ekonomi yang mana arahan tersebut tidak menjejaskan pengambilan semula tanah bertujuan untuk keperluan atau kepentingan awam.

Oleh yang demikian, kerana peruntukan yang memberi tujuan untuk kepentingan ekonomi telah memberi makna dan tafsiran yang begitu luas sehingga menjejaskan dan menyebabkan banyak berlakunya penyelewengan dan eksploitasi yang tidak sihat. Maka, wajar sangatlah beberapa pindaan segera dibuat kepada undang-undang tersebut.

Tuan Pengerusi, di samping kita masih menunggu pindaan tersebut, izinkan saya di Dewan yang mulia ini menarik perhatian semua pihak tentang wujudnya begitu ghairah atau di masa-masa kebelakangan ini banyaknya terdapat orang-orang yang menjadi peneroka tanah-tanah Felda dan Felcra menjadi orang kaya baru ataupun dipanggil OKB - millionaire baru sebaik-baik sahaja mereka menandatangani perjanjian dengan pemaju-pemaju besar untuk membangunkan tanah-tanah mereka menjadi kawasan perumahan ataupun kawasan perindustrian. Dalam konteks ini, saya menyokong agar kumpulan

peneroka-peneroka yang telah begitu lama hidup dalam kesusahan menerima perubahan kesejahteraan hidup yang lebih baik pula.

Menarik perhatian kita kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, beliau telah menekankan kepada peneroka-peneroka khususnya supaya mereka ini berwaspada dan berhati-hati dalam melaksanakan pembangunan tanah-tanah mereka kerana mereka ini perlu mendapat bantuan. Mereka ini adalah tergolong di dalam kumpulan yang begitu daif. Daif di dalam serba-serbinya - fizikal dan mentalnya.

Perlu kita ketahui ramai di antara peneroka-peneroka ini datangnya daripada kumpulan yang susah. Mereka ini diberi tanah dengan tujuan untuk menampung hidup anak beranak mereka. Oleh kerana wujudnya perkembangan semasa, tanah telah begitu berharga dan pembangunan kawasan telah begitu pesat, wajar sungguhlah mereka ini diberi bimbingan dan panduan yang sewajarnya dan mereka ini perlu dilindungi supaya mereka mendapat ganjaran dan imbuhan yang setimpal.

Kita tidak mahu melihat dengan adanya keadaan ini terdapat kumpulan peneroka-peneroka yang daif ini dieksploitasi. Sebagai contohnya, baru-baru ini kita dapat dengar dan lihat di akhbar ataupun di dalam siaran televisyen wujudnya kawasan-kawasan peneroka Felda yang telah menandatangani perjanjian untuk mendapat imbuhan sebanyak RM120,000 seorang dengan mendapat 10% daripada ganjaran yang sepenuhnya. Bermakna mereka ini mungkin akan mendapat RM1,200,000 ataupun RM1,400,000 seorang.

Dalam konteks ini, izinkan saya menarik perhatian kementerian kalau boleh membuat satu penyiasatan secara terperinci kepada kumpulan ini kerana mereka ini kalau sekiranya mendapat ganjaran yang sewajarnya ataupun dari segi perundangannya tidak ada masalah, kita mengalu-alukan mereka. Tetapi kita takut kalau berlakunya penindasan atau pengeksploitasian di mana mereka ini sama ada dibawa terlibat bersama dalam proses pembangunan atau menyertai projek pembangunan tersebut.

Pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu Dewan ini kononnya kerajaan baru-baru ini telah membuat satu keputusan melalui Majlis Tanah Negara untuk membuat satu garis panduan supaya setiap pembangunan tanah-tanah Felcra, Felda dan Risda wajar mendapat kelulusan kerajaan negeri dan kerajaan pusat terlebih dahulu. Saya sangat-sangat mengalu-alukan perkara ini.

Dan juga setiap pembangunan itu hendaklah diberi peluang atau priority kepada tuan-tuan tanah supaya dapat melibatkan diri untuk mendapatkan ekuiti yang setimpal juga kerana kalau ini kita tidak dapat membuat satu garis panduan yang betul, kita sedia maklum kerana semakin ramai di kalangan peneroka ini tidak begitu faham dari segi membangunkan atau mengambil kesempatan dari bidang korporat, mereka ini akan dieksploitasi oleh kumpulan orang tengah, menyebabkan mereka akan mendapat jumlah yang tidak seberapa mana.

Tuan Pengerusi, izinkan juga saya membangkitkan di Dewan yang mulia ini sebagai contoh, kalau kita tidak mengambil satu pengawasan yang begitu

tegas, di Felcra pun berlaku di mana satu kumpulan peneroka Felcra, sungguhpun mereka ini telah diberi geran tanah mereka melalui koperasi Felcra. Koperasi ini, maklum sahajalah, kumpulan peneroka ini sebagaimana saya katakan tadi, mereka ini kebanyakannya berumur lebih daripada 50 atau 60 tahun ke atas dan mereka ini senang sahaja dinyanyikan oleh puak-puak yang cukup pandai menyanyi.

Dalam konteks ini, mereka akhirnya telah menandatangani satu perjanjian. Saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kontrak yang telah ditandatangani itu saya telah menelitinya dan ia adalah di dalam keadaan yang tidak patut sama sekali kerana ini melambangkan terlalu lopsided. Di sini tuan tanah hanya diberi ganjaran ataupun pemberian sebanyak 10% dari nilai Harga Jualan sahaja iaitu lebih kurang RM16,000 atau RM17,000. Bermakna nilai tanah ialah RM1.90 sekaki persegi, walhal sebenarnya keadaan nilai tanah di waktu sekarang ini lebih kurang RM4 atau RM5. Pembayaran itu juga akan dibayar dalam jangka masa yang tidak memberi satu tarikh yang tertentu. Ini jelas sekali dari segi perundangan pun banyak kelihatan kelemahan.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya kementerian kalau boleh, tidak terlewat lagi, cubalah ambil satu tindakan supaya di mana sahaja boleh kita tolong, mereka ini perlu ditolong.

Kes yang saya maksudkan ialah Koperasi Peneroka Rancangan Felcra Sendayan-Labu Bhd. yang telah membuat satu perjanjian dengan Syarikat Tan & Tan dan ini melibatkan 800 ekar tanah. Sungguhpun sekarang ini kita tahu

semua tanah-tanah tersebut asalnya dahulu adalah tanah pemberian kerajaan yang dilakukan oleh peneroka-peneroka. Ini tanah hak milik dan setelah itu apabila disebut tanah-tanah peneroka, ia tertakluk di bawah, dengan izin, Group Settlement Act (GSA) dan kalau kita lihat akta ini, perlu terlebih dahulu segala urusan perjanjian tanah ini mendapat kelulusan daripada kementerian.

Andainya kelulusan belum diperolehi sewajarnya segala janji-janji atau perjanjian yang telah dibuat itu boleh lagi pihak kementerian mengambil sesuatu tindakan untuk menolong kumpulan ini. Setidak-tidaknya membawa mereka semula ke garis panduan sebagaimana yang telah diaturkan ataupun dibuat keputusan oleh kerajaan baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya izinkan saya juga membawa kesatu keadaan di mana semoga semua projek-projek yang melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti Felda, Felcra, Risda dan sebagainya perlulah membuat kajian dan perancangan supaya pihak-pihak Felda, Felcra dan Risda ini sebagai pihak induk ataupun custodian kepada peneroka-peneroka ini perlulah diberi pertimbangan juga untuk memiliki peratus ekuiti yang sewajarnya, selain daripada memiliki ekuiti kepada tuan-tuan tanah ataupun pihak-pihak kerajaan negeri.

Sebagai contoh, kalau sekiranya satu perjanjian telah dibuat di antara, baru-baru ini Felda LBJ dengan SCDC ataupun PKNS, kerajaan negeri atau sebagainya. Kita tahu biasanya dalam satu pembangunan itu, 70% atau 80% kepada pihak pemaju dan 20% atau 30% kepada tuan-tuan tanah. Di sini, kalau sekiranya pihak-pihak tuan tanah langsung tidak ada terlibat dan hanya diberi

harga pembelian sahaja, maka segala hasrat murni yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah lari daripada asalnya.

Justeru itu kita juga perlu memikirkan kedudukan pihak-pihak yang telah lama menyertai badan-badan ataupun melaksanakan tanggungjawab membangunkan tanah seperti Felda, Felcra dan Risda. Mungkin pihak ini wajar diberi pertimbangan juga kerana mereka ini dalam masa-masa yang singkat seperti Felda, Felcra mungkin akan dikorporatkan tidak lama lagi dan justeru itu, wajarlah pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi memikirkan sedalam-dalamnya, sebaik-baiknya supaya keadaan ini dapat dimanfaatkan kepada semua pihak.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin menarik perhatian kepada perkara tanah rizab Melayu, dengan ringkaslah kerana masa tidak mengizinkan. Suka saya menarik perhatian Dewan ini bahawa tanah rezab Melayu sekarang ini ada lebih kurang 8 juta ekar di seluruh Semenanjung. Apakah perlu tanah rizab Melayu ini melalui perubahan supaya sehaluan dengan arus perdana pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, kerana masa tidak mengizinkan, saya ringkaskanlah. Ingin saya sarankan di sini, tanah rizab Melayu ini adalah satu-satunya hak milik orang Melayu yang telah diwujudkan semenjak zaman penjajah dahulu lagi. Dalam proses kita menghadapi era pembangunan, perlu pihak kementerian membuat satu pengkajian secara serius agar tanah-tanah rizab Melayu ini dapat dimajukan tanpa ada diskriminasi, tanpa ada perbezaan nilai

supaya mereka ini sehaluan ataupun selaras dengan tanah-tanah biasa. Tanah tidak ada menyatakan bahawa tanah ini tidak boleh, itu boleh, tanah semua serupa sahaja. Tetapi, kadangkala adanya prejudis dan prasangka ataupun kurang penelitian di setengah-setengah pihak menjadikan ia berbeza.

Tuan Pengerusi, kerana masa tidak mengizinkan biar saya akhirkkan ucapan saya ini dan mungkin saya akan dapat sama-sama menolong kementerian dengan adanya beberapa kertas kerja yang saya lakukan untuk saya sarankan kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jelebu.

7.06 mlm.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 43 - Butiran 020000, 020100 mengenai dengan Pengurusan dan Perundangan Tanah. Apa yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan pengurusan dan pentadbiran tanah di peringkat daerah.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pengurusan tanah ini, saya kadangkang tertanya-tanya juga dengan diri sendiri, apa sudah jadi dengan tanah-tanah yang ada di daerah-daerah ini? Sebab kita lihat dari masa ke semasa keluasan tanah yang sepatutnya disimpan kepada kerajaan telah berkurangan, berkurangan dan terus berkurangan dengan program-program ekonomi yang dijalankan. Dan yang pelik juga di dalam keadaan kerajaan melarang, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pengambilan tanah oleh pihak kerajaan masih juga berlaku.

Jadi, saya pun tidak tahulah macam mana keadaannya dan apakah fungsi kementerian ini sebenarnya ke atas pejabat-pejabat tanah negeri, mahupun kerajaan negeri. Apakah ada kuasa yang boleh mengatasi kuasa yang ada kepada kerajaan negeri. Apakah tugas unit naziran, apakah tugas unit penguatkuasaan, KPTG dan sebagainya? Kalau kita lihat penerokaan tanah-tanah haram di peringkat negeri berleluasa. Masih dapat kita lihat bahawa di dalam hutan-hutan belantara itu ada kawasan-kawasan kebun dan ladang-ladang getah dan sebagainya. Tidak siapa pun tahu.

Saya ingin bertanya semenjak beberapa tahun yang lalu, sejak dua tahun yang lalu misalnya, berapakah keluasan tanah-tanah kerajaan yang diteroka secara haram yang dapat dikesan oleh pihak unit penguatkuasaan pejabat-pejabat tanah dan sebagainya? Dan berapa pula tanah-tanah yang diteroka itu telah ditanam dengan tanaman getah, pertanian yang lain dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, saya teringat kes tahun 1981, masa itu saya sebagai Penolong Pegawai Daerah Tanah. Tidak ada siapa pun memberitahu bahawa ada tanah yang diteroka oleh orang-orang yang tidak berkenaan di Gambang, Daerah Kuantan, Pahang. Tetapi, oleh kerana kecekapan ajen kita, kita dapat mengesan seluas 3,000 ekar tanah telah diusahakan selama tiga tahun. Penolong Pegawai Daerah sebelum saya itu pun tidak dapat mengesan dan yang peliknya unit penguatkuasaan tidak tahu perkara ini. Tetapi, alhamdulillah dengan strategi yang kita buat tidak memerlukan pun unit daripada yang ada di kementerian ini, unit penguatkuasaan di kementerian ini, cuma kita menggunakan budi bicara kita dan akal kita, kita berjaya mengesan aktiviti ini dan kita melihat bahawa banyak lagi kawasan-kawasan tanah kerajaan yang telah diusahakan secara haram.

Kalau tidak silap pada saya tahun 1981 selepas kejadian di Gambang itu, beribu-ribu kawasan tanah kerajaan telah diteroka selang beberapa tahun dapat

dikesan selepas itu. Jadi, saya harapkanlah kementerian ini kalau ada kuasa kita, gunakanlah kuasa yang sebenarnya. Jangan kita hanya percaya sangat dengan keadaan laporan di dalam kertas, di dalam buku dan sebagainya. Kita lihat, turun ke bawah. Saya tidak mahu ada pihak yang mengambil keuntungan secara percuma. Sepatutnya hasil dibayar kepada kerajaan, permohonan dan sebagainya dibuat, kelulusan didapatkan, barulah kita boleh usahakan.

Tetapi ada pihak yang bersubahat melakukan permasalahan dan kesalahan ini.

Walau bagaimanapun, apabila dibicarakan kita menang. Tetapi bukan senang hendak dapat kes-kes macam ini. Kita terpaksa menyiasat perkara-perkara ini.

Saya menyarankan unit-unit penguatkuasaan di peringkat Pejabat-pejabat Tanah Daerah disarankan untuk bergerak, mendapatkan maklumat - cari permasalahan. Saya yakin dan percaya banyak tanah-tanah kerajaan yang diteroka secara haram. Sebab itulah, saya menyarankan perkara ini dapat dilihat, dan kementerian pergilah sekali-sekala tinjau, buat spot check, walaupun urusan tanah ini di bidang kuasa kerajaan negeri. Tetapi kementerian, saya yakin dan percaya, ada kuasa juga yang diperuntukkan.

Di samping itu, mengenai dengan pengukuran tanah. Peruntukan banyak diberikan kepada kerajaan negeri dan sebagainya, tetapi banyak lagi masalah-masalah tanah orang-orang kampung tidak berukur, tanah-tanah Felda tidak berukur, hutang-hutang telah dibayar sejak beberapa lama, tetapi geran tidak boleh dapat. Sebab alasan kerja ukur tidak siap. Ini siapa punya kerja sebenarnya? Adakah peneroka punya kerja ataupun Pejabat Tanah punya kerja? Pada hal kalau pergi di Pejabat Tanah dia kata kalau hendak cepat minta juru ukur berlesen (private) peneroka/pemilik hendak bayar lagi. Apa

fungsinya juruukur yang ada pada kerajaan? Pejabat Tanah ini apa kerjanya sebenarnya? Terlalu banyak sangatkah kerja? Kalau banyak kerja, orang tak cukup, tambahlah orang, tambah kakitangan, tambah pekerja. Jangan masalah yang ada di depan mata kita lihat begitu sahaja tanpa diusahakan. Kita melihat masalah dari masa ke semasa sepatutnya kita usahakan untuk diatasi. Bukan kita biarkan sahaja sehingga membebankan pemilik ataupun pemunya tanah-tanah berkenaan.

Saya ingin bertanya setakat hari ini, berapa luaskah tanah-tanah Felda yang telah diukur? Berapa ramai peneroka-peneroka Felda yang telah selesai membayar hutang-hutang mereka dan berapa ramai yang sudah dapat geran ataupun hak milik dan berapa ramai yang belum mendapat hak milik? Statistik itu saya hendak. Kalau tidak dapat esok pun, bagilah notis bila-bila, kemukakan kepada saya. Sebab ini mustahak.

Di kawasan Parlimen Jelevu ada 11 Skim Felda, Tuan Pengerusi. Ada pula yang sudah menjelaskan hutang beberapa lama, tetapi geran tak dapat dan menimbulkan masalah di kalangan jawatankuasa peneroka, JKKR dan sebagainya, kerana ditekan oleh peneroka-peneroka yang lain, kata persatuan tidak buat kerja dan sebagainya. Jadi, ini menimbulkan masalah.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai dengan permohonan tanah. Jadi, saya haraplah kementerian ini beritahulah kerajaan negeri sedikit. Sebab kakitangan kerajaan, kadang-kadang kita kasihan juga kakitangan kerajaan hendak minta tanah tidak dapat pun. Pada halnya kita dibenarkan memiliki tidak lebih daripada 20 ekar tanah. Tetapi bila kakitangan kerajaan minta,

ditolak, alasannya - "kakitangan kerajaan". Jadi, kementerian beritahulah kepada kerajaan negeri cuba pertimbangkan. Sebab apabila kakitangan kerajaan sudah pencen ataupun hampir pencen, dia akan balik kampung. Dia tidak akan duduk di dalam bandar. Kebanyakannya akan balik kampung. Jadi, sekurang-kurangnya adalah satu-dua ekar untuk mereka untuk dijadikan tapak rumah dan sebagainya untuk mereka hendak bertani, bercucuk tanam selepas pencen dan sebagainya. Jadi, saya menyarankan supaya kementerian membuat sesuatu dengan kerajaan negeri, dan diharaplah mereka ini akan balik, apabila bersara nanti akan dapat sesuatu.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi mengenai dengan Butiran 05000 - Pembangunan Koperasi. Koperasi ini banyak dalam negara kita ini. Saya hendak tahu apakah ada usaha untuk memulihkan koperasi yang setengah mati. Dan saya ingin tahu berapakah jumlah koperasi yang berdaftar, yang dipulihkan daripada sakit tenat oleh jawatankuasa yang berkenaan, dan berapakah jumlah koperasi yang telah dibatalkan daripada pendaftarannya dek kerana masalah-masalah yang tidak dapat dipulihkan?

Buat akhirnya, Tuan Pengerusi, mengenai Felda. Kita lihat bahawa Felda akan diperuntukkan sebanyak RM141 juta untuk tahun 1997 bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan. Apa yang saya harapkan selaku Wakil Rakyat yang selalu ditemui oleh pihak-pihak peneroka. Felda kena tengok semula tentang bangunan-bangunan, balai raya, dewan yang telah dibina 10-15 tahun yang lalu. Kerana bangunan-bangunan ini perlukan penyelenggaraan, maintenance dan sebagainya.

Pernah saya memanjangkan surat kepada pihak Felda untuk membiayai kos pendawaian semula Dewan Felda di Pasoh 3 dalam Daerah Jempol, Parlimen Jelebu. Saya ingat sudah setahun saya hantar surat itu, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap banyak kali pun tak kuasalah. Surat Ahli Parlimen pun tak dapat layanan sebenarnya. Usahkan hendak beri peruntukan, hendak membiayai pendawaian semula elektrik yang telah terbakar oleh kerana petir dan sebagainya, tak lulus. Habis, siapa hendak bayar, siapa hendak buat ini? Peneroka tidak ada duit. Ini bangunan yang dimiliki oleh Felda, kenapa Felda tidak hendak membiayai? Saya pun hairan dan pelik. Apakah Felda ini memikirkan keuntungan sahaja, sedangkan masalah-masalah kebajikan peneroka tidak dilayani. Apatah lagi untuk menambah dan membaiki yang baru. Untuk menyelenggara sahaja tak boleh hendak layan, habis macam mana? Apatah lagi dengan bangunan-bangunan yang lain, dengan tadikanya, dengan suraunya, tidak juga. Terpaksa kita mencari peruntukan yang lain-lain. Apakah tidak ada tanggungjawab Felda untuk menyelenggara perkara-perkara ini. Dan jalan-jalan pun begitu juga.

Jadi, saya haraplah pengurusan Felda melihat perkara ini. Jangan biarkan peneroka-peneroka dalam keadaan tertekan memberontak dan dalam keadaan gelisah. Kerana untuk makluman pegawai-pegawai kerajaan, macam kawasan Parlimen Jelebu itu, kalau tidak adanya golongan peneroka ini yang membantu di dalam pilihan raya yang lalu, saya ingat susah Barisan Nasional di kawasan Parlimen Jelebu hendak menang - saya menyatakan - susah. Cubalah fikirkan, mereka ini orang yang setia, bertungkus-lumus kerja siang malam untuk parti, untuk kerajaan, hendak menegakkan kerajaan. Kita sebagai wakil rakyat mengemukakan permohonan mereka tidak dapat layanan. Ini apa cerita? Ke mana pergi duit yang kita peruntukan berjuta-juta? Apakah dibelanjakan dengan baik ataupun tidak? Selaku bekas pegawai kerajaan - saya tahu. Saya tahu dan bagaimana kita hendak membelanjakan duit. Jadi, tolonglah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya rasa terharu sebenarnya bila hendak menyampaikan perkara ini. Sedih kita. Sebab kita minta tidak dapat, tetapi masyarakat peneroka masih lagi mendesak. Jadi, kita hendak duduk di mana? Pegawai-pegawai kerajaan hendak tepuk tangan sahajakah tengok wakil rakyat kena desak? Apakah fungsi pengurus-pengurus FELDA yang ada di situ? Langsung tidak dapat menyelami masalah ini!

Tuan Pengerusi, cakap banyak pun tidak guna, saya ingat itulah sahaja. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Bintang.

7.21 mlm.

Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh kepada Butiran 020000, 020100 - Pentadbiran Tanah. Tentang Akta Pengambilan Tanah, dalam kes ini seperti yang telah saya ucapkan pada peringkat dasar tentang tanah-tanah yang telah diambil oleh pihak Majlis Perbandaran Kelang melalui No. Gazet 908 bertarikh 28hb. Oktober, 1993. Pada masa kini, hak milik untuk kesemua 4 keping tanah tersebut telah didaftarkan bagi syarikat Elivest Sdn. Bhd, anak syarikat Ocean Capital Bhd.

Tanah-tanah ini ialah, yang pertama, HA(D)13511.PT.765(P)166. Kedua, HH(D)141415.PT.308(817) Seksyen 21. Ketiga - Geran 28113, dahulunya HS(D)5939.PT.614; dan keempat CT.23214 sampai CT23241 Lot 311 sampai Lot 338. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sayarikat yang mempunyai hak milik tanah ini telah bercadang untuk membina sebuah tempat

letak kereta dengan 1,400 lot-lot tempat letak kereta dan tanah ini adalah berhampiran dengan Ocean Supermarket - syarikat induknya di Bandar Kelang.

Saya pun difahamkan bahawa Majlis Perbandaran Kelang juga bercadang untuk membina sebuah tempat letak kereta dan kos pengambilan tanah itu adalah melebihi RM14 juta. Saya hendak bertanya, apakah rasionalnya bagi MPK membelanjakan sejumlah RM14 juta wang rakyat jelata hanya untuk bayaran kos tanah sahaja?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, setahu saya tidak ada MPDK, MPK sahaja.

Dr. Lee Chong Meng: MPDK - Majlis Perbandaran Daerah Kelang. Ini di Kelang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: MPK ada, MPDK tidak ada.

Dr. Lee Chong Meng: Okay, MPK. Maaf.akan membelanjakan lebih daripada RM20 juta untuk membina tempat letak kereta sahaja. Saya rasa kalau dibiarkan syarikat swasta itu membina tempat letak kereta sendiri, Majlis Perbandaran Kelang (MPK) akan berjimat RM34 juta dan akan mendapat untung, lebih wang melalui kutipan taksiran (assessment). Bukankah cara ini lebih praktikal dan produktif untuk Perbandaran Kelang (MPK).

Dalam konteks dasar kerajaan untuk menswastakan kebanyakan kemudahan-kemudahan awam seperti elektrik, jalan raya, air dan lain-lain, tindakan Majlis Perbandaran Kelang untuk menjalankan perniagaan meletak kereta adalah satu langkah kebelakang yang berlawanan dengan dasar dan amalan kerajaan sekarang. Adalah menjadi satu tanda tanya mengapa Majlis

Perbandaran Kelang bersungguh-sungguh sangat untuk mengambil tanah ini? Daripada mula-mula lagi tempat meletak kereta adalah satu bahagian integral Pasaraya Ocean. Jadi, tidak ada sebab mengapa satu pihak lain menjalankan perniagaan meletak kereta ini.

Tempat meletak kereta ini adalah tempat yang amat penting bagi pasar raya ini untuk kemudahan pelanggan-pelanggannya. Saya pun difahamkan bahawa pengambilan tanah ini bukanlah tempat untuk meletak kereta sahaja, jauh dari itu, tanah ini menjadi tumpuan orang yang terletak di pusat bandar Kelang untuk pembangunan perdagangan. Jikalau tanah yang 3 ekar ini dijual atau diswastakan atau dibuat joint venture dengan pihak lain, jadi, tujuan mengambil tanah ini pun tidak betul dan juga disalahgunakan.

Saya harap pihak berkuasa mempertimbangkan semula perkara ini. Saya juga difahamkan bahawa kes ini mestilah diselesaikan dengan cara yang adil. Jikalau tanah-tanah ini disalahgunakan oleh pihak Majlis Perbandaran, saya rasa ini akan menjadi isu politik kerana tuan punya tanah tidak akan membiarkannya begitu sahaja. Syarikat Ocean Supermarket mempunyai pekerja lebih kurang 500 orang dan mereka akan berpiket untuk keadilan dikekalkan.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, cukai taksiran pun telah dibayar oleh Syarikat Elivest sampai tahun 1995, walaupun tanah ini diambil alih oleh Majlis Perbandaran pada tahun 1993. Mahkamah Tinggi pun telah menolak pendaftaran bagi Majlis Perbandaran Kelang dan semua dokumen-dokumen pun telah dikembalikan kepada pihak perbandaran. Cek sejumlah RM14 juta

untuk bayaran kepada Syarikat Chee Lung pun telah expired, dengan izin. Tanah ini pun tidak di 'caveat'kan oleh pihak MPK. Borang "K" pun tidak dihantarkan oleh pihak MPK sampai sekarang. Oleh sebab itu, saya rasa kementerian boleh menyelesaikan isu ini dengan jasa baik untuk kebaikan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri di minta menjawab.

7.28 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, izinkan saya mula menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan hari ini. Saya telah duduk di sini dan mendengar dengan teliti perkara-perkara yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dan bagi saya, ini merupakan pengalaman yang baik kerana Wakil Rakyat merupakan pemimpin akar umbi dan maklum balas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sangat penting bagi kementerian untuk membuat penelitian dan untuk membuat kajian semula.

Saya pun menghargai disiplin yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam masa menyentuh dan membangkitkan banyak perkara dan kementerian saya akan meneliti semua perkara yang dibangkitkan hari ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nampaknya masa sudah suntuk. Yang Berhormat bolehlah menjawab pada petang esok.

Dr. Goh Cheng Teik: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.